

"GLOBALISASI, revolusi dalam teknologi maklumat dan komunikasi serta ekonomi baru - kesemua ini menghuraikan semula landskap ekonomi global. Kesemua kuasa ini tidak boleh ditarik balik dan menawarkan kesempatan yang amat banyak bagi kemakmuran global." - Titah Sempena Sidang Kemuncak CEO, APEC pada 14 November 2000 di Bandar Seri Begawan.

# Pelita قليتا بروني BRUNEI



Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

"DAN bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk beribadat kepada Allah semata-mata, maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapa pun bersama-sama Allah." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Jiin ayat 18.



## ANTARA YANG MENARIK

**Hasrat Negara:** Perkhidmatan Awam sebagai pemudah cara utama bagi perkembangan sosioekonomi  
- Muka 2

Empat perwakilan asing sembah Surat Watikah Perlantikan  
- Muka 4

11.5 juta kiriman surat dikendalikan 2005  
- Muka 6

Deklarasi Hanoi tekankan tiga fokus utama  
- Muka 7

Sekitar Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi APEC (ALEM) Ke-14  
- Muka 8 & 9

Haluan: Menguji kualiti pencapaian memahami Al-Qur'an  
- Muka 10

Cabaran negara di Doha bermula 3 Disember 2006  
- Muka 15

Sentiasa muhasabah diri, bertaubat dan berdo'a  
- Muka 4 ANEKA

## TAHUKAH AWDA

NEGARA Brunei Darussalam mula menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (SSEAYP) pada tahun 1984. SSEAYP ditaja oleh Kerajaan Jepun dengan menyediakan kapal mewah 'Nippon Maru' bagi membawa para peserta belia dari negara ASEAN dan Jepun ke negara-negara terbabit. Setiap peserta akan tinggal bersama keluarga angkat mereka di setiap negara yang mereka kunjungi dalam usaha mengeratkan hubungan antara negara-negara matakahari terbit itu dengan negara-negara ASEAN melalui penyertaan generasi belia. - Sumber dari PELITA BRUNEI 21 Oktober 1998.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menerima junjung ziarah para bakal jemaah haji lelaki (kiri), sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mahzar berkenan menerima junjung ziarah para bakal jemaah haji perempuan di Istana Nurul Iman. - Foto: Ramli Tengah dan Abdullah Haji Awang Damit.

## Menerima junjung ziarah bakal jemaah haji

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar berkenan menerima junjung ziarah para bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam secara berasingan di Istana Nurul Iman di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerima junjung ziarah bakal jemaah haji lelaki dari pelbagai peringkat umur yang akan menunaikan fardu haji di Kota Suci Mekah bagi musim haji tahun ini.

Sementara di ruang lain Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri pula menerima junjung ziarah para bakal jemaah haji perempuan.

Berangkat sama di Majlis Junjung Ziarah itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah.

Oleh : Aliddin Haji Moktal  
aliddin.moktal@information.gov.bn

tadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah.

Seperti juga di tahun-tahun yang sudah, Ke-

bawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan mengurniakan kain ihram sepasang setiap seorang kepada bakal jemaah haji lelaki dan sepasang kain telekung setiap seorang

bagi bakal jemaah haji perempuan.

Menurut Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, pada tahun ini lebih 1,000 orang menunaikan fardu haji bagi musim haji tahun 2006.

Pada tahun ini, seperti juga tahun lalu, bakal

jemaah haji kita akan diterbangkan dalam enam penerbangan di mana penerbangan pertama dijangka akan berlepas pada hari Khamis, 7 Disember depan.

Jabatan berkenaan meningkatkan para jemaah supaya sentiasa memastikan pasport dan do-

kumen-dokumen yang lain dibawa bersama sebelum penerbangan.

Para jemaah juga diingatkan agar tidak membawa buku-buku dan apa-apa jua risalah serta mematuhi arahan-arahan seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi.

## Sektor pendidikan swasta diseru JANGAN ABAIKAN KESEJAHTERAAN PELAJAR

SUNGAI AKAR, Isnin, 27 November. - Kementerian Pendidikan hendaklah memastikan sektor pendidikan swasta tidak akan mengabaikan kepercayaan yang diberikan oleh ibu bapa kepada sekolah-sekolah swasta dalam mendidik anak-anak mereka.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda, dalam pada itu kos pengurusan sekolah seharusnya tidak dijadikan keutamaan semata-mata, namun tindak-tanduk dalam menanganinya perlu diimbangi dengan peningkatan kualiti pendidikan yang diberikan kepada para pelajar.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda ketika merasmikan Kompleks Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), DYT

Oleh : Dk. Hajah Fatimah  
Pg. Haji Md. Noor  
fatimah.noor@information.gov.bn  
Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
bakar.rahman@information.gov.bn

penyertaan difokuskan bagi memastikan kesejahteraan serta kebajikan para pelajar yang menuntut di sekolah-sekolah pendidikan swasta akan sentiasa terjamin.

"Pelibatan pihak swasta dalam sistem persekolahan ini bukan sahaja dilihat dari segi

peningkatan ekonomi negara melalui industri pendidikan malah yang lebih penting, ianya juga berjaya meningkatkan kualiti pendidikan penduduk negara ini," sabda DYT.

DYTM menegaskan pencapaian sesebuah institusi pendidikan itu memerlukan semua pihak berkepentingan untuk terus komited dan saling memahami akan peranan masing-masing untuk memberikan tumpuan serta sumbangan yang terbaik.

Apa yang perlu dalam perkara ini, sabda DYT antaranya cabaran kepada pihak-pihak pengurusan sesebuah institusi pengajian, untuk memastikan mutu, kepelbagaian dan kesinambungan sistem pendidikan bagi menjana kemajuan minda serta mengekalkan jati diri bangsa.

Lihat muka 16



دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمَهَا  
ثَمُورَهُ دَانَ مَهَا قِيَابِغْ

Dari Sidang Pengarang

29 NOVEMBER 2006 BERSAMAAN 1427 ذوالقعدة 8

## MENITI CABARAN DOHA

**S**UKAN Asia Ke-15 di Doha, Qatar akan bermula dua hari lagi. Gelanggang Doha akan menjadi medan pertarungan bagi lebih 13 ribu atlet dari 45 buah negara Asia untuk berjuang bagi muncul sebagai juara keseluruhan dalam edisi ke-15 itu. Bagi negara kita, Negara Brunei Darussalam ini adalah kali kelima kita menyertainya. Setentunya, para atlet kita akan meniti cabaran Doha dengan semangat kesukanan yang tinggi dalam usaha mencipta kejayaan dan menaikkan imej serta martabat negara di pentas dunia sukan. Tetapi misi Doha amatlah berat, kerana Sukan Asia menampilkan jaguh-jaguh sukan bertaraf dunia dan Olimpik.

Dalam sejarah penyertaan di Sukan Asia sebanyak empat kali semenjak 15 tahun yang lalu, pencapaian atlet negara belumlah boleh kita banggakan kerana kita cuma mampu mengumpul empat pingat gangsa dari dua cabang sukan iaitu karatedo dan sepak takraw. Maka cabaran di Doha, adalah masa terbaik untuk kita memperbaiki pencapaian kita yang terdahulu.

Apa pun alasan, sebenarnya kita mampu untuk bersaing dan menyaingi setiap lawan dalam apa jua pertandingan. Cuma barangkali kadang-kadang para atlet kita selalu 'kalah bulu' dan mudah menyerah kalah sebelum bertanding. Apa yang mustahak kita jangan gerun dan takut melihat fizikal lawan, personaliti lawan dan kejaguan pihak lawan. Mustahak para atlet mempunyai semangat juang yang tinggi. Perlu diingat kadang-kadang atlet yang ternama dan 'established' juga 'rebah', 'tersungkur' dan tewas dalam pertandingan. Buktinya nyata dan terdapat dalam kejohanan-kejohanan besar tidak terkecuali pentas Sukan Asia.

Jadi dari senario itulah kita perlu menguatkan azam dan semangat kesukanan yang tinggi bagi mencapai kejayaan dan kemenangan. Para atlet yang mewakili negara di Doha juga sepatutnya mempunyai keazaman sedemikian dalam misi kita memburu pingat.

Perkara ini juga turut difokus oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sulfi Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ketika bersabda di Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia, Doha, Qatar yang diadakan baru-baru ini.

Duli Yang Teramat Mulia antara lain menekankan: "Ini adalah merupakan satu mandat negara dan rakyat Negara Brunei Darussalam kepada setiap pegawai dan atlet yang terlibat untuk menandai dan melaksanakan tanggungjawab yang sangat berat bagi mengharumkan nama negara di arena sukan. Kita berharap semua atlet yang terpilih mestilah mempunyai azam dan semangat kesukanan yang tinggi untuk mencapai kemenangan."

Rasanya saranan Duli Yang Teramat Mulia itu merupakan satu cabaran yang sepatutnya disahut dengan semangat yang berkobar-kobar oleh para atlet negara yang akan memulakan perjuangan di medan Doha selepas acara pembukaan rasmi Sukan Asia pada 1 Disember.

Tiga atlet boling negara akan memulakan cabaran pada 3 Disember dalam acara boling. Ini kemudian disusuli dengan perjuangan empat orang wira karatedo negara kita. Kita berharap semoga tujuh wira negara yang diberi kepercayaan oleh negara kita akan terus memberikan cabaran dan mencipta sesuatu yang gemilang dalam misi kita untuk menambah pungutan pingat.

Memang tidak dapat dinafikan adat bertanding ada kalah dan menang. Tetapi kita tidak mahu para atlet kita tewas berterusan. Dalam erti kata yang lain kita tidak mahu atlet negara tewas sebelum bertanding di medan perjuangan. Perkara ini sering dikurapakan oleh orang ramai yang mengikuti kancah arena sukan tanah air. Jadi kita tidak rela wira-wira yang menjadi harapan rakyat dan negara 'kalah sebelum bertanding'. Kita juga tidak mahu para atlet mudah 'diratah' dan 'digulai' oleh lawan.

Mesej ini bukan sahaja kita tujukan kepada para atlet negara di Doha, tetapi kepada seluruh lapisan atlet negara yang dipilih mewakili negara di temasya-temasya sukan, baik di peringkat Sukan Komanwel, Sukan Negara-negara Islam dan Sukan SEA serta sukan-sukan yang bertaraf antarabangsa. Kita mahu atlet kita mengikis stigma 'kalah sebelum bertanding' dalam apa jua persada sukan antarabangsa yang disertai.

Sama-samalah kita berdoa agar para atlet negara yang kita pertaruhkan untuk meraih pingat akan beroleh kejayaan yang kita idamkan selama ini. Namun impian itu bukan semudah yang dikurapakan dan diterjemahkan. Kita terpaksa meniti cabaran di Doha dengan penuh semangat kesukanan yang tinggi, semangat juang yang jitu serta perjuangan yang akan meningkatkan imej negara di persada dunia sukan.

## HASRAT NEGARA



**SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri di Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Eastern Regional Organisation For Public Administration (EROPA) di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Selasa, 22 Syawal 1427/14 November 2006.**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**I**ANYA adalah satu kehormatan dan satu penghargaan bagi Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi Seminar Eastern Regional Organisation For Public Administration (EROPA) pada tahun ini.

Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran tetamu-tetamu kita dari seluruh rantau dan pelusuknya.

Pada dekad yang lalu sehinggalah menjangkau ke abad kini telah menyaksikan perubahan persepsi dan ekspektasi terhadap Perkhidmatan Awam dan mekanisme penyampaian.

Kerajaan-kerajaan sememangnya berada di hadapan perubahan ini dan menjadi penggerak utama dalam usaha memastikan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan selari dengan ekspektasi-ekspektasi rakyat-rakyatnya.

Sememangnya, penerimaan dan kesedaran kita bahawa perubahan yang tidak dapat dielakkan memaikan peranan penting dalam usaha-usaha kita untuk memastikan yang kita menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan berkualiti yang harus sentiasa relevan kepada faktor-faktor sosioekonomi dan geopolitik yang membabitkan tahap kehidupan orang kita.

Di seluruh dunia, usaha-usaha sebegini telah melibatkan mendefinisikan semula peranan Perkhidmatan Awam sebagai pemudah cara utama bagi perkembangan sosioekonomi dan faktor utama dalam menyediakan suasana kondusif bagi pelaburan dan pembangunan.

Dengan teretusnya globalisasi, peranan ini telah beralih ke dimensi serantau dan global di mana kualiti Perkhidmatan Awam dalam mana-mana negara sekarang memainkan peranan penting dalam menentukan tarikkannya sebagai destinasi pelabur-pelabur asing.

Kerajaan-kerajaan telah bertindak balas dengan meningkatkan tumpuan terhadap perkembangan ke-

upaya penyampaian perkhidmatan agensi-agensi awam, penggunaan teknologi-teknologi infokomunikasi moden dalam proses-proses pengurusan awam, penelitian semula sistem-sistem pengurusan kewangan dan yang lebih penting ialah pelaburan-pelaburan besar pembangunan keupayaan manusia dan institusi.

Badan-badan antarabangsa termasuk Bangsa-Bangsa Bersatu, Bank Dunia, I-M-F dan O-E-C-D juga telah memainkan peranan-peranan penting dalam penggalakan elemen 'Good Governance' dan mewujudkan tanda aras-tanda aras dunia yang sebenar bagi kecemerlangan perkhidmatan untuk memenuhi cabaran-cabaran pengurusan sektor awam di abad ke 21.

Penekanan sekarang ialah ke atas elemen-elemen keberterangjawab-an awam, ketelusan, etika yang kukuh bagi pemegang-pemegang jawatan-jawatan awam, pencegahan rasuah, amalan kerja yang terbaik, pembangunan keupayaan institusi manusia dan perkembangan teknologi maklumat.

Elemen-elemen ini adalah barisan depan dalam kerajaan di abad ini dan ianya memerlukan kita untuk memberi perhatian yang penuh dan berusaha demi untuk merealisasikan Perkhidmatan Awam berkualiti yang lebih efisien dan berkesan dalam mem-

## PERKHIDMATAN AWAM SEBAGAI PEMUDAH CARA UTAMA BAGI PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI

nuhi permintaan-permintaan masyarakat.

Di Negara Brunei Darussalam, kita telah mengadakan Wawasan Perkhidmatan Awam Ke Arah Abad 21 yang menyediakan garis pandu-garis pandu bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan untuk mencapai matlamat yang dihasratkan untuk pembaikan Perkhidmatan Awam di samping menghadapi cabaran-cabaran perubahan.

Komitmen kita untuk memastikan pelaksanaan program-program dan polisi-polisi kerajaan yang efektif, sekarang semakin lebih mencabar dari sebelumnya, terutamanya dari segi taraf perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lebih tinggi yang diharapkan dan dituntut oleh masyarakat kita yang semakin canggih.

Pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan awam kita sekarang kerap dibandingkan dengan perkhidmatan-perkhidmatan awam lain yang dianggap sebagai di antara yang terbaik ataupun perkhidmatan-perkhidmatan awam yang paling terbaik kedua-duanya di spektrum serantau dan antarabangsa.

Oleh yang demikian, peningkatan kemahiran-kemahiran, sikap mampu dan profesionalisme pegawai-pegawai awam kita sekarang menjadi keperluan utama.

Proses pembangunan keupayaan manusia dan perkembangan sumber manusia masa kita ini telah membabitkan pelaburan terbesar dalam pembangunan sumber manusia sektor awam kita, dengan tambahan peruntukan sebanyak dua ratus dan lima puluh juta ringgit Brunei ke atas rancangan kemajuan pada masa ini dan peruntukan tahunan yang ada.

Seiring dengan inisiatif kita dalam pembangunan sumber tenaga manusia kita adalah komitmen kita untuk menghadapi cabaran perkembangan teknologi maklumat yang pesat demi untuk memperbaiki penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan awam.

Seperti yang lain di rantau kita, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Per-tuan Negara Brunei Darussalam telah membuat pelaburan yang banyak dalam perkembangan dan pelaksanaan sistem-sistem e-

Kerajaan di seluruh infrastruktur Perkhidmatan Awam kita.

Kita juga semakin menyedari bahawa kejayaan e-Kerajaan bergantung kepada pengguna-pengguna teknologi ini dan keupayaan mereka untuk menggunakannya sepenuhnya.

Peranan sektor awam dalam memudah cara tahap pertumbuhan ekonomi yang sihat telah juga memberi tekanan semula terhadap kepentingan rakan kongsi-rakan kongsi strategik di antara sektor awam dan swasta.

Dengan cabaran-cabaran dan persaingan ekonomi global yang semakin meningkat, tidak dapat dielakkan bahawa kerajaan-kerajaan menambah lagi tekanan terhadap pendapat-pendapat dan maklum balas daripada sektor swasta dalam perkembangan lanjut pentadbiran sektor awam yang lebih baik.

Walau bagaimanapun, kejayaan rakan kongsi-rakan kongsi sedemikian bergantung kepada kepercayaan, objektif-objektif yang dipersetujui dan rangka kerja pemerintahan yang mewujudkan ketelusan dalam membuat keputusan dan dapat dijangkakan.

Elemen kepercayaan adalah juga tidak kurang penting dalam perkembangan perhubungan di antara kerajaan dan orang awam.

Perkhidmatan Awam seharusnya dilihat secara positif sebagai organisasi yang komited untuk bertindak pada setiap masa dengan cara yang seimbang dengan kepercayaan yang diberi oleh awam dan juga menandai isi kandungan dan hasrat undang-undang.

Perkhidmatan Awam perlu untuk menunjukkan bahawa kepercayaan tersebut wajar diberi pada setiap masa dengan mengendalikan kerja mereka dengan cara sempurna yang dapat bertahan terhadap pemeriksaan yang paling rapi.

Tindakan-tindakan dan perbuatan-perbuatan kita pada setiap peringkat organisasi mestilah konsisten dengan kata-kata kita.

Seminar yang dianjurkan pada hari ini adalah bertepatan waktunya bagi Negara Brunei Darussalam ketika kita sedang meneruskan usaha-usaha kita dalam pembangunan keupayaan untuk mencapai

kecemerlangan Perkhidmatan Awam.

Negara Brunei Darussalam menyokong visi 'Eastern Regional Organization For Public Administration' bagi menggalakan kerjasama serantau dalam perkembangan pentadbiran awam untuk membantu mempercepatkan perkembangan sosial dan ekonomi.

Kita melihat inisiatif-inisiatif untuk menggalakan kerjasama serantau tersebut sebagai satu usaha utama dalam merapatkan jurang kemajuan di kalangan ahli-ahli dan untuk merealisasikan faedah-faedah integrasi serantau di peringkat akar umbi masyarakat-masyarakat kita.

Dalam masa proses integrasi serantau ini berkembang, kita perlu sentiasa ingat bahawa perkhidmatan-perkhidmatan awam kita masing-masing terbentuk oleh setiap ke-unikan identiti kebangsaan kita dan faktor-faktor kebudayaan.

Faktor-faktor tersendiri inilah yang menentukan pendekatan-pendekatan berbeza yang diambil oleh kerajaan-kerajaan kita masing-masing dalam mengembangkan dan memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan awam kita masing-masing.

Kerana inilah juga, seminar pada hari ini adalah amat penting dalam pertukaran pengalaman-pengalaman-pengalaman meluas dan pengajaran-pengajaran meluas yang dipelajari bertahun-tahunnya oleh pakar-pakar Perkhidmatan Awam kita.

Akhirnya, saya ingin menyatakan bahawa saya menaruh keyakinan besar terhadap kepakaran dan pengalaman yang nyata daripada tahap penyertaan yang mengagumkan dalam seminar ini.

Saya ingin mengucapkan selamat dalam pertimbangan dan perbincangan kamu tentang menghadapi cabaran-cabaran masa kini dan akan datang terhadap pentadbiran awam di rantau kita.

Dengan mendahulukan kalimah BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, saya dengan sukacita merasmikan pembukaan Seminar 'Eastern Regional Organisation For Public Administration'.

Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

# PENJANA KEMAJUAN MASA DEPAN

SETIAP negara, setiap bangsa dan malahan setiap individu mengharapkan kemajuan. Paling tidak seseorang itu ingin mencapai apa yang diinginkannya - apabila tercapai apa yang diinginkan itu juga satu kemajuan namanya. Memang skala kemajuan itu berbeza-beza ia tergantung kepada saiz yang dikehendaki atau ingin dicapai oleh individu, bangsa atau sesebuah negara itu.

Kemajuan biasanya berkait rapat dengan masa depan, kerana apa yang hendak dicapai atau yang diinginkan itu akan kita peroleh atau nikmati kemudian setelah kita berusaha untuk menggapainya. Hasil atau pencapaian sesuatu kemajuan itu juga biasanya bergantung kepada keupayaan, cara, kemahiran, ilmu, komitmen kita dan seumpamanya. Sebab itu kadang-kadang sukar bagi kita memastikan bentuk kejayaan yang akan dicapai.

Demikian juga halnya dengan masa depan. Kita tidak dapat meramalkan bentuk masa depan itu. Namun memang ramai yang suka membuat ramalan, kadang-kadang mereka meramal

berdasarkan teori-teori tertentu, berasaskan fakta-fakta saintifik, perbandingan atau petunjuk daripada kejadian-kejadian yang pernah berlaku dan sebagainya. Tidak ada ramalan yang benar-benar tepat atau memenuhi apa yang mereka (peramal) itu kehendaki. Ini hakikat yang terpaksa kita terima - kita cuma merancang sedangkan pihak lain menghendaki yang lain pula.

Sebaliknya, ada pula bentuk kemajuan yang tidak pernah kita duga dan jangkakan wujud. Sebagai

## ANALISIS TITAH

Oleh: Haji Timbang Bakar  
timbang.bakar@information.gov.bn

misalan, berpuluh-puluh tahun dahulu tidak ramai orang tua-tua kita yang dapat menggambarkan bahawa kita boleh mencapai taraf hidup yang tinggi seperti yang kita nikmati pada masa ini. Kerana faktor-faktor yang mewarnai kehidupan waktu itu seolah-olah tidak meyakinkan mereka tentang adanya masa depan yang lebih baik atau maju.

Bukan pula maksud kita untuk menyalahkan mereka yang terdahulu itu, bahkan sebaliknya kita juga patut menghargai mereka, kerana mereka adalah turut menyumbang untuk memperoleh apa saja yang mungkin boleh dicapai menurut sukat-sukat keupayaan pada waktu itu.

Yang jelas usaha mere-

ka yang paling besar dan sangat bermakna kepada kita ialah memberikan pelajaran - Lalu kita menjadi terpelajar - mengikut peringkat pengajian masing-masing. Kita sudah mempunyai doktor, jurutera, juruterbang, begitu juga dengan kerjaya profesional yang lain-lain lagi dari kalangan rakyat Brunei sendiri.

Dengan berkat pelajaran itu bangsa kita pun dapat menikmati kemajuan, sebagaimana yang kita nikmati sekarang. Kita bukan saja duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain malahan juga kita sama-sama memainkan peranan di arena antarabangsa.

Dan kita juga meng-

akui bahawa untuk mencapai kemajuan itu mesti dikarih-karih dengan usaha dan azam yang kuat. Kita perlu bergerak dan berusaha sedaya upaya untuk menjana kemajuan tersebut.

Dalam konteks menjana kemajuan masa depan tidak lain sumbernya ialah ilmu. Ilmu didapatkan dari guru, murid atau penuntut memainkan peranan mengembangkan atau memajukan ilmu tersebut sebagai alat untuk mencipta kemajuan. Maka guru-guru itu adalah tenaga manusia dalam perkhidmatan pendidikan untuk melahirkan generasi bangsa yang berilmu. Jadi, kedua-duanya (guru dan penuntut) adalah penjana kemajuan di masa depan.

Sebagai salah satu penghargaan terhadap jasa dan peranan mereka, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah

meraikan mereka dalam Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di majlis tersebut pentingnya peranan mereka itu telah dijelaskan: "Murid dan penuntut adalah anak didik kepada guru-guru. Guru-guru pula adalah tenaga manusia dalam perkhidmatan pendidikan untuk melahirkan generasi bangsa. Kedua-duanya adalah penjana kemajuan di masa depan."

Adalah jelas, semua itu bermula dengan memberikan pelajaran yang disusuli oleh perancangan-perancangan tertentu dengan memberikan peluang kepada sebahagian mereka bagi melanjutkan pengajian ke per-

ingkat yang lebih tinggi.

Maka dengan contoh-contoh tersebut, kita sepatutnya lebih yakin dan optimistik untuk terus merancang masa depan bangsa menerusi murid-murid dan penuntut-penuntut kita.

Dunia dan manusia akan terus menyaksikan kemajuan ilmu pengetahuan, manakala kecemerlangan sesuatu bangsa itu akan lebih ditentukan oleh sejauh mana mereka dapat menguasai ilmu dan kemahiran.

Demikian antara lain gagasan yang baginda tekankan dalam titah baginda di majlis tersebut. Gagasan ini jelas membawa mesej tentang betapa pentingnya ilmu dan perancangan untuk masa depan bangsa dan negara menerusi penguasaan ilmu dan kemahiran. Itulah rahsia dan kunci kemajuan.

# DPPW menerima mengadap empat perwakilan asing

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar  
bolhassan.bakar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menerima mengadap empat perwakilan asing yang tidak menetap ke negara ini.

Di majlis yang berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan, Duli Yang Teramat Mulia mula-mula menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Re-

publik Mali yang berpejabat di Tokyo, Jepun, Puan Yang Terutama Guisse Maimouna Dial.

Sejurus selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Slovak yang berpejabat di Jakarta, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Lajciak.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Belgium yang berpejabat di Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Marc Galcoen.



DULI Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Slovakia, Tuan Yang Terutama Lajciak (kiri) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Bosnia dan Herzegovina, Tuan Yang Terutama Mustafa Mujezinov (kanan). - Foto: Halim Haji Sulaiman.



Akhir sekali Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Bosnia dan Herzegovina yang berpejabat di Kuala Lumpur, Malaysia, Tuan Yang Terutama Mustafa Mujezinov.

Semasa Majlis Mengadap itu, Duli Yang Teramat Mulia telah mengalu-alukan keempat-empat perwakilan asing yang baru dilantik dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.

## 38 peserta menerima sijil penulisan laporan

RIMBA, Khamis, 16 November. - Seramai 38 orang peserta menerima sijil penyertaan 'Bengkel Program Latihan Profesional: Penulisan Laporan, yang diadakan selama empat hari di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Penyampaian sijil disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim selaku tetamu kehormat.

Melalui bengkel anjuran Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, para peserta telah mempelajari pelbagai teknik dan proses penulisan laporan yang berbentuk evaluatif, di samping terlibat dalam kerja amali khusus untuk melatih diri tentang cara laporan yang jelas, komprehensif, tepat dan jitu.

Selain itu, peserta kursus juga diajar bagaimana merumus laporan, menghasilkan laporan yang kredibel dengan menyertakan 'academic content and professional element' di samping diagnosis, prognosis dan cadangan.

Teknik-teknik memperoleh data dan pembuktian melalui pemeriksaan, pemantauan dan penyeliaan juga disentuh yang kesemuanya akan menjadikan laporan berkenaan komprehensif dan kredibel.

Para peserta juga didedahkan kepada amalan-amalan penilaian, pencerapan dan pemeriksaan yang dipraktikkan oleh jemaah nazir di beberapa negara.

Oleh: Zahrani Haji Bojeng

Makluman dan perkongsian ini berupaya mengembangkan pengetahuan para peserta terhadap peranan nazir di negara-negara lain, di samping didedahkan kepada 'the rigour of inspection' yang memerlukan semua nazir cekap dan berkesan.

Juga menyertai bengkel tersebut ialah Penolong Pengarah Kenaziran Jabatan Kenaziran, Sekolah-Sekolah, Awang Lim Jock Cheng.

Penyertaan dari jabatan-jabatan lain di bawah Kementerian Pendidikan dalam bengkel ini sedikit sebanyak dapat memberi kefahaman tentang tugas para nazir dan keperluan penaziran dilakukan.

Aspek penting yang turut ditekankan dalam bengkel ini termasuklah pemeriksaan, pencerapan dan penilaian untuk standard pendidikan berkualiti tinggi, memastikan pelajar menerima khidmat kependidikan yang berkualiti tinggi.

Laporan yang efektif dan berkualiti setentunya akan dapat memberikan kefahaman kepada pihak-pihak berwajib tentang status QUO sebenar selain membantu pihak berkenaan memilih langkah-langkah atau strategi yang baik dalam meningkatkan lagi kualiti pendidikan di samping berpeluang berkongsi pengetahuan dan pengalaman bersama pakar yang diundang dari Malaysia, Tuan Aloysius Lee.



DULI Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Mali, Puan Yang Terutama Guisse Maimouna Dial (kiri) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Belgium, Tuan Yang Terutama Marc Galcoen (kanan). - Foto: Halim Haji Sulaiman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat Watikah Perlantikan dari Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Mali, Puan Yang Terutama Guisse Maimouna Dial (kiri) dan dari Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Slovak, Tuan Yang Terutama Lajciak (kanan).

## Empat perwakilan asing sembah Surat Watikah Perlantikan

Oleh : Dk. Hajah Fatimah  
Pg. Haji Md. Noor  
fatimah.noor@information.gov.bn  
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar,  
Ramli Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam berkenan menerima Surat Watikah Perlantikan empat perwakilan asing yang tidak menetap ke negara ini di Istana Nurul Iman. Mula-mula menyem-

lantikan ke hadapan majlis baginda ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Mali yang berpejabat di Tokyo, Jepun, Puan Yang Terutama Guisse Maimouna Dial. Puan Yang Terutama

Guisse Maimouna Dial, 58 tahun, pernah berkhidmat sebagai Penasihat Teknikal Bagi Asia, Oceania dan Timur Tengah. Sejurus selepas itu, baginda berkenan menerima Surat Watikah Perlantikan

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Slovak yang berpejabat di Jakarta, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Lajciak.


Tuan Yang Terutama Lajciak, 48 tahun, pernah menjawat jawatan sebagai Pengarah Jabatan Dasar Luar Negeri di Pejabat Presiden Republik Slovak.

Baginda seterusnya berkenan menerima Surat Watikah Perlantikan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Belgium yang berpejabat di Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Marc Calcoen dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Bosnia dan Herzegovina yang berpejabat di Kuala Lumpur, Malaysia, Tuan Yang Terutama Mustafa Mujezinov.

Tuan Yang Terutama Marc Calcoen, 45 tahun, merupakan Perwakilan Tetap Kesatuan Eropah (EU), sementara Tuan Yang Terutama Mustafa Mujezinov, 52 tahun, pernah menjadi Duta Besar Bosnia dan Herzegovina ke OSCE dan Ahli Angkatan Tentera Bosnia dan Herzegovina.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat Watikah Perlantikan dari Duta Besar Istimewa dan Mutlak Belgium, Tuan Yang Terutama Marc Calcoen (kiri) dan dari Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Bosnia, Tuan Yang Terutama Mustafa Mujezinov (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kesenian, Republik Singapura, Yang Berhormat Dr. Lee Boon. - Foto : Ramli Tengah.

## Berkenan menerima mengadap Menteri dari Republik Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kesenian, Republik Singapura, Yang Berhormat Dr. Lee Boon.

Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Hadir di majlis itu ialah Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji

Oleh :  
**Abu Bakar Haji Abdul Rahman**  
bakar.rahman@information.gov.bn

Awang Yahya dan Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid.

Juga hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Joseph K. H. Koh; Timbalan Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kesenian Republik Singapura, Encik Ho Meng Kit.

# Brunei - Jerman kongsi pandangan terhadap t-jawab antarabangsa

Oleh : Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman

JERUDONG, Selasa, 7 November. - Kedutaan Besar Republik Persekutuan Jerman di negara ini mengadakan Resepsi Sambutan Hari Kesatuan Jerman 2006 di Empire Hotel and Country Club di sini.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng dan Datin menghadiri majlis tersebut bagi mewakili Kerajaan Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Duta Besar Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama H. E. Conrad Cappell dalam ucapannya antara lain berkata, hubungan dua hala kedua-dua negara pada tahun 2006 ditingkatkan dengan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee

Billah ke Jerman baru-baru ini yang juga berkenan mengadakan perjumpaan dengan pegawai kerajaan Jerman bagi membincangkan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Jerman.

Tambah Tuan Yang Terutama, Jerman dan Brunei berkongsi pandangan seperti penyelesaian konflik secara aman, meningkatkan kerjasama serantau dan integrasi, mengukuhkan dan mengemaskinkan mekanisme Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu bagi resolusi keamanan serta melaksanakan tanggungjawab antarabangsa bagi yang memerlukan.

Majlis disusuli dengan acara memotong kek oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng dan Duta Besar Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama H. E. Conrad Cappell.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng mewakili kerajaan di Majlis Resepsi Sambutan Hari Kesatuan Jerman 2006. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

# Lawat Mahkamah Tinggi

Oleh : Maslina Awang Kurus, Zahrani Haji Bojeng

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 November. - Serombongan enam orang yang diketuai oleh Yang Arif Hakim Jiang Xingchang, Naib Presiden Mahkamah Besar Republik Rakyat China membuat lawatan rasmi empat hari ke negara ini bermula dari 20 hingga 23 November.

Di hari pertama lawatan, rombongan membuat kunjungan rasmi kepada Ketua Hakim Negara, Yang Arif Dato Seri Paduka Mohammad Saied di Bilik Persidangan Mahkamah Tinggi, di sini.

Selepas itu, rombongan diberikan taklimat dan Ketua Pendaftar Mahkamah Besar.

Rombongan juga dibawa melawat ke

Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Majistret.

Kunjungan ke negara ini antara lain bertujuan untuk bertukar lawatan, memperkukuh persahabatan dan meluaskan kerjasama, di samping melaksanakan semangat memorandum kerjasama Mahkamah Tertinggi di antara kedua-dua buah negara yang ditandatangani semasa keberangkatan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke China pada bulan September 2004 lalu, selain untuk memahami sistem pengadilan dan penghakiman di Negara Brunei Darussalam, pengurusan pengadilan dan sistem bahan jaminan di mahkamah.



DELEGASI yang diketuai oleh Yang Arif Hakim Jiang Xingchang, Naib Presiden Mahkamah Besar Republik Rakyat China semasa membuat kunjungan rasmi kepada Ketua Hakim Negara, Yang Arif Dato Seri Paduka Mohammad Saied. - Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

# Penyerahan buku 'Milestone'

Oleh : Zahrani Haji Bojeng

BERAKAS, Isnin, 13 November. - Penyerahan buku-buku bersiri 'Milestone' merupakan salah satu lagi usaha positif Jabatan Penerangan dalam misinya untuk memberikan maklumat dan kefahaman kepada masyarakat, sama ada dalam ataupun luar negeri.

Buku-buku bersiri 'milestone' ini diterbitkan bertujuan untuk merakamkan acara-acara atau peristiwa-peristiwa bersejarah di negara ini yang ditulis bertujuan untuk bacaan masyarakat antarabangsa.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menyatakan perkara tersebut pada Majlis Penyerahan Dua Buah Buku Milestone: 7th Conference of the ASEAN Ministers Responsible for Information and Milestone: The Reopening of The State Legislative Council berlangsung di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar di sini.

Penyerahan dua buah

buku tersebut kepada wakil-kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof.

Menurutnya, kedua-dua buah buku terbitan Bahagian Hal Ehwal Khas Jabatan Penerangan itu juga dihasratkan akan diedarkan kepada perwakilan-perwakilan asing ke negara ini pada acara berasingan yang diadakan nanti.

Buku tersebut tambahannya diterbitkan bertujuan

untuk memberikan masyarakat antarabangsa kefahaman mengenai hal ehwal semasa Negara Brunei Darussalam agar pihak tersebut sentiasa terdedah kepada perkembangan yang berlaku di negara ini.

Selain itu Jabatan Penerangan juga merancang akan menerbitkan beberapa siri milestone tidak lama lagi yang akan diedarkan sendiri oleh jabatan ini kepada orang ramai di dalam dan di luar negeri mengikut 'mailing list' termasuk ketua-ketua negara dan ketua-ketua kerajaan.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abdul Aziz menyerahkan buku bersiri 'Milestone' kepada seorang wakil. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

# Kebenaran sejarah bergantung kepada fakta

RIMBA, Selasa, 14 November. - Kebenaran sejarah bergantung kepada kesahihan fakta di mana semakin kukuh sesuatu fakta maka semakin jelas kedudukan sejarah tamadun sesuatu bangsa itu.

Sebagai misal, ahli sejarah mengatakan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah salah sebuah negara tua di rantau Nusantara ini berdasarkan bukti-bukti menerusi catatan-catatan dalam dokumen-dokumen lama berupa manuskrip, catatan-catatan di batu-batu nisan dan manumen-manumen, catatan oleh pengembara asing yang pernah datang ke negara kita, malah juga dibuktikan dengan penggunaan bahasa sanskrit dalam ciri orang-orang yang hendak dikurniakan gelaran oleh raja-raja sejak dari zaman dahulu hinggalah sekarang.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad berkata demikian ketika merasmikan seminar bertajuk 'Sejarah Sosial dan Ekonomi Brunei' dengan tema : Memahami Sejarah Negara, Mengukuhkan Jati Diri Bangsa anjuran Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Universiti Brunei Darussalam (UBD) berlangsung di sini.

Menurut Timbalan Menteri Pendidikan, mengkaji sejarah sosial bangsa Brunei bermakna kita mengkaji struktur masyarakat yang hidup di Brunei, mengkaji etnik-etnik dan pelbagai kaum atau puak yang hidup dengan harmoni di dalamnya yang sentiasa bersatu padu dan jarang sekali hendak bertelagah atau bermusuhan antara satu sama lain di mana raja menjadi payung

Oleh : Zahrani Haji Bojeng

menaungi rakyat dari pelbagai kaum dan puak yang seolah-olah telah terjalin satu kontrak sosial yang tidak tertulis bahawa raja perlu kasih kepada rakyat dan rakyat taat setia kepada rajanya.

Malah ajaran Islam jelasnya, juga menyeru kita bersikap hormat-menghormati, berawar galat, bersopan santun, berkenalan dengan lain-lain kaum dan bangsa serta membina jambatan persahabatan yang ikhlas di mana faktor-faktor penyatuan tersebut dipelihara dengan sebaiknya yang merupakan intipati sosial bangsa Brunei.

Beliau menambah, mengkaji sejarah sosial Brunei juga bermakna mengkaji struktur pemerintahan tradisi Kesultanan

Brunei yang mempunyai Wazir-wazir, Cheteria-cheteria, Pehin-pehin Manteri, pembesar-pembesar negara dan alim-alim ulama yang semuanya berfungsi dalam mempertahankan kedaulatan kesultanan tersebut berteraskan Islam.

"Inilah antara ciri-ciri MIB itu bukannya kaku, tetapi hidup dalam beragama dalam bernegara, dalam pentadbiran, dalam adat istiadat, dalam berpakaian dan berseni, dalam berkelakuan dan dalam percakapan sebarisan, berinteraksi, berkomunikasi dan sebagainya," tegasnya.

Dari beberapa aspek akhir ini sahaja ujarnya, sudah cukup bagi kita dengan mudah dapat mengenali seorang itu sama ada ia dari orang Brunei jati atau sebaliknya dan ini menjadi

satu keunikan bagi bangsa kita yang sukar didapati di kalangan bangsa-bangsa lain, malah yang membezakan kita dari bangsa-bangsa lain.

"Bangsa yang bertamadun adalah bangsa yang mengenali sejarah bangsanya sendiri. Aspek fizikal lahiriah, aspek batiniah, kerohanian, kesenian etika atau akhlak dan pelbagai lagi, itu semuanya akan turut mempengaruhi pembentukan tamadun sesuatu bangsa itu dalam erti kata yang sebenarnya," tegasnya.

Seminar itu bertujuan untuk menengahkan tokoh-tokoh sarjana dari luar dan dalam negeri untuk membincangkan kepentingan penyelidikan dan penemuan baru di dalam bidang sejarah sosial dan ekonomi Brunei, memandangkan negara ini

memang mempunyai sumber kajian yang banyak.

Ia juga akan memberi peluang pertukaran dan percambahan pemikiran bidang ini di kalangan penggiat dan peminat sejarah seterusnya memerlukan interaksi dan jaringan kerja dalam bentuk pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu ia juga dapat memupuk kesedaran dan rasa insaf dari retentat peristiwa yang berlaku dalam perubahan sosial dan reban banggunya ekonomi masyarakat Brunei di masa lalu.

Sebanyak 24 buah kertas kerja akan dibentangkan oleh seramai 27 orang sarjana tempatan dan luar negeri termasuk dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Secara umumnya kertas kerja yang membicarakan

aspek sosial Brunei meliputi struktur masyarakat, peranan wanita, sejarah sosial dari sumber sastera, pendidikan, pentadbiran awam, pembentukan bandar, undang-undang, agama Islam, bedil dan media.

Sementara dalam aspek ekonomi, pembicaraan tertumpu kepada kegiatan ekonomi masyarakat Brunei dari sudut kajian arkeologi, sumbangan industri minyak, kegiatan perikanan dan kraf tangan, manakala bidang keagamaan menjurus kepada tema Seminar Memahami Sejarah Negara Mengukuhkan Jati Diri Bangsa.

Seramai 180 orang peserta terdiri dari mahasiswa dan mahasiswi UBD, pegawai-pegawai kerajaan, tenaga pengajar dan pelajar-pelajar prauniversiti menyertai seminar tersebut.

## Memperingati Sambutan 100 Tahun Perkhidmatan Pos

# 11.5 juta kiriman surat dikendalikan 2005

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 November. - Negara Brunei Darussalam telah mencatat rekod paling rendah mengendalikan surat-surat apabila sebanyak 9.4 juta dikendalikan pada tahun 2003 berbanding 13.2 juta pada tahun 2001, bagaimanapun volume surat berkenaan meningkat kepada 9.7 juta dan 11.5 juta masing-masing pada tahun 2004 dan 2005.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apung berkata, kemunculan perkhidmatan swasta dalam menyediakan perkhidmatan mel dan adanya teknologi canggih seperti internet, e-mel dan perkhidmatan pesanan ringkas (sms atau mms melalui

telefon bimbit) telah mencabar keupayaan perkhidmatan pos bukan saja dalam negara tetapi di seluruh dunia yang menyebabkan jumlah mel yang dikendalikan perkhidmatan pos jatuh mendadak.

"Sekalipun berdepan dengan persaingan, Jabatan Perkhidmatan Pos telah membuktikan lebih jauh di mana perkhidmatan pos masih relevan," jelas Yang Berhormat ketika melancarkan Majlis Memperingati Sambutan 100 Tahun Perkhidmatan Pos di Pejabat Besar Pos, di sini.

Menteri Perhubungan berharap persaingan-persaingan itu tidak perlu dianggap sebagai ancaman malah sebagai peluang bagi jabatan itu untuk membangun dan melang-

**Oleh: Samle Haji Jait**  
samle.jait@information.gov.bn

kah dengan lebih efisien.

Yang Berhormat juga yakin dengan komitmen dan kreativiti semua jentera di jabatan berkenaan dan agensi berkaitan akan memberi ruang bagi menerokai peluang baru untuk memberi manfaat kepada jabatan dan kepada pelanggannya.

Beliau juga gembira mengenai usaha jabatan berkenaan yang dalam rangka mengimplemen-tasikan automasi kaunter (counter automation) sebagai salah satu usaha terbaru bagi memvariasikan perkhidmatannya yang dijangka beroperasi tahun depan.

Menyentuh pembukaan

galeri setem, Menteri Perhubungan menjelaskan ia memperlihatkan jabatan berkenaan melangkah setapak ke hadapan dalam mempromosi produk-produk kepada masyarakat.

Yang Berhormat berkata, galeri berkenaan menempatkan setem-setem yang merekodkan acara-acara penting dan bersejarah berlangsung di negara ini pada masa yang lalu.

Justeru Yang Berhormat berharap, galeri itu nanti akan menjadi tumpuan baru kepada pelanggan seterusnya menyumbang kepada ekonomi negara, sementara Jabatan Perkhidmatan Pos pula

perlu membuat rancangan dengan agensi kerajaan berkenaan dalam mempromosi galeri sebagai salah satu tumpuan orang tempatan dan pelancong luar.

Pembukaan galeri itu juga akan menjadi pemangkin kepada pembangunan industri pengumpul setem di negara ini, jelas Yang Berhormat sambil mengingatkan Jabatan Perkhidmatan Pos perlu membuat perancangan menerusi program-program dan aktiviti-aktiviti yang melibatkan penuntut-penuntut sekolah rendah, di samping bagi memberi galakan supaya lebih ramai menjadi pengumpul setem.

Sempena memperingati penubuhan ke-100 tahun, Jabatan Perkhidmatan Pos juga mengadakan sambutan empat dalam satu dimeriahkan dengan pelancaran setem 100 tahun perasmian Galeri Setem oleh Yang Berhormat.

Menteri Perhubungan pada majlis itu juga menandatangani 'ASEAN Omnibus Stamp Issue Agreement, manakala jabatan berkenaan juga menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Ketua-ketua Eksekutif Pos ASEAN. Sambutan itu akan dimeriahkan lagi dengan Jerayawara Pameran



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apung melancarkan sambutan 100 Tahun Perkhidmatan Pos. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

Pos ke seluruh negara yang bermula di Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait pada 15 November, di Dewan Kemasyarakatan Tutong pada 26 November dan Dewan Kemasyarakatan Bangar pada 2 Disember depan.

Jabatan Perkhidmatan Pos Negara Brunei Darussalam mula ditubuhkan pada tahun 1906 setelah negara ini diletakkan di bawah naungan British dan menerima Residen British sebagai Penasihat.

Pada bulan Jun 1906, Negara Brunei Darussalam telah menjadi Ahli Kesatuan Pos Setempat Negara-negara Selat dan pada tahun 1916, Negara Brunei Darussalam secara ras-

minya menganggotai Kesatuan Pos Sedunia di bawah naungan British.

Jabatan Perkhidmatan Pos yang telah berjaya menghadapi beberapa cabaran dan saingan-saingan sejak penubuhannya selepas usia seabad ini terus banga menyumbang peranan dalam menabur bakti kepada masyarakat, memaju dan mendaulatkan negara.

Jabatan berkenaan juga giat berusaha bagi mencapai wawasannya untuk Menjadi Pusat Urus Niaga Maklumat dan Perkhidmatan bagi masyarakat setempat dan antarabangsa yang bertaraf dunia serta menguntungkan.



YANG Berhormat menyaksikan penandatanganan 'ASEAN Omnibus Stamps Issue Agreement' yang mana Jabatan Perkhidmatan Pos menjadi tuan rumah Mesyuarat Ketua-ketua Eksekutif Pos ASEAN. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

## Nilai perkhidmatan yang diberikan

**Oleh: Haji Ahmad Haji Salim**  
ahmad.salim@information.gov.bn

JERUDONG PARK, Rabu, 8 November. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar menyatakan, sekarang merupakan saat yang paling sesuai untuk Pejabat Pos mengimbas kembali usia 100 Tahun Perkhidmatan Pos bagi membuat penilaian pencapaian dan prestasi untuk mengukur kejayaan serta kelemahan.

Sungguhpun demikian tambah Yang Berhormat, perjalanan 100 tahun yang lalu tidak akan sama dengan perjalanan yang akan ditem-

puhi 10 tahun yang akan datang.

"Dengan perubahan-perubahan globalisasi pada masa ini dan dengan kemajuan teknologi maklumat dan infokomunikasi telah memberikan cabaran kepada perkhidmatan pos," jelas Menteri Perhubungan di Majlis Malam Gala Sambutan 100 Tahun Perkhidmatan Pos yang berlangsung di Jerudong Polo and Country Club di sini.

Menurut Yang Berhormat, cabaran utama bagaimana perkhidmatan pos akan terus dapat hidup dan bertahan dalam susana yang

penuh cabaran dan persaingan pada masa ini, jika kurangnya pelanggan menggunakan perkhidmatan konvensional dalam penghantaran surat, bungkusan dan surat berdaftar.

"Bagaimanakah kita dapat menjamin supaya bilangan pelanggan tidak akan surut, bilangan perkhidmatan akan dapat meningkat dan jenis produk pula juga akan bertambah," ujar Yang Berhormat.

"Kita mengetahui bahawa beberapa buah negara telah dapat mengubah masalah atau cabaran ini menjadi suatu peluang dan berjaya mendatangkan keuntungan kepada perkhidmatan pos," kata Yang Ber-

hormat.

Dalam konteks itu Yang Berhormat percaya bahawa dengan daya kreatif dan komitmen, semua yang bertanggungjawab dalam jabatan dan kerjasama serta sokongan sektor-sektor lain akan dapat berupaya untuk meneroka peluang-peluang yang boleh menambah dan meningkatkan pendapatan kepada perkhidmatan pos dan menjadikan Jabatan Perkhidmatan Pos mampu mengekalkan kedudukannya.

Di majlis itu, satu pre-viu dokumentari 100 Tahun Perkhidmatan Pos turut ditayangkan. Pada majlis itu Yang Berhormat Menteri Perhubungan menyampaikan cenderahati kepada Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Pos ASEAN yang hadir bagi sambutan 100 Tahun Perkhidmatan Pos dan juga menghadiri Mesyuarat Meja Bulat Pos ASEAN.

Di samping itu juga diselenggarakan penyampaian cenderahati kepada Ketua-ketua Pos Agung dan Timbalan-timbalan Ketua Pos Agung yang telah bersara mahupun yang berpindah ke jabatan-jabatan kerajaan yang lain.

Malam gala diserikan lagi dengan beberapa persembahan kebudayaan dan persembahan nyanyian.

## Jerayawara sambutan 100 Tahun Perkhidmatan Pos

**Oleh: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli**  
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Sabtu, 18 November. - Jabatan Perkhidmatan Pos Negara Brunei Darussalam mengadakan jerayawara pameran pos sebagai salah satu aktiviti sambutan Pos Ofis Brunei yang ke-100 tahun.

Jerayawara diadakan di Dewan Santap antara lain mempamerkan pengeluaran setem tempatan dan antarabangsa. Setem tempatan yang dipamerkan keluaran dari tahun 1895 sehingga kini.

Jerayawara antara lain bertujuan memberi pendekatan kepada masyarakat tempatan untuk menambah lagi pengetahuan tentang perkembangan jabatan tersebut. Jerayawara tersebut bagi memberi pengetahuan kepada orang ramai mengenai perkembangan masa kini dan projek yang dibuat oleh jabatan tersebut. Jabatan berkenaan juga akan memperkenalkan projek yang dipanggil 'Hybrid Mail' dan Kaunter

Automatik.

Jerayawara sehari itu melibatkan beberapa seksyen jabatan berkenaan dari Bahagian Perancangan dan Kemajuan Bisnes yang antaranya Unit Pemasaran, Unit Filatelik, Unit IT dan Unit Perangkaan. Jerayawara akan diteruskan ke Daerah Tutong dan Daerah Brunei dan Muara.

Selain jerayawara, sambutan juga mengadakan pelbagai aktiviti antaranya peraduan mewarna bagi kanak-kanak. Peraduan mewarna inter-ASEAN COCI bermula pada bulan ini hingga Disember tahun ini.

Borang penyertaan telah diedarkan yang hanya dibukakan kepada penduduk tempatan negara ini. Peraduan dibahagikan kepada tiga kategori, Kelas A bagi mereka yang berumur 12 hingga 13 tahun, manakala bagi Kelas B berumur 14 hingga 15 tahun dan Kelas C berumur 16 hingga 18 tahun.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar menghadiri Majlis Malam Gala Sambutan 100 Tahun Perkhidmatan Pos. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



PEGAWAI-PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos bergambar ramai bersama seorang pengumpul setem.

# Deklarasi Hanoi tekankan tiga fokus utama

**P**ARA pemimpin APEC menyetujui tiga fokus utama perbincangan Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik APEC (AELM) selama dua hari di Hanoi, pada Ahad lepas, setelah mengakhiri sidang.

Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Minh Triet yang juga Pengerusi Mesyuarat APEC kali ini mengumumkan tiga perkara utama iaitu memajukan pelaburan dan perdagangan bebas; meningkatkan keselamatan setiap individu serta membangun masyarakat yang lebih kuat, dinamis dan harmonis.

Dalam hal memajukan pelaburan dan perdagangan bebas, para pemimpin APEC menegaskan sokongannya kembali kepada Agenda Pembangunan Doha (DDA), Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan menjadikannya sebagai keutamaan APEC.

Selain itu, APEC mengakui peranan perjanjian perdagangan serantau/perjanjian perdagangan bebas (RTA/FTA) dalam memajukan perdagangan bebas dan keperluan untuk memastikan RTA/FTA bergerak menuju liberalisasi perdagangan yang lebih luas dan pengurangan perbelanjaan.

**KOMITMEN**  
Dalam pandangan Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) mengenai Kawasan Perdagangan Bebas Asia Pasifik (Free Trade Area of the Asia Pacific/FTA) adalah agak sukar dirundingkan kerana terdapatnya kesulitan teknikal pada saat ini, dalam pada

itu APEC memandang serius perkara ini untuk dipertimbangkan lebih efektif terhadap liberalisasi perdagangan dan pelaburan di rantau Asia Pasifik.

Menyentuh mengenai komitmen Tujuan-tujuan Bogor (Bogor Goals) dan penyelesaian DDA/WTO, para pemimpin mengarahkan agar diadakan kajian lebih lanjut tentang cara dan upaya meningkatkan integrasi ekonomi serantau, termasuk FTA sebagai prospek jangka panjang dan laporan di sidang para pemimpin ekonomi APEC di Australia pada tahun 2007.

Para pemimpin APEC berpuas hati di atas kemajuan pelaksanaan Hala Tuju Busan (Busan Roadmap), di antaranya mengenai usaha para anggota



**Oleh: Dk. Hajah Fatimah Haji Md. Noor**  
fatimah.noor@information.gov.bn

**Abu Bakar Haji Abdul Rahman**  
bakar.rahman@information.gov.bn

APEC yang sudah memenuhi matlamat Shanghai yang ditetapkan pada tahun 2001, iaitu pengurangan perbelanjaan urusan niaga perdagangan sebanyak lima peratus dalam tahun 2006. Seterusnya Pelan Tindakan Kemudahan Perdagangan juga menurunkan kembali biaya urusan niaga perdagangan sebanyak lima peratus tahun 2010.

Sekatan-sekatan perdagangan bebas harus dihapuskan. Antara lain mengurangkan subsidi pertanian oleh negara-negara kuasa besar, memberikan akses pasaran baru dalam bidang pertanian dan menghapuskan tarif industri.

Isu perdagangan bebas merupakan kesepakatan yang didukung negara-negara anggota WTO yang juga anggota APEC.

Dalam pertemuan APEC ke-14 ini, para pemimpin juga menyetujui kecepatan perdagangan bebas di bawah WTO, sejumlah negara menolak mendukung cadangan Amerika Syarikat untuk membentuk perdagangan

bebas khusus di kawasan Asia Pasifik (Free Trade Area in the Asia Pacific FTAAP).

Para pemimpin juga meminta pegawai kanan supaya melaksanakan kajian selanjutnya berhubung cadangan Asia Pasifik FTAAP dan melaporkan hasilnya pada mesyuarat akan datang.

Mengenai keganasan, para pemimpin sebulat suara bersetuju bahawa keganasan memberi kesan yang serius kepada keamanan dan keselamatan di dunia dan rantau ini.

Pemimpin-pemimpin sekali lagi mengulangi komitmen mereka untuk menggalakkan kerjasama bagi mengurangkan dan seterusnya menghapuskan bahaya ini. Mereka mengalu-alukan inisiatif memerangi keganasan yang telah dipersetujui. Para pemimpin juga bersetuju untuk memperluas dan meningkatkan kerjasama dalam pengurusan bencana dan wabak serta keselamatan tenaga bagi memastikan

keselamatan dan kesejahteraan rakyat di rantau ini.

## CABARAN

Dalam Sidang Pertama APEC, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah adalah menjadi satu cabaran bagi setiap anggota APEC mencapai pertumbuhan dan perkembangan dalam dunia yang dipenuhi dengan ancaman keganasan, kesihatan dan malapetaka alam.

Baginda juga menyentuh sekali lagi soal ancaman keganasan dan proliferasi nuklear di seluruh dunia yang memerlukan penyelesaian secara aman di Timur Tengah termasuk penyelesaian Iraq di Mesyuarat Ketua-ketua Asia Tenggara dalam APEC dan Amerika Syarikat semasa Sidang APEC yang berlangsung di Hanoi ini.

Mesyuarat juga menyentuh mengenai politik serantau dan antarabangsa, keselamatan, isu-isu ekonomi termasuk APEC, WTO, keselamatan, cabaran-cabaran keselamatan tenaga, cabaran-cabaran keselamatan yang bukan tradisi seperti pengurusan bencana alam, jangkitan kuman, jenayah merentas sempadan dan isu-isu nuklear di Korea Selatan.

Dalam mesyuarat itu, para pemimpin ASEAN menyambut baik kenyataan Amerika Syarikat mengenai bantuan praktikalnya di rantau ini khususnya dalam perkong-

sian pengalaman dan informasi yang menjurus kepada cabaran-cabaran tersebut.

Manakala Presiden Amerika Syarikat dalam ucapannya mengulangi sokongannya mengenai peranan Amerika Syarikat kepada negara-negara ASEAN bagi menggalakkan pembangunan dan keamanan di rantau ini terutama dalam kerjasama serantau.

Sejak seminggu lepas, ibu negara Viet Nam menyaksikan satu siri Mesyuarat APEC termasuk Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan, Mesyuarat Majlis Penasihat Perniagaan, Mesyuarat Peringkat Menteri, Sidang Kemuncak CEO serta Mesyuarat Pemimpin-pemimpin Ekonomi APEC.

Ditubuhkan pada 1989, APEC merupakan forum serantau utama untuk menggalakkan perdagangan terbuka dan kerjasama teknikal dan ekonomi praktikal di rantau Asia Pasifik.

Anggota APEC terdiri daripada Australia, Negara Brunei Darussalam, Kanada, Republik Chile, Republik Rakyat China, Hong Kong, Republik Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Republik Korea Selatan, Republik Filipina, Russia, Republik Singapura, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Republik Sosialis Viet Nam.

Australia akan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat akan datang di Sydney pada September tahun depan.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan Tuan Yang Terutama Ahmed Mohamed Zahir Al-Hinai, Duta Besar Oman ke Negara Brunei Darussalam memotong kek sempena meraiikan ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-36 negara itu. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Melassim.

## Kedutaan Oman raikan Hari Kebangsaan Ke-36

**JERUDONG, Sabtu, 18 November.** - Kedutaan Besar Oman ke Negara Brunei Darussalam meraiikan ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-36 berlangsung di Empire Hotel and Country Club di sini.

Majlis Resepsi berkenaan dihadiri oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis diserikan dengan acara memotong kek yang dilakukan bersama oleh Yang Berhormat dengan Tuan Yang Terutama Ahmed Mohamed Zahir Al-Hinai, Duta Besar Oman ke Negara Brunei Darussalam.

Kedua-dua buah negara menjalinkan hubungan diplomatik pada 24 Mac 1984, di mana Oman telah menubuhkan misinya di Bandar Seri Begawan pada 25 Ogos 1986 dan Negara

**Oleh : Samle Haji Jait**  
samle.jait@information.gov.bn

Brunei Darussalam pula menubuhkan Kedutaan Besarnya di Muscat pada 1 Februari 1990.

Hubungan baik kedua-dua buah negara terus diperkukuhkan dengan penandatanganan perjanjian kerjasama termasuk dalam bidang perkhidmatan penerbangan, perjanjian, persahabatan mengenai per-

khidmatan mel cepat, kerjasama dalam hal ehwal Islam, persahabatan mengenai perdagangan, penerangan dan pendidikan serta kebudayaan.

Sementara itu, pertukaran lawatan dari pelbagai peringkat menjadikan hubungan kedua-dua buah negara terus kukuh.

## Membincangkan, visi, perkembangan terkini P4 FTA

**HANOI, Sabtu, 18 November.** - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat Menghadiri Mesyuarat 'Trans Pacific Strategic Economic Partnership (P4)' bersama-sama Presiden Republik Chile, Puan Yang Terutama Michelle Bachelet; Perdana Menteri New Zealand, Puan Yang Terutama Helen Clark dan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong.

Semasa mesyuarat itu, para pemimpin empat buah negara membincangkan perkembangan terkini mengenai 'Trans Pacific Strategic Economic Partnership (TPSEP)' yang dikenali sebagai P4 FTA', di samping menekankan visi mereka terhadapnya. Para pemimpin mengalu-alukan kemasukan semua pihak P4 bagi memulakan perbincangan mengenai pelaburan dan bab perkhidmatan kewangan yang tertunggak pada tahun 2007 depan.

Seterusnya, para pemimpin menekankan bahawa perjanjian ini lebih komprehensif dan berprestij.

P4 FTA yang direka khusus untuk penerimaan keahlian-keahlian baru berfungsi sebagai batu loncatan bagi perdagangan bebas di seluruh rantau Asia Pasifik. Para pemimpin negara-negara ahli menganggap P4 FTA dapat berperanan sebagai landasan ke arah penyatuan ekonomi serantau.

Di samping itu, para pemimpin juga berkehendak agar rangka kerja penilaian kemasukan bakal ahli baru disediakan terlebih dahulu.

Hadir sama dalam perjumpaan ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdaga-

ngan Kedua.

Di samping itu, para pemimpin juga diberikan penerangan mengenai perkembangan penilaian rangka kerja bagi menarik perhatian dalam menyertai perjanjian ini.

P4 FTA yang dulunya sebagai P3 FTA, pertama kalinya dilancarkan oleh Republik Chile, New Zealand dan Republik Singapura dalam Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan APEC di Los Cabos, Mexico pada tahun 2002.

Republik Singapura, New Zealand, Republik Chile dan Negara Brunei Darussalam diterima secara rasmi untuk melaksanakan beberapa komitmen termasuk perjanjian menyeluruh dalam perdagangan barang, dengan 90 peratus dari keseluruhan perdagangan.

Perjanjian itu memberikan kemudahan perdagangan, liberalisasi, komitmen untuk penyelarasan antara pelaburan asing dan domestik dalam kerajaan dan kerjasama mengenai persaingan dan perlindungan atas hak cipta.

Republik Singapura telah membentuk FTA dengan Negara Brunei Darussalam, Republik Chile dan New Zealand yang disebut sebagai P4 memulakan 'zero' tarif terhadap lebih 90 peratus produk antara mereka yang bermula pada 1 Januari 2006.

TPSEP dapat memberi keuntungan strategik bagi keempat-empat buah negara anggotanya sekali gus dapat menghubungkan Amerika Syarikat dengan Asia Pasifik. Di samping itu kesepakatan juga akan membawa Negara Brunei Darussalam, China, Republik Singapura dan New Zealand menentang keahlian, gagasan-gagasan teknologi dan sumber tenaga manusia serta daya saing dalam pasaran dunia.

Selain daripada perdagangan bebas terhadap barang, kesepakatan dimaksudkan membebaskan pembentukan rangka kerja bagi peningkatan perdagangan dan berharap membentuk perjanjian kerjasama tenaga kerja.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar kenangan bersama ahli-ahli Trans Pacific Strategic Partnership (P4 FTA) yang terdiri dari Presiden Republik Chile, Puan Yang Terutama Michelle Bachelet; Perdana Menteri New Zealand, Puan Yang Terutama Helen Clark dan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong.

# SIDANG KEMUNCAN KETUA-KETUA KER EKONOMI ASIA PAS APEC (ALEM) KE-14



Liputan :  
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor  
fatimah.noor@information.gov.bn  
Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
bakar.rahman@information.gov.bn  
Foto: Haji Mohd. Yusoff Haji Mohd. Yassin, Abdullah Haji Awang Damit



TUAN Yang Terutama Nguyen Minh Triet, Presiden Republik Sosialis Viet Nam selaku Pengerusi APEC 2006 mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di sidang tersebut yang berlangsung di NCC Hanoi sebelum Retreat Pertama bermula (kiri).

BAGINDA bersama pemimpin-pemimpin APEC yang lain ketika menghadiri Retreat Kedua Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Nasional, Hanoi.



BAGINDA dan TYT Nguyen Tan Dung, Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, berjalan beriringan setelah selesai Majlis Perbincangan Dua Hala antara kedua-dua buah negara yang berlangsung di Pejabat Perdana Menteri.



BAGINDA bersama pemimpin-pemimpin ahli P4 FTA iaitu Republik Chile, New Zealand dan Republik Singapura ketika membincangkan perkembangan P4 FTA (atas).

BAGINDA dan Presiden Republik Sosialis Viet Nam, bersalaman mesra seurus Majlis Perjumpaan antara kedua-dua pemimpin itu yang berlangsung di Pejabat Perdana Menteri (kiri).

BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah para pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Hanoi, seurus sebelum meninggalkan tempat persenyaman baginda (kanan).

K  
Pertuan  
Sidang  
Asia Pa  
diadika  
Sila  
terutama  
Sosialis  
Yang Di  
Yang B  
negara  
Pete  
sejak di  
Syarikat  
seperti  
yat Chir  
Sem  
perjump  
Marih  
Sosialis  
Mentri  
Tuan Y  
Menteri  
baginda  
Trans  
(TPSEP  
Menteri  
New Ze  
ketua B  
APEC  
Dk  
ALEM  
perdana  
(DDA)  
perkeni  
APEC  
cangan  
memb  
lesena  
di anta  
Keta  
Hanoi  
Ketua-  
kan wa  
dan ka  
APEC  
perdag  
untuk  
selamat  
perbinc  
DDA  
Ang  
trains  
Chile  
Republ  
Zealand  
Rusia  
Thailand

# ASAMA TIK

Duli Yang Maha Mulia Paduka Sultan Haji Hassanal Bolkiah Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Brunei Darussalam menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerjasama Ekonomi APEC (AELM) Ke-14 di Hanoi yang berlangsung pada 18-19 November.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Nong Duc Manh, Presiden Republik Sosialis Viet Nam dengan tema 'Ke Arah Masyarakat Asia yang Berkemajuan dan Berkemampuan' dan dihadiri oleh 21 buah negara APEC.

Mesyuarat yang memasuki tahun ke-14 ini bermula pada tahun 1993, di Seattle, Amerika Syarikat dan dihadiri oleh pemimpin kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat, Russia dan Republik Rakyat China. APEC juga mempunyai kuasa ekonomi dunia, Jepun.

Baginda di sini, baginda telah mengadakan pertemuan dengan Tuan Yang Terutama Nong Duc Manh, Agong, Parti Komunis Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Tan Dung, Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam dan Tuan Yang Terutama Nguyen Tan Dung, Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam. Di samping itu, baginda juga menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Negara ASEAN dan Mesyuarat Strategic Economic Partnership antara Presiden Republik Chile, Perdana Menteri Singapura dan Perdana Menteri Mesyuarat Ketua-ketua Negara ASEAN yang menghadiri Mesyuarat AELM di Hanoi.

Mesyuarat Pertama Sidang Kemuncak APEC telah menumpukan perhatian kepada Agenda Pembangunan Doha yang bertujuan untuk mempercepatkan dan memantapkan perdagangan dan pelaburan di rantau Asia. Mesyuarat Kedua membincangkan keselamatan seperti usaha-usaha untuk menangani Penyakit Selegi dan isu-isu kebudayaan seperti dialog antara budaya dan kebudayaan.

APEC juga mempersetujui Deklarasi Hanoi yang mencerminkan komitmen ekonomi APEC untuk mempercepatkan pertumbuhan, kestabilan, keselamatan dan kesejahteraan penduduk-penduduk ahli-ahli APEC. Deklarasi ini bertujuan untuk mencapai matlamat jangka panjang yang bebas serta terbuka, dan suasana perniagaan yang telus dan adil yang menghubungkan pelbagai jurang dan meningkatkan kesejahteraan ahli-ahli APEC dan Kenyataan.

APEC terdiri daripada Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Republik China, Hong Kong China, Chinese Taipei, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, New Guinea, Peru, Republik Filipina, Republik Korea Selatan, Republik Singapura, Korea Selatan, Amerika Syarikat dan Viet Nam.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat di Retreat Pertama APEC bersama para pemimpin APEC yang lain (atas).

**BAGINDA** bersama enam pemimpin ASEAN dalam APEC bergambar kenangan bersama Presiden Amerika Syarikat sejour sebelum Mesyuarat Ketua-ketua Negara Asia Tenggara dalam APEC dan Amerika Syarikat berlangsung (kiri).

**BAGINDA** ketika berangkat menghadiri Retreat Pertama APEC (bawah tengah).

**BAGINDA** bersalaman bersama Setiausaha Agong Parti Komunis Republik Sosialis Viet Nam, TYT Nong Duc Manh sejour Majlis Perjumpaan (bawah).



**BAGINDA** bersama tiga pemimpin APEC yang lain ketika berkenan bergambar ramai dengan mengenakan baju tradisional Viet Nam yang diberi nama 'ao dai' (kiri).



**BAGINDA** ketika menerima sembah ucapan perpisahan dari Menteri Pelajaran dan Latihan Republik Sosialis Viet Nam, TYT Nguyen Thien Nhan sejour sebelum meninggalkan Lapangan Terbang Antarabangsa Noi Bai.

**DOA SELAMAT** ... Sebelum berangkat meninggalkan Kota Hanoi, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Qur'an

# MENGUJI KUALITI PENCAPAIAN MEMAHAMI AL-QUR'AN

## HALUAN

Hijrah, merafakkan sembah menjunjung kasih yang setinggi-tingginya di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an pada malam ini dan di atas limpah perkenan Kebawah Duli Tuan Patik akan mengurniakan titah dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan cenderamata kepada pemenang-pemenang Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Qur'an dan Surah-surah Pilihan yang menjadi acara kemuncak dalam Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an ini.

Semoga dengan berkat dan fadilat Al-Qur'an, Negara Brunei Darussalam, di bawah kepimpinan Kebawah Duli Tuan Patik akan terus menikmati tamadun yang ber-

teraskan ajaran Al-Qur'an dan sentiasa mendapat tauhid dan hidayah dan kesejahteraan dan keredaan Allah yang berkekalan.

Disembahkan bahawa bagi meningkatkan lagi pencapaian peserta-peserta dalam bidang hafaz Al-Qur'an ini, satu perubahan format pertandingan dilakukan bagi Kategori C pada tahun ini, iaitu para peserta dikehendaki menghafaz 10 juz Al-Qur'an seperti biasa, yakni dari juz 1 hingga juz 10, para peserta itu juga diuji pemahaman mereka mengenai isi Al-Qur'an dari juz 1 hingga juz 5.

Perubahan format tersebut, antara lain bertujuan untuk menguji kualiti pencapaian para peserta dalam memahami isi Al-Qur'an

yang dihafaznya. Kerana dengan kefahaman tersebut, hafalan mereka akan mantap dan mereka akan dapat mengingatinya dengan mudah. Dalam pada itu, ianya juga disesuaikan dengan syarat-syarat pertandingan yang ada di luar negara, seperti Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Qur'an di Mekah Al-Mukarramah, Mesir dan Jordan.

Disembahkan bahawa Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an pada tahun ini diungkuhkan dengan kerjasama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei, Kementerian Kewangan. Kerjasama ini akan mengukuhkan lagi perpaduan dan semangat kerja berpasukan terutamanya dalam menyelenggarakan perkara-perkara yang berkebakikan.

Dalam pada itu, pihak-pihak swasta turut sama-

sama menyemarakkan lagi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam dengan sumbangan-sumbangan mereka yang dialu-alukan dan dihargai.

Sekali lagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung kasih yang setinggi-tingginya di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke majlis ini dan di atas kesudian Kebawah Duli Tuan Patik mengurniakan titah dan menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah dan cenderamata kepada pemenang-pemenang Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Qur'an dan Surah-surah Pilihan bagi tahun 1427 Hijrah ini.


Dalam kesempatan ini juga hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya di atas keberangkatan pa-

duka-paduka anakanda dan paduka-paduka adinda baginda.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang memberikan kerjasama bagi menjayakan majlis yang berkebakikan ini, khasnya Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei, Kementerian Kewangan serta kepada semua pihak yang menghulurkan bantuan dan sumbangan dengan ikhlasnya.

Semoga Allah Subhanu Wata'ala memberkati kita semua dan Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam pemeliharaan Allah, aman damai dan sejahtera. Amin Ya Rabbal'alamin.

Sekian, Wabillahir Taufiq Walhidayah Wasalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



UCAPAN Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Bagi Tahun 1427 Hijrah, pada hari Isnin 17 Ramadan 1427 Hijrah/ 9 Oktober 2006 Masihi, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Bandar Seri Begawan.

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Alameen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiyaa' Walmursaleen Sayyidina Muhammaddin Wa'ala 'Aalihiiee Wasahbiiee 'Ajmae' en.

Dengan segala hormat dan penuh takzimnya, hamba Kebawah Duli Tuan Patik bagi pihak Ahli-ahli Jawatan-kuasa Tertinggi Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an bagi tahun 1427

# MENTALITI KELAS PERTAMA BERTARAF DUNIA 'Ilmu, anjakan paradigma, persekitaran kondusif diperlukan'

ini, dunia sudah menjadi sebuah perkampungan sejagat tanpa sempadan di mana maklumat berada di hujung jari. Interaksi, perhubungan dan tugas boleh dibuat dengan mudah serta pantas secara digital.

Zaman teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) juga merubah corak dan gaya kehidupan manusia sejagat. Melalui ICT kita juga boleh mengembangkan inovasi dan kreativiti.

Begitu juga halnya dengan ilmu pengetahuan lain seperti di bidang ekonomi, kewangan, sains, kejuruteraan, politik dan seumpamanya. Jika semua itu dapat dikuasai dengan baik maka 'tahap' kemampuan berfikir masyarakat akan meningkat dan berkembang.

Dalam erti kata yang lain daya berfikir secara kritikal, lateral, analitikal dan ilmiah tidak akan dapat dikembangkan tanpa pengetahuan, pengalaman dan maklumat yang cukup. Ini bermakna, akal fikiran yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada setiap insan itu perlu dilengkapi dengan pelbagai ilmu pengetahuan, pengalaman dan kemahiran.

Mendapatkan ilmu pengetahuan itu bukan hanya tertumpu secara formal di institusi-institusi pengajian. Ilmu juga boleh didapati melalui pembacaan, interaksi, perbincangan, pengalaman dan seumpamanya.

Sebab itulah juga ketika ini kebanyakan negara termasuk kita berhasrat menilai semula kurikulum yang teralu menekankan pembela-

jaran akademik semata-mata untuk lulus periksa. Didapati sebilangan penuntut yang sudah bekerja kurang kemahiran, ketrampilan dan kurang baik dalam berkomunikasi.

### ANJAKAN PARADIGMA

Ciri lain yang boleh mendukung hasrat memiliki 'menteliti kelas pertama bertaraf dunia' itu ialah, katani mesti sanggup membuat anjakan paradigma. Kita perlu sanggup menerima perubahan positif selaras dengan tuntutan semasa sesuai dengan perkembangan global.

Untuk itu kita harus bersikap terbuka menerima perubahan yang baik, di samping berusaha melakukan serta mengurus perubahan tersebut. Ini memerlukan kepada sikap keterbukaan, ketelusan, sanggup menerima pandangan, teguran dan kritikan membina dan seumpamanya.

Juga perlu ialah menjaga dan mengembangkan integriti, personaliti, profesionalisme, keupayaan dan daya saing serta kemahiran di tahap yang tinggi. Nilai-nilai positif yang lain seperti rajin, dedikasi, efisien dan sebagainya hendaklah juga diterap dan diamalkan dalam budaya kerja dan kehidupan masyarakat.

Sementara itu sikap negatif seperti 'malas tah ku ingau', hasad, dengki, tamak haloba, perkauman, nepotisme, kronisme, sikap rendah diri dan seumpamanya itu hendaklah dihindarkan.

Dalam konteks katani yang mengamalkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) maka akhlak, jati diri, adat resam dan tatasusila serta nilai-nilai murni ajaran agama dan budaya bangsa hendaklah dijurus mendukung kepada 'menteliti kelas pertama bertaraf dunia itu'.

Sejajar dengan itu sikap tidak amanah, tidak jujur, tidak berakuntabiliti, melakukan rasuah, terlibat dengan gejala sosial, pemugut, membazir dan seumpamanya itu hendaklah dihindarkan oleh masyarakat katani.

Bagaimana mungkin masyarakat katani 'berkredibiliti dan berwibawa' jika jiwa dan minda penuh dengan 'virus negatif'. Jiwa akan menjadi tenang, fikiran akan bertambah matang jika rohani dan jasmani sentiasa sihat dan positif.

Sebaliknya jiwa dan minda yang tidak tenteram serta kusut tidak akan dapat membuahkan fikiran yang objektif. Tumpuan terhadap perencanaan dan pelaksanaan sesuatu program juga akan terganggu yang akhirnya tidak dapat dicapai dengan sempurna atau menepuh keagungan.

### PERSEKITARAN KONDUSIF

Peningkatan minda juga dipengaruhi persekitaran yang kondusif. Ini termasuklah lingkungan budaya dan cara kehidupan. Sebagai misal jika kita berada dalam persekitaran atau kelompok orang-orang yang kuat beragama, berpendidikan dan berdisiplin maka kita akan terjerus kepada budaya

ilmu dan kebajikan.

Sebaliknya jika kita berada dalam kelompok mundur yang penuh dengan gejala sosial maka secara langsung atau tidak langsung kita akan terkena 'tampias' persekitaran tersebut. Persekitaran sedemikian tidak dapat menjana perkembangan minda.

Maka ke arah itu kita perlu meningkatkan usaha mewujudkan masyarakat yang berakhlak mulia, berdisiplin, cintakan ilmu pengetahuan, berdaya tahan, berkeupayaan dan mempunyai semangat ingin maju serta jati diri yang kukuh.

Secara fizikalnya, kemudahan infrastruktur hendaklah terus ditingkatkan. Pertama, prasarana asas bagi kemudahan umum dan kedua, infrastruktur canggih yang boleh menjana ilmu, mengembangkan minda, mempertajam kreativiti dan sebagainya.

Baik pada masa ini apatah lagi di masa hadapan kita harus memiliki prasarana berteknologi tinggi. Pada masa yang sama harus diingatkan bahawa teknologi canggih ini hanya akan dapat diurus oleh mereka yang mahir dan berilmu.

Seiring dengan penyediaan teknologi canggih itu kita juga memerlukan para pemikir yang bijaksana 'berkelas dunia' untuk merancang dasar, menyusun strategi pelaksanaan menjurus kepada penghasilan dan pencapaian yang berkualiti 'berkelas dunia'.

### CABARAN

Jika kita lihat interaksi ekonomi di bidang perdagangan sahaja misalnya, semua negara apatah lagi negara-negara kecil menghadapi banyak cabaran dan persaingan. Liberalisasi dan perdagangan bebas menuntut kepada kualiti dan kepelbagaian produk, keupayaan strategi pemasaran yang baik dan sebagainya.

Sebagai sebahagian dari masyarakat dunia yang menganggotai pertumbuhan-pertumbuhan dan forum-forum di peringkat serantau dan antarabangsa, kita akan terus terlibat dalam pelbagai interaksi. Ini termasuklah dalam bidang politik, keselamatan, budaya, agama, kemasyarakatan dan banyak lagi.

Pada masa yang sama kita juga menghadapi cabaran kemajuan dalam negara yang menghendaki strategi mantap untuk menepati hasrat dan hala tuju masa hadapan. Ini termasuklah hal-hal mengenai dasar-pengurusan, struktur masyarakat dan sebagainya.

Apa yang penting ialah rakyat dan penduduk negara ini secara bersepadu hendaklah terus berusaha mempersiapkan diri dengan penuh komitmen, menyokong dan mendukung usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membawa rakyat dan negara ini mencapai kemakmuran dan kegemilangan.



Oleh : Sahari Akim  
sahari.akim@information.gov.bn

SARANAN untuk menjadikan rakyat dan penduduk negara ini mempunyai 'mentaliti kelas pertama bertaraf dunia' merupakan suatu hasrat yang baik dan maju ke hadapan. Dalam dunia globalisasi tanpa sempadan dan teknologi canggih ketika ini kita harus berusaha mencapai matlamat itu untuk menggapai kemajuan dan bersaing di peringkat antarabangsa.

Walaupun ia bukan suatu yang mudah tetapi mahu tidak mahu kita harus memulakan usaha untuk mencapainya. Untuk sampai ke hahap itu dalam komuniti yang ramai merangkumi pelbagai peringkat lapisan masyarakat bukanlah mudah dan tentunya akan melalui proses jangka masa yang panjang.

Bagaimanapun dengan iltizam dan keazaman, kesungguhan dan usaha bersepadu tidak mustahil kita akan dapat mencapainya di masa hadapan. Usaha mencapainya tentunya berasaskan pelbagai faktor seperti rakyat perlu berpendidikan dan berilmu pengetahuan mantap, bersedia melakukan anjakan paradigma dan menerima perubahan, di samping penyediaan prasarana dan persekitaran yang kondusif.

Jika dilihat keupayaan kita sebagai sebuah negara yang kaya, aman, makmur, sejahtera dan harmoni maka kita mempunyai asas yang kuat untuk menjurus rakyat dan penduduk negara ini memiliki 'mentaliti kelas pertama bertaraf dunia'.

Dengan kemewahan dan kemakmuran yang ada tentunya akan memudahkan kita menyediakan prasyarat dan prasarana-prasarana yang diperlukan itu. Ini jelas kerana dalam dunia moden hari ini kemandapan ekonomi adalah sangat penting untuk memajukan rakyat dan negara.

Apa yang penting di sini ialah bagaimana kita dapat mengurus kekayaan yang ada itu dengan baik untuk menyediakan persekitaran kondusif dalam bidang-bidang dan sektor-sektor yang boleh menjadikan rakyat dan penduduk negara ini memiliki 'mentaliti kelas pertama bertaraf dunia'.

### ILMU

Asas yang paling penting bagi mencapai hasrat tersebut ialah ilmu pengetahuan. Hanya dengan ilmu pengetahuan yang mantap sahaja akan dapat mengembangkan daya berfikir yang tinggi, kreatif dan inovatif di kalangan masyarakat.

Terutama di era globalisasi dan teknologi canggih

PENDIDIKAN

# BDTVEC lahirkan lebih 12 ribu graduan

Oleh: Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
bakar.rahman@information.gov.bn

BERAKAS, Khamis, 9 November.- Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad berkata sejak tahun 1995 sehingga sekarang, Majlis Pendidikan Teknik dan Vokasional Brunei Darussalam (BDTVEC) berjaya menganugerahkan sijil, diploma dan diploma tertinggi kepada 12,190 orang graduan.

Jelasnya ia merupakan satu kejayaan dalam sistem pendidikan di negara ini sesuai dengan tuntutan masa dan perkembangan pendidikan di negara lain sama ada serantau mahupun antarabangsa.

Untuk pembangunan sosio negara sejumlah 90 program di pelbagai peringkat kelulusan telah ditawarkan dari peringkat NTC3 hingga peringkat HND tidak termasuk program-program yang ditawarkan oleh Maktab Jururawat.

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad menyatakan perkara tersebut di Majlis Konvokesyen Kebangsaan Institusi-institusi Pendidikan

Teknik dan Vokasional Ke-6 di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Di majlis itu Timbalan Menteri Pendidikan juga menekankan, supaya para lepasan teknikal dan vokasional tidak berhenti dan jemu setakat apa yang diperolehi sekarang malah terus berusaha dan meningkatkan lagi pengetahuan kemahiran masing-masing.

Tambahnya, kelulusan teknik dan vokasional adalah sangat berfaedah kepada seseorang untuk memasuki dunia pekerjaan di mana kemahiran dan pengetahuan dalam bidang ini memberi keyakinan kepada pelajar untuk berdikari.

Memandang jauh ke hadapan menurutnya, Jabatan Pendidikan Teknik sedang membuat persiapan dalam mengembangkan lagi kapasiti serta meningkatkan kualiti institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional sesuai dengan visi jabatan iaitu 'mencapai kecemerlangan dalam pendidikan dan latihan teknikal' serta berusaha merealisasikan misinya untuk



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad menyampaikan sijil dan diploma kepada seorang graduan. - Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

membangun tenaga kerja yang berdaya saing, dinamik dan berkualiti melalui pendidikan dan latihan teknikal sejajar dengan aspirasi negara.

Beliau mengingatkan, antara langkah yang perlu diambil oleh Jabatan Pendidikan Teknik ialah membuat kajian yang khusus bagi mendapat maklumat keperluan tenaga manusia oleh industri tempatan bagi mengenal pasti program-program latihan yang relevan dengan keperluan negara.

Katanya, difahamkan dalam kajian 'tracer study' yang dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Teknik awal tahun ini sebanyak 35.5 peratus graduan telah mendapat pekerjaan dalam tempoh dua bulan

selepas menamatkan program mereka.

Dari jumlah tersebut, seramai 15.6 peratus telah mendapat pekerjaan di sektor kerajaan, 9.4 peratus di sektor swasta kerajaan dan selebihnya 75 peratus mendapat pekerjaan di sektor swasta, manakala 23.4 peratus daripada graduan-graduan tersebut melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Konvokesyen hari tersebut bagi 271 orang graduan yang menamatkan kursus mereka pada bulan Jun lalu di institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional seperti Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam, Seko-

lah Vokasional Sultan Bolkiah dan Pusat Latihan Mekanik.

Dari jumlah tersebut, 36 graduan adalah bagi Diploma Kebangsaan, 51 Graduan Sijil Kejuruan Kebangsaan Peringkat 2, 152 Graduan Sijil Kejuruan Kebangsaan peringkat tiga dan 32 Graduan Sijil Vokasional Kebangsaan.

Anugerah penuntut cemerlang BDTVEC dianugerahkan kepada Dayang Siti Rafeah binti Haji Serbini dalam bidang 'Pre-National Diploma In Business and Finance', Dayangku Nurhazimah binti Pengiran Asamadi dari jurusan 'NTC3 In Consumer Electronics' dan Dayang Maszalenawati binti Jubli dari jurusan 'Accounts Clerk'.

# Jabatan Pendidikan Teknik tandatangani MOU

Oleh: Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman

GADONG, Khamis, 2 November.- Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MOU) antara Jabatan Pendidikan Teknik (DTE) dengan SEAMEO VOTTECH memberi peluang kepada pengurus, pentadbir dan guru mengembang serta meningkatkan pengetahuan mereka melalui kursus dan latihan.

Pemangku Pengarah Pendidikan Teknik, Awang Jamal bin Haji Kahar menyatakan demikian di Majlis Penandatanganan MOU di antara kedua-dua buah institusi tersebut berlangsung di Pusat Serantau SEAMEO VOTTECH di sini.

Melalui kursus dan latihan itu juga beliau yakin para peserta akan memperolehi kemahiran dan pengetahuan yang dapat membantu mereka menjadi lebih efisien serta berkesan dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing.

MOU antara SEAMEO VOTTECH dan Jabatan Pendidikan Teknik ditandatangani oleh Pemangku Pengarah SEAMEO VOTTECH, Awang Mohamad bin Abu Bakar dan Pemangku Pengarah Pendidikan Teknik.

Perjanjian yang ditandatangani itu juga bertujuan untuk meningkatkan dan memperluaskan kerjasama antara kedua-dua buah institusi.



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Teknik, Awang Jamal menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) (kanan). - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

# Murid Sekolah Kindycare terima sijil

Berita dan Foto: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli  
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Sabtu, 18 November.- Seramai 16 murid Sekolah Kindycare menerima sijil mereka di Majlis Konvokesyen Kali Keempat sekolah tersebut.

Sijil disampaikan oleh Pegawai Setiausaha Kerja Kementerian Pendidikan, Dayang Kamaliah binti Haji Abdul Rahman selaku wakil Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norjum binti Haji Yussof.

Beliau membacakan teks ucapan Pemangku Setiausaha Tetap, antara lain berharap guru-guru berpuas hati kerana penat lelah mengasuh dan mendidik murid-murid mereka telah menampakkan hasilnya.

Beliau menambah, kejayaan murid-murid mereka merupakan suatu nilai yang amat tinggi dan berharga. Mereka telah menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan oleh kerajaan dan ibu bapa yang mana menunaikan tanggungjawab merupakan sesuatu yang amat mencabar dan seiring dengan peredaran serta tuntutan masa kini.

"Teruskan memberi dukungan padu itu kerana era pendidikan zaman ini nampak-nampaknya menuntut lebih banyak tanggungjawab daripada para ibu bapa serta penjaga berbanding zaman kita dahulu," tambahnya.

Pengetua sekolah tersebut, Dayang Hajah Norlia dalam ucapan alu-aluannya berkata pengetua sebagai pemimpin sekolah dan guru-guru sebagai pendidik merupakan penggerak utama bagi menentukan pencapaian murid-murid.

Sebagai pemimpin, katanya amat penting bagi menentukan matlamat, objektif dan misi sekolah selaras dengan falsafah dasar pen-

didikan negara. Tambahnya dengan adanya matlamat, objektif dan misi sekolah, sekolah dapat merancang strategi program pembelajaran bagi menuju ke arah meningkatkan prestasi pelajar-pelajar.

Beliau yakin, untuk menyorok perjalanan proses pendidikan banyak bergantung kepada kerjasama serta sokongan penuh pengajaran untuk mewujudkan iklim sekolah yang tidak kurang pentingnya dalam meningkatkan prestasi murid-murid.

Di samping itu tambahnya, ibu bapa juga mempunyai peranan yang penting dan perlu menyumbangkan bantuan dan sokongan yang padu bagi sama-sama mendukung misi dan visi sekolah.

"Dengan adanya sokongan dan persefahaman antara sekolah (pemimpin, guru-guru) dan rumah (ibu bapa atau penjaga), rancangan pelaksanaan akan menjadi lebih mudah berkesan bagi meningkatkan prestasi kecemerlangan pelajar-pelajar dan mewujudkan budaya sekolah yang selamat, teratur dan lebih mencabar dan memberangsangkan," katanya.

Sehubungan itu beliau berharap pemimpin sekolah perlu mengeratkan perhubungan sekolah dan rumah bagi mengatasi faktor-faktor yang menjejaskan pembelajaran pelajar-pelajar dan untuk mendapat bantuan yang sewajarnya.

Beliau menasihatkan murid-murid supaya tidak lalai dan sentiasa cekal serta tekun menghadapi pelajaran dan ancaman yang boleh menje-

kan prestasi pembelajaran mereka.

Beliau juga menaruh harapan kepada guru-guru supaya dapat memberi khidmat profesional yang bermutu sepanjang masa dan bersikap peduli terhadap murid-murid sama ada yang berkebolehan atau kurang mampu.

"Jika semua golongan bekerjasama serta berusaha dengan jujur dan amanah, saya yakin prestasi kecemerlangan pelajar akan tercapai dengan mudah," ujarnya.

Majlis merupakan projek tahunan sekolah itu yang diselenggarakan dengan majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri. Antara yang hadir ialah Pengarah-pengarah Kumpulan Syarikat Haji Malai Mashor (SHMM) dan ibu bapa murid-murid berkenaan.

Majlis diserikan dengan persembahan nyanyian dan tarian murid-murid yang sekolah berkenaan. Sekolah berusia enam tahun itu merupakan di bawah teraju Kumpulan SHMM dan pada masa ini mempunyai kira-kira 70 orang murid. Mereka mendapat didikan di sekolah tersebut bermula dari taman asuhan sehingga darjah tiga.



MURID-MURID Sekolah Kindycare menyanyikan Lagu Selamat Hari Raya.



SEBAHAGIAN penuntut-penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar mendengar taklimat sempena aktiviti akhir tahun persekolahan.

# Taklimat Sejarah Brunei

BERAKAS, Sabtu, 18 November.- Beberapa taklimat bertemakan 'Bukti Sejarah Brunei' telah diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, bermula pada 14 - 18 November. Taklimat tersebut telah dihadiri oleh penuntut-penuntut sekolah tersebut sempena aktiviti akhir tahun persekolahan. Selama empat hari itu, beberapa orang pegawai dari Pusat Sejarah Brunei telah menyampaikan pelbagai taklimat dan pada hari

tersebut, taklimat memfokuskan satu kertas kerja bertajuk 'Manuskrip Lama Brunei Sebagai Data Kajian Sejarah' yang disampaikan oleh Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad, Pegawai Sejarah.

Selain itu, Pusat Sejarah Brunei juga mengadakan pameran persejarah Brunei, kuiz dan mentransliterasi beberapa ayat manuskrip Jawi ke Rumi. Aktiviti itu diadakan antara lain untuk memberi

kesedaran, informasi dan maklumat yang berfaedah kepada generasi muda yang dihasratkan supaya sentiasa peka dan memahami akan kepentingan sejarah dalam pembangunan dan perkembangan negara, bangsa dan agama.

Acara aktiviti diakhiri dengan penyampaian cenderahati kenang-kenangan oleh Pemangku Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar kepada wakil Pusat Sejarah Brunei.

# Ilmu meningkatkan kerja berkualiti

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim  
ahmad.salim@ information.gov.bn

BERAKAS, Ahad, 12 November. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan menyarankan supaya merebut peluang untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, umpamanya melanjutkan pelajaran sama ada di dalam dan di luar negeri mengikut kelayakan dan juga mengikuti kursus-kursus latihan yang bersesuaian.

Yang Berhormat menambah, pelbagai cara bagi meningkatkan ilmu pengetahuan antara lain melalui pembacaan, internet dan media massa hendaklah juga dipraktikkan.

"Dengan mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan kemahiran akan menaikkan tahap kompetensi

serta nilai tambah kepada kualiti seseorang itu," jelas Yang Berhormat di Majlis Musabaqah Tilawatil Qur'an bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berlangsung di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara di sini.

Menurut Yang Berhormat dengan adanya ilmu pengetahuan dan kemahiran itu juga akan mewujudkan sumber tenaga manusia yang berkualiti, ditambah lagi dengan akhlak yang mulia yang sudah tentunya dapat membantu organisasi terus cekap dan berkesan.

Di majlis itu, Yang Berhormat menyarankan pegawai-pegawai yang menjalani kursus sama ada di dalam atau luar negeri



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan menyampaikan hadiah kepada johan qari dan qariah Majlis Musabaqah Tilawatil Qur'an bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya. - Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.



supaya akan dapat mengongsikannya kepada pegawai dan kakitangan yang lain.

"Ilmu pengetahuan yang ditimba itu hendaklah diterjemahkan kepada memberikan sumbangan dalam peningkatan penyampaian perkhidmatan serta kualiti dan produktiviti jabatan," ujaranya.

Lima peserta qari dan empat qariah bertanding di

peringkat akhir iaitu Awang Haji Mohd. Juanda bin Haji Damit dari Jabatan Bomba dan Penyelamat menjadi johan, manakala johan qariah, Dayang Isah binti Timbang. Kedua-dua mereka akan mewakili Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ke peringkat Musabaqah Tilawatil Qur'an Antara Kementerian-kementerian yang akan diadakan kemudian.

# Al-Qur'an mengandungi rahsia pelbagai ilmu

Oleh : Samle Haji Jait  
samli.jait@ information.gov.bn

RIMBA, Rabu, 15 November. - Al-Qur'an merupakan kitab 'rahsia kejayaan' yang tersimpan di dalamnya pelbagai ilmu, maklumat, pedoman dan pengajaran untuk membolehkan umat Islam berjaya di dunia dan di akhirat.

Pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Al-Qur'an dijadikan sebagai sumber inspirasi dan gaya kehidupan pendidik, pendakwah, pemimpin, peniaga, pengu-rus, petani, mahupun pekerja sehingga terbinanya tamadun Islam yang teguh dan kuat sekali gus berjaya mencipta kegemilangan umat Islam dalam pelbagai jurusan sehingga menjadi empayar terbesar dan terkuat.

"Kita harus mengambil iktibar daripada kegemilangan zaman tersebut, terus mengukuhkan peningkatan iman dan takwa kita dan dengan demikian insya-Allah kita akan meraih kejayaan dan kesempurnaan dalam perjalanan hidup kita," tegas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Eusoff Agaki bin Haji Ismail di Majlis Musabaqah Tilawatil Qur'an antara jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri di Institut



YANG Mulia Dato Seri Paduka Eusoff Agaki bin Haji Ismail, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Perkhidmatan Awam, di sini.

Dalam konteks Perkhidmatan Awam di negara ini katanya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan pelbagai usaha ke arah menjadikan Al-Qur'an sebagai sumber dan panduan dalam kehidupan dan pekerjaan warga Perkhidmatan Awam dengan menggalakkan para pegawai dan kakitangan kerajaan membaca Al-Qur'an sebelum memulakan pekerjaan harian.

Menurutnya, beberapa langkah tertentu juga telah diambil ke arah memupuk nilai dan etika murni yang dituntut oleh agama dalam mempertingkatkan kewibawaan Perkhidmatan Awam melalui Rukun Akhlak dan Etika Kerja.

Beliau menambah, perkara itu boleh membentuk warga Perkhidmatan Awam yang berupaya dan berdaya saing di era globalisasi yang penuh mencabar, di samping diharapkan akan dapat mewujudkan barisan warga Perkhidmatan Awam yang mempunyai serta mengamalkan sikap dan kemahiran fikiran yang seimbang dari aspek kerohanian dan spiritual, satu landasan yang mantap ke arah menyumbang dan ber-

peranan bagi meningkatkan kesejahteraan, pembangunan serta keamanan negara.

Dalam hubungan itu, Yang Mulia Dato Seri Paduka menjelaskan etika kerja yang dikukuhkan dengan ajaran Al-Qur'an akan dapat mendorong pegawai dan kakitangan kerajaan memberikan khidmat dengan adil dan sempurna mungkin kepada orang ramai.

Menurutnya, etika kerja tersebut juga akan menjadi benteng dan penghalang kepada aktiviti dan keperluan yang menurus kepada kejadian rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

"Inilah yang ingin kita terapkan ke dalam pentadbiran Perkhidmatan Awam iaitu etika kerja yang menjana, sikap-sikap positif, bersih, cekap, amanah, bertanggungjawab, ikhlas, dedikasi, sederhana, tekun, sabar, berbudi mulia, bersyukur, setia dan mengharagai masa," ujaranya.

Beliau juga mengangap penghayatan dan amalan etika kerja tersebut adalah juga menyangkut dan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 1427 Hijrah yang antara lain menyeru agar rakyat baginda mengamalkan kesederhanaan dalam cara hidup kita hendaklah diberikan perhatian serius bukan saja dari segi berbelanja tetapi juga dalam konteks melaksanakan tugas iaitu tidak bertindak gopoh-gapah dan tidak keterlaluan malah bijak menilai serta terencana segala tindakan.

Katanya, kesederhanaan itu mendorong kita bertindak lebih rasional dalam mengatasi pelbagai masalah sekali gus menggambarkan kematangan, sabar dan bertanggungjawab dan dengan demikian boleh mengelak sebarang pergeseran dalam suasana pejabat dan kerja yang tentunya mempunyai implikasi yang merugikan.

# Sambutan ramah mesra Aidilfitri bagi warga Kementerian Pertahanan

Oleh : Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman

RIMBA, Selasa, 14 November. - Kira-kira 500 orang warga Kementerian Pertahanan dan Jabatanarah Gerakan dan Jabatanarah Pembangunan telah mengadakan Majlis Sambutan Ramah Mesra Aidilfitri.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Majlis tersebut bertujuan untuk menyemarakkan lagi sambutan-sambutan Aidilfitri di bulan Syaawal, bermaaf-maafan dan ziarah-menziarahi untuk mengeratkan silaturahmi sesama sendiri.

Ia juga untuk mengeratkan hubungan silaturahmi dan interaksi secara profesional di semua peringkat organisasi di kalangan warga awam dan ten-

tera yang selama ini dipamerkan melalui kerjasama yang cemerlang dan semangat berpasukan.

Majlis diserikan dengan ceramah khas yang disam-

paikan oleh Pensyarah dari Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiyah, Ustaz Haji Anwari bin Haji Rawi yang bertajuk 'Qana'ah Di Aidilfitri'.

Selain itu, persembahan nasyid dan tausyeh oleh kakitangan dan anggota

Kementerian Pertahanan juga dipertunjukkan.

Sambutan di Dewan Makan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dianjurkan dengan kerjasama Jabatanarah Gerakan dan Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Yasmin beramah mesra bersama pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

# Perpaduan dan kerjasama dihargai

Oleh : Maslina Awang Kurus

BERAKAS, Sabtu, 18 November. - Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menghargai kerjasama dan perpaduan yang wujud selama ini di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Beliau berharap perpaduan dan kerjasama erat itu akan dapat dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa terutama dalam

mengungkapkan tugas dan tanggungjawab jabatan sebagai agensi penyebar maklumat kepada orang ramai.

Pemangku Pengarah Penerangan menekankan perkara tersebut pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Penyampaian Cenderamata kepada pegawai-pegawai dan kakitangan berserta dan berpindah jabatan berlangsung di Dewan Pengiran Setia Negara, di sini.

Majlis tersebut merupa-

kan kegiatan tahunan Jabatan Penerangan bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahmi antara pegawai-pegawai dan kakitangan serta ahli-ahli keluarga mereka.

Pada majlis itu Pemangku Pengarah Penerangan juga menyempurnakan penyampaian cenderamata kepada enam pesara dan tiga pegawai yang berpindah ke jabatan lain.

Sambutan tersebut dimeriahkan dengan persembahan dari setiap bahagian dan cawangan daerah serta cabutan bertuah.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Amer Hamzah berucap di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Penerangan. - Foto : Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.

**SUKAN**

# Sukan BIMP-EAGA kukuhkan perpaduan

MAKASSAR, Khamis, 23 November. - Sukan Persahabatan Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur (BIMP-EAGA) Ke-5 di-barisi oleh Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Filipina merupakan arena untuk mengukur sejauh mana pencapaian prestasi para atlet, di samping mengukuhkan perpaduan dan persahabatan di kalangan negara-negara anggota.

Upacara Perasmian Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-5 disempurnakan oleh Gubener Sulawesi Selatan, HM Amin Syam di kawasan kediaman rasmi beliau di sini.

Dalam ucapannya beliau antara lain menyatakan bahawa Sukan Persahabatan BIMP-EAGA itu dapat mempromosikan budaya perdamaian, persahabatan, kesatuan dan ekonomi melalui olahraga yang dipilih sebagai tema sukan berkenaan.

Tema berkenaan kata-

nya sentiasa menjadi acuan setiap peserta dan seluruh kontinjen selain memberikan kesempatan untuk mengintegrasikan hubungan antara masyarakat dan pemerintah dalam BIMP-EAGA bukan hanya dalam perdagangan tetapi bidang-bidang lain termasuk bidang sukan.

Sukan ini juga ujarnya dapat meningkatkan kerjasama antara pemuda daripada negara-negara peserta dalam bidang olahraga dan sukan, di samping dapat menunjukkan kepada negara peserta tentang pembangunan ekonomi, budaya dan pendidikan.

"Kesemuanya itu hanya akan wujud jika dalam kehidupan masyarakat tercipta keadaan kedamaian, penuh persahabatan dan kemantapan ekonomi," tegasnya.

Upacara pelancaran diteruskan dengan pelepasan enam ekor burung merpati dan belon oleh ketua-ketua kontinjen negara-negara peserta diikuti dengan per-



**Liputan:  
Haji Ahmad  
Haji Salim  
ahmad.salim@  
information.gov.bn  
Foto:  
Mohd. Zul-izzi  
Haji Duraman  
dari Sulawesi  
Selatan Makasar**

barisan lalu oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian didahului oleh barisan belia yang membawa bendera negara-negara peserta dan bendera Sukan Persahabatan

BIMP-EAGA serta para atlet.

Kemudian diikuti oleh pembacaan ikrar sukan oleh wakil atlet tuan rumah dan wakil para hakim Kejohanan Sukan Persahabatan BIMP-EAGA.

Sukan BIMP-EAGA kali kelima ini mencatatkan rekod penyertaan yang terbanyak berbanding penyertaan dua tahun lalu di Kota Kinabalu dengan penyertaan 12 pasukan menampilkan 259 atlet termasuk pegawai di sepanjang empat hari sukan tersebut.

Di sukan itu, Indonesia menghantar tujuh pasukan terdiri Pasukan Sulawesi Selatan, Makassar selaku tuan rumah, Sulawesi Barat, Sulawesi Tengah, Kalimantan Selatan, Irian Jaya Barat, Papua dan Gorontalo diikuti oleh Malaysia yang diwakili oleh Sabah, Labuan dan Sarawak, Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina diwakili oleh Pasukan Mindanao.

Kebanyakan atlet terdiri dari remaja yang merupakan skuad pelapis berusia 23 tahun ke bawah.



ENAM ekor burung merpati dilepaskan oleh ketua-ketua kontinjen pada hari pembukaan temasya Sukan Persahabatan Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur (BIMP-EAGA) Ke-5.

Sukan ini akan mempertandingkan sebanyak 212 pingat emas, perak dan gangsa di mana acara renang menyediakan 114 pingat; sepak takraw tiga pingat; tenis tiga pingat, pencak silat 29 pingat dan olahraga (padang dan balapan) sebanyak 63 pingat.

Sukan Persahabatan BIMP-EAGA kali pertama diadakan pada tahun 1996

di Mindanao, Republik Filipina, kali kedua di Kuching, Sarawak pada tahun 1997, Republik Filipina sekali lagi menjadi tuan rumah di Palawan pada tahun 2003 dan Malaysia di Kota Kinabalu pada tahun 2004.

Sepanjang penyertaan kontinjen Negara Brunei Darussalam telah berjaya mengutip dua pingat emas,

dua perak dan tiga gangsa pada tahun 2003 melalui acara buang peluru, merem jam lembing, 100 meter dash, 200 meter renang gaya bebas, 200 meter breaststroke, 100 dan 200 meter renang kupu-kupu.

Pada sukan kali keempat di Kota Kinabalu kontinjen negara berjaya meraih satu pingat emas, lima perak dan empat gangsa.



KONTINJEN Negara Brunei Darussalam menghadiri Upacara Pembukaan Sukan Persahabatan BIMP-EAGA yang dirasmikan oleh Gubener Sulawesi Selatan, HM Amin Syam di kawasan kediaman rasmi beliau.

## Sukan BIMP-EAGA uji kehebatan

MAKASSAR, Khamis, 23 November. - Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-5 bermula 24 hingga 26 November ini akan memperlihatkan kehebatan para atlet empat negara anggota, Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Filipina.

Sukan yang disertai 12 pasukan ini mempertandingkan sebanyak lima acara iaitu Lawn Tennis, Sepak Takraw, Renang, Pencak Silat dan Olahraga (padang dan balapan).

Temasya bermula dengan acara menaikkan bendera para peserta di kawasan lapang kediaman rasmi Gubener Sulawesi Selatan dan pebarisan lalu oleh para atlet mewakili negara masing-masing di hadapan tetamu kehormat Sekretaris Daerah Propensi Sulawesi Selatan, H. A Muallim SH.MSI.

Upacara Menaikkan

Bendera Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Filipina dilakukan secara serentak oleh para belia Makassar diikuti dengan lagu 'Bayang Kari'.

Stadium Andi Mattalatta menjadi tempat per-

tarungan bagi acara olahraga (padang dan balapan), sepak takraw, pencak silat, dan renang, sementara Kompleks Sukan Karebosi mempertandingkan acara lawn tennis, manakala sepak takraw di Lapangan Takraw Gubernur.



MAKASSAR, Jumaat, 24 November. - Kemenangan pingat perak melalui acara renang pada hari pertama Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-5 mendahului kutipan pingat bagi lima acara yang disertai oleh kontinjen negara.

Dua pingat perak masing-masing diperolehi melalui perenang negara, Siu Kent Chung dalam acara renang 50 meter gaya lentang lelaki dengan catatan masa 31.46 saat, manakala Maria Koh Grace dalam acara 50 meter wanita mencatatkan kepantasan 34.70 saat pada pertandingan di Kolam Renang Andi Mattalatta.

Dalam acara renang 50 meter wanita pingat emas diraih oleh perenang Kalimantan Selatan, Indonesia, Arianti Faridah dan gangsa dimiliki oleh Wan, See Mun @Terri daripada Sabah.

Dalam acara yang sama kategori lelaki pingat emas digondol oleh perenang Sabah, Wong Kia Haow, manakala Ali Arman perenang Sulawesi Selatan meraih pingat gangsa.

UPACARA Menaikkan Bendera Negara peserta di Temasya Sukan Persahabatan BIMP-EAGA (kiri).

## Pingat perak mendahului kutipan melalui acara renang

Lapan acara dipertandingkan di hari pertama yang melibatkan atlet negara melalui acara lelaki dan wanita 1,500 meter gaya bebas, 50 meter gaya kupu-kupu, 100 meter gaya bebas, 200 LC meter gaya bebas, 100 dan 200 LC meter gaya lentang dan acara 800 LC gaya bebas relay.

Acara renang yang menyediakan sebanyak 38 pingat emas, 38 perak dan 38 gangsa merupakan perlawanan pingat paling banyak bagi keseluruhan acara yang dipertandingkan.



PERENANG negara Siu Kent Chung menerima pingat perak dalam acara renang 50 meter gaya lentang lelaki.



MARIA Koh Grace juga menerima pingat perak dalam acara renang 50 meter wanita.

**SUKAN**

# Sukan FESPIC KL'06 dirasmi gilang-gemilang

KUALA LUMPUR, Sabtu, 25 November. - Detik cabaran Kejohanan Sukan Orang Kurang Upaya Timur Jauh dan Pasifik Selatan (FESPIC) KL'06 secara rasminya bermula dengan pengisytiharan rasmi oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pada majlis gilang-gemilang dan penuh warna-warni di Stadium Bolasepak Kuala Lumpur, Cheras, di sini.

Sukan kedua terbesar di dunia untuk orang kurang upaya (OKU) itu menjanjikan 1,786 pingat menerusi 19 acara dengan menyaksikan penyertaan dari 47 negara yang terdiri dari negara-negara di rantau Asia dan Pasifik.

Negara Brunei Darussalam juga berbangga dengan membariskan lapan atlet olahraga yang bersemangat tinggi dan sudah bersedia untuk menampilkan persaingan hebat bagi edisi ke-9 yang berlangsung selama seminggu di Stadium Kebangsaan Bukit Jalil.

Upacara perasmian itu dimulakan dengan persembahan multimedia di skrin besar yang menayangkan kejayaan atlet kurang upaya dan sejarah sukan sambil persembah-

an tarian kebudayaan pelbagai bangsa oleh sekumpulan 100 peserta bagi mengalu-alukan kehadiran para peserta.

Perarakan pancaragam Angkatan Tentera Malaysia diikuti maskot Sukan FESPIC, Kancil yang dinamakan Ujang dan Che Mek dan pembawa bendera kontinjen negara-negara kemudian berarak masuk ke stadium.

Sementara itu, bendera kejohanan FESPIC dibawa masuk oleh sembilan atlet kurang upaya untuk Majlis Menaikkan Bendera oleh petugas, manakala peserta Lempar Cakera Cacat Penglihatan tuan rumah, Lee Seng Chow pula bersemangat mengetuai pembacaan ikrar kejohanan.

Majlis disemarakkan lagi apabila api obor kejohanan diarak masuk ke stadium yang diiringi oleh empat atlet Malaysia Razali Jaafar, Hisham Khai-roni, Choo Kam Chan dan David Wang untuk dinyalakan.

Upacara perasmian dimeriahkan lagi dengan persembahan kebudayaan oleh 60 pelajar cacat pendengaran dari Sekolah Menengah Dato Petinggi Abdul Ghafar di Kuching bagi menampilkan kejayaan golongan yang meng-

hadapi kekurangan fizikal.

Selain untuk memenangi pingat, FESPIC KL'06 merupakan satu sentuhan semangat kepada golongan OKU untuk meningkatkan nilai sejagat sukan dengan semangat kesukanan berdasarkan kemampuan terbaik masing-masing.

Selain itu, sukan itu menyediakan peluang kepada peserta dan pegawai dari pelbagai negara menjalinkan persefahaman bukan sahaja dalam arena sukan tetapi juga dalam budaya dan bahasa.

Kontinjen dari Wallis Et Futuna, sebuah wilayah Perancis yang terletak antara Fiji dan Samoa yang membariskan empat atlet dan dua pegawai merupakan pasukan paling kecil yang menyertai Sukan FESPIC Ke-9, manakala pasukan Timor Timur pula menyertai Sukan FESPIC buat julung kalinya sejak kemerdekaan negara ini pada 2002 dengan menampilkan 11 atlet dengan menyertai empat acara.

Kejohanan terbesar OKU kendalian tuan rumah juga mendapat perhatian dari lebih 200 wartawan tempatan dan luar negara untuk membuat liputan kejohanan berkenaan sepanjang seminggu kejohanan.



Oleh: Samle Haji Jait samle.jait@information.gov.bn  
Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah dari Kuala Lumpur



PERDANA Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi menerima cenderamata dari Kontinjen Negara Brunei Darussalam sejeurus selepas Upacara Perasmian Kejohanan Sukan Orang Kurang Upaya Timur Jauh dan Pasifik Selatan (FESPIC) KL'06.



KONTINJEN Negara Brunei Darussalam berarak di Upacara Pembukaan FESPIC di Kuala Lumpur.

## Gagal atasi rekod sendiri

KUALA LUMPUR, Ahad, 26 November. - Atlet Orang Berkeperluan Khas Negara, Sibuang Haji Kalong yang gagal memperolehi sentuhan pingat dalam acara Lempar Cakera bagi Kategori F II (Cacat Penglihatan) di Kejohanan Sukan Orang Kurang Upaya Timur Jauh dan Pasifik Selatan (FESPIC) di Stadium Kebangsaan Bukit Jalil di sini.

Sibuang hanya berjaya membuat lemparan sejauh 22.05 meter untuk menduduki tangga ketujuh dari 14 peserta sambil menyaksikan kehebatan peserta dari Jordan, Al-Shafeey merangkul pingat emas dengan lemparan sejauh 29.2 meter selepas menewaskan peserta dari Malaysia, Lee Sheng Chow yang mencatat 29.03 meter untuk pingat perak dan peserta

dari Republik Filipina, Carbonel Evarist sekadar mengutip pingat gangsa.

"Sekalipun gagal, saya tidak kecewa malah ia merupakan cabaran untuk meningkatkan prestasi dalam acara ini pada kejohanan akan datang," jelas Sibuang ketika ditemu bual bersama wakil PELITA BRUNEI.

Beliau mengakui mendapat saingan yang hebat dari para peserta dalam kategori berkenaan, namun berpuas hati berjaya memberi saingan yang baik sehingga menewaskan tujuh peserta dari negara-negara News Caledonia, Kuwait, Indonesia, Kiribati, Pakistan dan Tongo.

"Sibuang berjaya menunjukkan prestasi yang baik ketika melakukan lemparan dengan semangat tinggi tetapi beliau gagal menyaingi peserta-peserta lain yang mempunyai banyak pengalaman," jelas jurulatihnya, Tea Ai Seng.

Bagaimanapun jurulatih itu yakin, atlet kurang upaya negara itu mempunyai peluang untuk meningkat pada acara itu dalam siri kejohanan antarabangsa yang lain.



SIBUANG Haji Kalong ketika memberi saingan dalam acara Lempar Cakera Kategori F II (cacat penglihatan).

## Kontinjen negara - FESPIC dialu-alukan

KUALA LUMPUR, Khamis, 23 November. - Kemeriahan Kejohanan Sukan Orang Kurang Upaya Timur Jauh dan Pasifik Selatan (FESPIC) mula tersingkap dengan Majlis Sambutan Kontinjen-kontinjen yang mengambil bahagian pada kejohanan berkenaan di Dataran Merdeka, di sini.

Kontinjen dari Negara Brunei Darussalam bersama 46 buah pasukan yang mewakili negara-negara dari Asia dan Oceania jelas bersemangat tinggi untuk bersaing pada pertemuan kali ke-9 menerusi 19 acara sukan yang dipertandingkan.

Majlis warna-warni yang dihadiri oleh kira-kira 5,000 peserta dimulakan dengan persembahan kebudayaan Malaysia yang diikuti dengan Upacara Menaikkan Bendera Sukan FESPIC dan diiringi oleh penaikan bendera negara-negara kontinjen.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Zulkifli Ibrahim yang mewakili Datuk Bandar Kuala Lumpur menjadi tetamu kehormat dan merasmikan sambutan berkenaan sebelum diperkenalkan kepada ketua-ketua kontinjen.

Beliau juga menerima obor sukan FESPIC daripada Senator Datuk Dr.

Lee Chong Meng yang mengetuai larian bermula dari Wilayah Persekutuan Labuan yang kemudiannya bergerak ke seluruh Malaysia yang bermula dari Sabah dan Sarawak sebelum menuju ke Langkawi dari Alor Setar di Kedah sejak 7 Mei lalu.

Larian Obor yang dihasrat untuk menarik perhatian rakyat Malaysia bagi sukan FESPIC itu diteruskan ke Perlis, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Melaka, Negeri

Sembilan, Selangor seterusnya menuju ke destinasi terakhir di Kuala Lumpur.

Sukan FESPIC Ke-9 di sini akan menampilkan 19 jenis sukan yang dilangsungkan di stadium dan venue di sekitar Lembah Klang kecuali acara kapal layar yang bersaing di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Sukan terbesar pelbagai acara dan jenis kecacatan bagi atlet golongan kurang upaya (OKU) di Asia dan rantau Pasifik merupakan sukan bagi golongan OKU

kedua terbesar di dunia selepas Sukan Paralimpik.

Kejohanan empat tahun sekali itu dianjurkan oleh Pertubuhan FESPIC telah dimulakan di Oito, Jepun pada tahun 1975 dengan menyaksikan seramai 973 atlet dari 18 buah negara.

Sukan yang bertemakan 'Mengatasi Cabaran, Membangkitkan Semangat Yang Lain', merupakan siri Sukan FESPIC terakhir sebelum digantikan dengan Sukan Para Asia pada 2010.



TIMBALAN Ketua Pengarah (Pembangunan) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Zulkifli Ibrahim yang mewakili Datuk Bandar Kuala Lumpur diperkenalkan kepada Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajah Misnah binti Haji Bolhassan.

SUKAN

# CABARAN NEGARA DI DOHA BERMULA 3 DISEMBER

DOHA, QATAR, Selasa, 28 November. - Cabaran Negara Brunei Darussalam di temasya Sukan Asia Ke-15 di sini bermula pada 3 Disember depan.

Barisan para atlet boling lelaki negara akan memulakan cabaran Doha dalam acara boling selama Japan hari berturut-turut dari 3 - 10 Disember depan di Pusat Boling Qatar.

Kemudian disusuli dengan barisan atlet karatedo negara yang akan bertarung dalam acara karatedo selama dua hari pada 12 dan 13 Disember bertempat di Dewan Tertutup Kelab Sukan Qatar.

Dalam temasya kali ini, karatedo dan boling diberi kepercayaan bagi menggalas cabaran untuk

menambah koleksi kutipan pingat negara.

Sukan Asia akan berlangsung selama 15 hari dari 1 hingga 15 Disember di mana seramai lebih 13,600 atlet dari 45 negara akan 'berkampung' dan 'beradu tenaga' dalam 39 acara sukan yang dipertandingkan bagi 46 disiplin.

Pembukaan rasmi sukan terbesar selepas Sukan Olimpik itu akan dilangsungkan di Stadium Khalifa, stadium serba canggih dengan kapasiti 50,000 penonton dan dilengkapi dengan bumbung 'terapung' pada 1 Disember ini.

Negara Brunei Darussalam di temasya sukan terbesar di benua Asia itu akan menampilkan 15

orang kontinjen iaitu lapan pegawai dan tujuh atlet dengan diketuai oleh Awang Japar bin Bangkol yang bertindak selaku Chef de Mission.

Kontinjen negara terdiri dari Haji Mohd. Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani, Penolong Chef de Mission; Dayang Mariam binti Ulat, Ketua Urusetia; Pengiran Anak Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim, Penolong Ketua Urusetia; Pengiran Shadon bin Pengiran Haji Damit, Pysiotherapist; Haji Syed Jefferydean bin Malai Haji Mohammed, Pengurus Pasukan Karatedo; Haji Okhida Simangajing, Jurulatih Karatedo dan Micheal Griffith, Jurulatih Tenpin Bowling.

Sementara atlet negara

(karatedo) terdiri dari Haji Eddie Jofraini bin Haji Johari, Mohd. Sufian bin Abdullah, Haji Abdul Malik bin Mohd. Zaini dan Mohammad Fazil Rewandie bin Mohd. Faisal. Manakala atlet (boling) ialah Mohd. Shahwall bin Haji Mustafa, Haji Yakub bin Haji Bakar dan Awangku Aizat bin Pengiran Abu Samah.

Ini adalah penyertaan kelima negara kita sejak menyertainya pada tahun 1990 di Beijing, Republik Rakyat China, 1994 di Hiroshima, Jepun, 1998 di Bangkok, Thailand dan Busan, Republik Korea 2002.

Sepanjang penyertaan kita dalam empat edisi sukan berkenaan, negara telah berjaya mengumpul

keseluruhan empat pingat gangsa menerusi dua acara iaitu karatedo dan sepak takraw.

Pada Sukan Asia Ke-12 di Hiroshima, Jepun, dua puteri kita telah memberikan pingat pertama dan kedua kepada negara. Pingat gangsa itu masing-masing dicipta oleh Dk. Marliza binti Pengiran Omar dalam acara kumite perseorangan wanita 53 kilogram ke bawah dan Lo Megan, acara kumite perseorangan 60 kilogram ke atas.

Rangkaian regu sepak takraw telah mengharumkan negara dengan memungut pingat gangsa dalam acara inter regu. Pingat gangsa ketiga bagi negara itu dilakar oleh trio negara terdiri dari Haji



**Laporan :**  
**Jaafar Ibrahim**  
dari Doha Qatar  
jaafar.ibrahim@information.gov.bn

**Foto :**  
**Haji Masmaleh**  
**Haji Mohd. Ali**

Omar bin Haji Ahmad, Haji Mohd. Junaidi bin Haji Ahmad dan Haji Nordin bin Haji Untong di Sukan Asia di kota Bangkok, Thailand.

Sementara itu dalam Sukan Asia di Busan, Republik Korea empat tahun yang lalu, sekali lagi acara karatedo mengharumkan bumi Darussalam apabila putera karatedo negara, Tong Kit Siong

menggondol pingat gangsa dalam acara kumite perseorangan 75 kilogram ke bawah yang memberikan pingat gangsa keempat untuk negara sepanjang penyertaan kita dalam temasya sukan itu.

Sebagai imbasan, pada Sukan Asia yang lalu di Busan, negara kita menduduki tempat ke-37 dari negara-negara yang menyertai kejohanan terbesar rantau Asia itu.

## Bertekad cipta kejayaan

"KAMI akan cuba menunjukkan permainan yang cemerlang dan sedaya upaya bermain untuk kejayaan Negara Brunei Darussalam," demikian tekad yang dilahirkan oleh Awangku Aizat bin Pengiran Abu Samah dan Haji Yaakub bin Haji Abu Bakar ketika ditemu bual oleh PELITA BRUNEI semasa menjalani latihan di Pusat Bowling Utama di ibu negara baru-baru ini.

Kedua-dua pemain bersama Shahwall Mustafa adalah merupakan barisan pemain negara yang akan beraksi di Sukan Asia Ke-15 di Doha, Qatar dalam, acara boling.

Acara boling yang akan berlangsung selama lapan hari berturut-turut di Pusat Boling Qatar bermula 3 Disember depan akan menampilkan 14 disiplin bagi acara lelaki dan wanita.

Ditanya mengenai harapan di sukan tersebut, Awangku Mohd. Aizat, atlet cemerlang, di Sukan Borneo 2005 dengan tiga pingat emas, berkata peluang itu sememangnya ada.

Namun, katanya lagi tertakluk juga pada nasib dan mutu persembahan ketika berada di gelanggang.

"Saya sememang bercita-cita dan mengidamkan kalungan pingat bagi mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam di pentas sukan antarabangsa", jelasnya.

"Saya berharap akan dapat menunjukkan mutu

persembahan yang seimbang dengan memungut mata yang maksima dalam setiap permainan yang saya sertai. Saya akan berusaha sedaya upaya untuk menyaingi pemain lain tidak kira dari mana pemain itu datang", katanya.

Berumur 20 tahun dan berasal dari Kampong Jangsak, Awangku Aizat banyak menimba pengalaman daripada penyertaan dalam pertandingan seperti di Sukan Arafura dengan meraih satu pingat emas, dua perak dan satu gangsa serta Terbuka Singapura 2005 dengan menduduki tempat ketiga.

Sementara itu, Haji Yaakub, 43 tahun, pula penuh mengharap 'tuah' akan menyebelainya dalam buruan pingat di Doha nanti.

"Kesemua pemain tidak kira profesional dan amatir mempunyai peluang yang sama untuk meraih pingat kerana dalam acara boling tidak ada istilah pemain handal. Ianya ditentukan dengan kesungguhan pemain menjatuhkan pin semaksima yang boleh dalam setiap permainan," jelasnya dengan nada yakin.

Menurut beliau, daripada pengalaman bertanding bersama-sama pemain profesional, kadang-kadang pemain yang ternama juga tumbang dan 'tersungkur' kepada pemain yang tidak ternama.

Jadinya, dalam boling semua atlet berpeluang cerah meraih pingat asalkan dapat mengekalkan permainan yang baik iaitu dengan jatuhnya pin antara



**JURULATIH** Tenpin Bowling Kebangsaan, Mike Griffith.

210-235 dalam setiap permainan.

"Insya-Allah dengan permainan yang konsisten, peluang untuk meraih pingat adalah cerah, namun saya tidak boleh mengatakan seratus peratus saya boleh menang kerana pemain lain juga mempunyai cita-cita yang sama, Jadi dalam permainan boling peluang terbuka luas," tambah Haji Yaakub.

Beliau sebelum dipilih mewakili negara ke Sukan Asia pernah menempa beberapa kejayaan sebagai misal di Sukan Arafura, Darwin 2005, dalam acara trio berpasangan dengan Awangku Aizat dan Awangku Rudy Sufy, beliau meraih pingat perak. Sementara dalam acara bergu, beliau meraih pingat gangsa.

Selain daripada itu, beliau juga pernah menyertai Pre ASEAN Games di Indonesia, Terbuka Hongkong, Sukan SEA, 1999 dan 2001 dan World Cup di Kuala Lumpur pada tahun 2003.

Menurut Haji Yaakub, sejak 2005 pemain boling kebangsaan telah banyak mencipta kejayaan yang menggalakkan ketika bertanding di luar negara dengan meraih beberapa pingat antaranya yang cemerlang ialah kejayaan meraih 10 pingat ketika Sukan

## Boling - sandarkan harapan kepada trio negara

NEGARA Brunei Darussalam menyandarkan harapan yang tinggi kepada trio negara dalam cabaran memungut pingat bagi acara boling lelaki di Sukan Asia Ke-15 di Doha, Qatar yang akan bermula pada 1 Disember depan.

Acara boling yang menawarkan 14 pingat emas lelaki dan wanita akan bermula pada 3 hingga 10 Disember bertempat di Pusat Boling Qatar.

Barisan boling negara itu terdiri dari Awangku Mohd. Aizat bin Pengiran Abu Samah, Haji Yaakub bin Haji Bakar dan Mohd. Shahwall bin Haji Mustafa.

Ketiga-tiga mereka akan menyertai dalam lima acara iaitu perseorangan, bergu, berpasukan, trio dan masters.

Jurulatih Tenpin Bowling Kebangsaan, Mike Griffith menjelaskan Sukan Asia ini pentas yang sangat mencabar kerana ianya menampilkan pemain-pemain yang bertaraf profesional terutama dari Jepun, Republik Korea dan Republik China, Malaysia, Republik Singapura, Republik Indonesia dan tuan rumah sendiri Qatar.

Namun demikian, jelasnya dengan penampilan di beberapa kejohanan sebelum ini dan disertai dengan latihan yang intensif, pemain boling kita akan cuba sedaya upaya untuk menyaingi kehandalan pemain-pemain lawan.

"Saya berharap mereka akan menunjukkan 'form'



**MIKE Griffith** bersama dua atlet acara tenpin bowling, Awangku Mohd. Aizat bin Pg. Abu Samah (kiri) dan Haji Yaakub bin Abu Bakar (kanan) semasa sesi latihan di Utama Bowling.

dan permainan yang jitu di Doha nanti. Jika mereka dapat mengekalkan rentak permainan dengan mengekalkan mata 210 - 235 jatuhnya pin peluang untuk meraih pingat amatlah cerah," jelasnya ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI sejurus selepas Majlis Penyerahan Bendera Kebangsaan Kepada Kontinjen Negara baru-baru ini.

Sekalipun para pemain gagal meraih pingat, beliau mengharap agar pemain negara berada di kelompok 'Top 10' dan 'Top 16' dalam acara Masters.

Beliau menambah, para pemain boling kecuali Mohd. Shahwall yang kini berada di London telah menjalani latihan pesat dalam dan luar negara termasuk di Republik Indonesia.

Sebelum mengharungi

perandingan sebenar di Doha pada 3 Disember, tambah Mike, ketiga-tiga pemain itu menjalani latihan di Dubai selama dua minggu yang telah bermula dari sejak 15 November lalu dan berakhir 29 November.

"Adalah diharapkan dengan latihan di Dubai bersama-sama dengan pemain dari Malaysia, Republik Indonesia dan Republik Singapura, mereka akan dapat meningkatkan prestasi, mutu dan tahap permainan mereka," jelas beliau lagi.

Menurutnya, Awangku Aizat dan Haji Yaakub telah banyak menyertai kejohanan di luar negara seperti Sukan Borneo, Sukan Arafura, Terbuka Singapura.

Jurulatih berasal dari Australia itu amat berpuas hati dengan pencapaian cemerlang anak-anak buahnya yang telah berjaya

menunjukkan permainan yang konsisten.

Ditanya mengenai peluang Brunei dalam acara boling itu, beliau melahirkan harapan agar anak-anak didiknya akan menunjukkan mutu permainan yang konsisten dalam setiap permainan, kerana dengan permainan yang konsisten peluang untuk meraih pingat sudah tentu dalam genggaman.

Tetapi beliau, tidak ter-lalu 'over confident' hanya berharap pemain trio kita akan menunjukkan keungguhan, keazaman yang tinggi dalam memburu cita-cita untuk meraih pingat.

Dalam hal ini, beliau memberi kata-kata perangsang kepada anak-anak buah agar tidak gentar dan takut dalam menghadapi pemain-pemain yang handal dan berkaliber di Doha nanti.

# Tokoh-tokoh Ternama ASEAN (EPG) diterima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengabadikan gambar kenangan bersama Tokoh-tokoh Ternama ASEAN (EPG) yang menghadiri Mesyuarat Ke-7 Mengenai Piagam ASEAN seurus selepas menerima mengadap. - Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Tokoh-tokoh Ternama ASEAN (EPG) yang menghadiri Mesyuarat Ke-7 Mengenai Piagam ASEAN.

Berangkat sama di majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Pada majlis itu, baginda menerima

Oleh : Aliddin Haji Moktal  
aliddin.moktal@information.gov.bn

mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng; Dr. Aun Pom Moniroth dari Kemboja; TYT Al-Atlas dari Republik Indonesia, TYT Khamphan Simmalavong dari Republik Demokratik Rakyat Lao, Tun Sri Musa Hitam dari Malaysia, Dr. Than Nyun dari Myanmar, TYT Fidel V. Ramos dari Republik Filipina, TYT Profesor S. Jayakumar dari Republik Singapura, TYT Sihasak Puangketkaew dari Thailand, TYT Nguyen Manh Cam dari Viet Nam dan TYT Termsak Chalermpanupap dari Sekretariat ASEAN.

Mesyuarat itu berlangsung selama tiga hari bermula 27 hingga 29 November ini.

# KESEJAHTERAAN AWAM DIUTAMAKAN

GADONG, Rabu, 15 November. - Mengutamakan kesejahteraan awam, di samping menggalakkan individu bergiat dalam apa jua bentuk usaha untuk meningkatkan kehidupan masing-masing merupakan prinsip perancangan dalam konteks negara sedang membangun.

Sehubungan itu, peng-hulu mukim, ketua-ketua kampung dan anak-anak buah masing-masing serta orang ramai disarankan supaya melibatkan diri dalam penyediaan awal pelan perancangan kemajuan negara dengan mengikut sesi dialog atau jeryawara yang akan diadakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa di daerah masing-masing.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah menegaskan, penglibatan awam di peringkat awal perancangan adalah sangat penting bagi membolehkan setiap keperluan masyarakat dan sektor kemajuan dikenal pasti dalam perancangan guna tanah strategi kemajuan negara.

Perancangan bandar dan desa, jelas Yang Berhormat merangkumi semua aspek penting dalam kehidupan bermasyarakat termasuk sosial, ekonomi, pendidikan, agama, perhubungan, isu tanah dan sebagainya.

"Oleh itu penyediaan

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar  
bolhassan.bakar@information.gov.bn

pelan-pelan perancangan guna tanah adalah sangat penting dilaksanakan dengan sempurna," jelas Yang Berhormat di Majlis Pelancaran Hari Perancangan Bandar Sedunia 2006 hari ini.

Sehubungan itu, ujar Yang Berhormat ianya memerlukan penyelidikan teliti dan fakta-fakta maklumat yang lengkap serta analisis-analisis yang jitu supaya dapat menghasilkan perancangan yang teratur dan seimbang.

Antara hasrat dan matlamat Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8, kata Yang Berhormat adalah untuk memperbaiki kehidupan rakyat dan penduduk negara ini serta mewujudkan suasana alam sekitar yang bersih dan sihat.

Yang Berhormat berkata, perancangan bagi sesuatu kemajuan akan melibatkan banyak pihak termasuk kerajaan, swasta, masyarakat kampung dan bandar bagi mencorak kemajuan dan pembangunan fizikal di negara ini.

Tegas Yang Berhormat kemajuan yang mapan dan kawasan yang bersih serta selamat perlu diselenggarakan dengan pelan-pelan perancangan dan peraturan yang disediakan oleh kerajaan.

Pelan-pelan perancangan yang telah dan akan

disediakan di bawah projek-projek RKN, jelas Yang Berhormat itu antara lain menggariskan strategi perancangan fizikal negara bagi jangka waktu yang tertentu.

"Ini termasuklah kajian semula Pelan Induk Negara Brunei Darussalam yang menggariskan bagi jangka 25 tahun akan datang (dari tahun 2006 hingga 2025), pelan-pelan di peringkat daerah dan seterusnya di peringkat mukim dan kampung," kata Yang Berhormat.

Kementerian Pembangunan dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa, tambah Yang Berhormat berharap akan dapat mengubal dasar dan panduan untuk menangani keperluan ke arah yang lebih sempurna dan berkesan bagi menghindarkan kemalangan, pencemaran dan pemandangan.

Sempena Pelancaran Hari Perancangan Bandar Sedunia yang bertemakan, 'Perancangan Untuk Kehidupan Syumul' yang berlangsung di sebuah gedung membeli-belah di sini, Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah mengukayahkan pameran yang disertai oleh firma-firma konsultan yang terlibat dalam penyediaan pelan-pelan perancangan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika berkecuali berkerusi di kompleks Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) di Sungai Akar. - Foto : Masri Osman.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah menyaksikan pameran mini sempena Pelancaran Hari Perancangan Bandar Sedunia. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

## Dari muka I

Dalam hubungan ini kerajaan baginda amatlah mengalu-alukan penglibatan sektor swasta khususnya dalam menyediakan prasarana pendidikan berkenaan. Ini adalah penting bagi menjamin kesinambungan bekalan sumber tenaga manusia tempatan yang diharapkan dapat mendukung komitmen kerajaan dalam meningkatkan kualiti sumber tenaga manusia yang berilmu dan berkemahiran.

DYTM bersabda, kerajaan berharap penglibatan sektor swasta ini akan menawarkan 'competitive edge' bagi meningkatkan potensi industri pendidikan serta komersial negara.

Bagaimanapun, sabda DYTM menegaskan sektor swasta yang terlibat dalam bidang pendidikan akan dapat menani aspirasi negara bagi membentuk warga yang berilmu dan berkualiti melalui sistem pendidikan berkualiti.

Menyentuh mengenai kompleks Sekolah PGGMB, DYTM berharap kepada ahli-ahlinya akan dapat memajukan kegiatan dan sumbangan ke arah meningkatkan taraf pendidikan penduduk tempatan dan berjaya menyumbang kepada kesinambungan persekutuan dan kesejahteraan ahli-ahlinya.

DYTM penuh percaya peranan dan sumbangan PGGMB dalam bidang pendidikan ini sewajarnya dapat dicontohi, khususnya dalam keupayaannya menyediakan prasarana bangunan dan fasiliti pembelajaran yang kondusif. Kejayaan PGGMB merupakan salah satu pelopor tempatan dalam menyediakan pendidikan sekolah swasta di negara ini merupakan satu pencapaian yang harus dibanggakan.

Dalam majlis ini, sembah alu-aluan telah disampaikan oleh Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Anting bin Ahad yang kemudiannya menyembahkan cenderamata ke hadapan majlis DYTM.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya dijunjung melawat ke kompleks Sekolah PGGMB termasuklah ke kelas-kelas rendah dan menengah.

Adalah dicatatkan sehingga tahun 2006 sejumlah 29 peratus daripada keramaian pelajar dari seluruh negara adalah mengikuti pengajian di sekolah-sekolah pendidikan swasta. Perangkaan tahun 2005 menunjukkan terdapat 177 buah sekolah pendidikan swasta telah berdaftar dengan Kementerian Pendidikan. Jumlah ini adalah signifikan di dalam sistem persekolahan di negara ini.

## UTAMAKAN MELANCONG DALAM NEGERI

## اوتاماكن ملنچونغ دالم نكري

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، جباتن فردان منتری، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

# اننيكا

BRUNEI

## ANEKA

BILANGAN 48

RABU 29 NOVEMBER 2006

رابو 8 ذوالقعدة 1427

PERCUMA

**TALIAN PENTING**

Ambulans	991
Polis	993
Bomba & Penyelamat	995
Mencari & Penyelamat	998
<b>PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN PENTING</b>	
Air	140
Talian Kebajikan	141
Elektrik	144
Maklumat Penerbangan	2331747
Pusat Mencari & Penyelamat (udara dan laut)	2332600
Unit Pengurusan Bencana Alam	2381874
	2381313
	2382143
	2382027
Selesema Burung	8984777
	8985777

**K**ITA perlu merenung sejenak masa depan negara dengan penuh iltizam dan proaktif. Ke arah itu langkah mempelbagaikan ekonomi dari terus bergantung kepada minyak dan gas amatlah penting memandangkan perkembangan dunia yang tidak menentu.

Menyedari bahawa sektor pertanian merupakan salah satu sumber yang mustahak dimajukan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan lebih B\$27 juta dalam Belanjawan Kemajuan 2006 / 2007.

Dalam pergolakan dunia yang kian mencabar, langkah-langkah untuk mempercepatkan pertumbuhan pertanian perlulah digembeng oleh semua pihak bagi memantapkan lagi ekonomi negara. Negara tidak boleh selama-lamanya bergantung kepada pihak luar untuk pemakanan tetapi kita sendiri yang perlu mengusaha dan melaksanakannya.

Seperti mana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolikiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di perasmian Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada 15 Mac 2006 antara lain menekankan bahawa negara tidak boleh selama-lamanya bergantung kepada pihak luar dan malah adalah menjadi satu kesilapan yang ketara jika kita tidak mengambil kira faktor-faktor alam dan politik yang mendatang.

Untuk merealisasikan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu, semua pihak perlu mengerah tenaga dan buah fikiran.

Jabatan Pertanian merupakan sebuah agensi kerajaan yang telah dipertanggungjawabkan bagi mencapai matlamat ke arah pengeluaran sumber makanan berasaskan pertanian bagi keperluan rakyat dan penduduk di negara ini.

Dalam menghasilkan sumber-sumber tersebut, elemen-elemen penting seperti kebersihan, kualiti, kehalalan dan jaminan bebas dari sisa baki racun yang berlebihan diberikan keutamaan dalam pengeluaran bahan makanan yang terbaik berpadanan dengan harga jualan yang berpatutan.

**INDUSTRI BERASASKAN SUMBER MAKANAN**

Perkembangan industri pertanian negara sejak beberapa tahun kebelakangan telah menunjukkan trend penghasilan, pengeluaran dan pendapatan yang positif dalam semua sektor dan kategori industri yang berasaskan sumber makanan.

Industri ternakan merupakan industri pertanian yang utama telah berkeupayaan berkembang maju sejajar dengan keprihatinan dan penglibatan aktif pengusaha-pengusaha tempatan.

Ke arah itu, Jabatan Pertanian akan sentiasa memberi dorongan dan bantuan untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha menerap kaedah, sistem pengurusan dan teknologi terkini yang terbukti dapat mengembangkannya industri pertanian di negara ini.

Dalam menyahut seruan kerajaan, usahawan tempatan perlu meningkatkan keupayaan keusahawanan masing-masing dan bertindak cergas menceburi pelbagai bidang agribisnes yang berasaskan pengetahuan.

Kementerian Perindustrian



DALAM menyahut seruan kerajaan, usahawan tempatan perlu meningkatkan keupayaan keusahawanan masing-masing dan bertindak cergas menceburi pelbagai bidang agribisnes yang berasaskan pengetahuan.

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar  
bolhassan.bakar@information.gov.bn

## Lebih B\$27 juta diperuntukkan untuk Belanjawan Kemajuan 2006 - 2007

dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian secara berterusan dengan mengangkayahkan pelbagai seminar dan bengkel serta tunjuk ajar dalam menggalakkan pengusahaan-pengusaha tempatan bergiat lebih agresif dalam mengusahakan industri berasaskan tani.

Sejajar dengan misi Jabatan Pertanian bagi menggalakkan bidang pertanian mapan yang bercorak agribisnes yang menumpukan kepada makanan bermutu dan selamat selain untuk menggalakkan peladang dan usahawan tani mengamalkan penggunaan sumber yang berkesan dan berteknologi yang bersesuaian.

Misi jabatan itu juga adalah untuk menghasilkan barangan makanan yang berpancukan pasaran serta mampu bersaing secara komersial serta meningkatkan produktiviti dan keuntungan dalam sektor pertanian, di samping menjamin keselamatan makanan bagi rakyat dan penduduk di negara ini.

Ia juga selaras dengan wawasan Jabatan Pertanian untuk memimpin dalam transformasi sektor pertanian kepada agribisnes yang berbandukan pasaran, di samping mencergaskan semula jabatan berkenaan selaku agen perubahan yang berinovasi dan berkesan dalam perkongsian maklumat dengan petani dan pengusaha tani.

**PRODUK TAMBAH NILAI**

Pengeluaran produk tambahan nilai bagi pemprosesan daging ayam dan daging ruminan yang dicatatkan oleh Jabatan Pertanian adalah berjumlah lebih B\$7 juta pada tahun 2005 berbanding hanya B\$6.7 juta pada tahun 2004.

Daging ayam proses keluaran enam syarikat tempatan iaitu PDS Abattoir Sendirian

Berhad; Ideal Food Industries Sendirian Berhad; BMC Food Industries Sendirian Berhad; Cerah Supreme Food Supply Sendirian Berhad; Sabli Group B Sendirian Berhad dan MC Maju Cold Storage Sendirian Berhad berjumlah 592,363.86 kilogram bernilai B\$3,915,939.21 pada tahun 2005.

Menurut perangkaan pada tahun 2004, daging ayam proses yang dikeluarkan oleh enam syarikat yang sama mencatatkan sejumlah 546,336.47 kilogram iaitu peningkatan lebih 46 ribu kilogram dengan nilai B\$3,760,997.35.

Manakala proses daging ruminan termasuk daging lembu, kerbau, kambing dan unta keluaran tujuh syarikat tempatan iaitu PDS Abattoir Sendirian Berhad; BMC Food Industries Sendirian Berhad; Cerah Supreme Food Supply Sendirian Berhad; Sabli Group B Sendirian Berhad; MC Maju Cold Storage Sendirian Berhad; Mulaut Abattoir Sendirian Berhad dan Hussyn Rahman Enterprise mencatatkan sejumlah 360,500.37 kilogram dengan nilai B\$3,179,788.10 pada tahun 2005.

Sementara jumlah daging ruminan yang diproses pada tahun 2004 oleh tujuh syarikat yang sama adalah sekitar 347,611.09 kilogram iaitu peningkatan hampir 13 ribu kilogram yang bernilai B\$2,964,682.88.

Industri ayam pedaging kekal sebagai penyumbang utama kepada sektor perniagaan dan perekonomian pertanian di negara ini. Pengeluaran pada tahun 2003 adalah tahap pengeluaran yang tertinggi pernah dicapai dengan pengeluaran sebanyak 10.29 juta ekor berbanding dengan 15,435.00 tan metrik dengan nilai pasaran B\$63.28 juta

pada kadar B\$4.10 satu kilogram bersih.

Jumlah pengeluaran tersebut mengakibatkan penurunan import sebanyak 238 tan metrik berbanding jumlah yang diimport pada tahun 2002.

Pada keseluruhannya import daging ayam yang diproses adalah sebanyak 917 tan metrik dengan nilai C.I.F berjumlah B\$4.4 juta yang hanya memenuhi sebanyak 5.16 peratus dari keperluan negara.

Penggunaan sistem pemeliharaan dan pengeluaran berteknologi tinggi dalam industri ayam pedaging pada tahap yang optima telah memberikan kesan yang positif dengan terdapatnya peningkatan dalam pengeluaran tempatan dan penurunan jumlah import.

**PROGRAM INSENTIF PERTANIAN DAN AGRIBISNES**

Jabatan Pertanian telah merancang beberapa projek termasuk melantik Agrodev Canada Inc. Bhd. dengan usaha sama Syarikat Sacammas Sendirian Berhad untuk melaksanakan 'Program Insentif Pertanian dan Agribisnes' pada 4 November 2006 dalam usaha berterusan memajukan sektor pertanian di negara ini.

Majlis penandatanganan program tersebut yang berlangsung di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian itu diwakili oleh Pemangku Pengarah Pertanian, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri dan wakil Pengurus Projek Agrodev Canada Inc. Bhd., Tuan Neal Carter.

Ditubuhkan pada tahun 1976, Agrodev Canada Inc. Bhd. merupakan sebuah firma konsulten pembangunan anta-

rabangsa memberikan khidmat kepakaran dalam bidang pertanian dan pengurusan sumber alam, pembangunan sosial dan ekuiti genda, pengurusan alam sekitar dan pembangunan akuakultur dan perikanan.

Syarikat Sacammas Sdn. Bhd. ialah syarikat tempatan yang sudah lama bertapak dalam bidang perkhidmatan dan pagedaran produk-produk saintifik dan bahan kimia di Negara Brunei Darussalam.

Projek ini adalah hasil dari kajian yang dilaksanakan oleh Commonwealth Fund for Technical Cooperation (CFTC) pada tahun 2003 mengenai program intensif pertanian yang sedia ada.

Program yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian pada masa ini bertujuan untuk menyokong pembangunan sektor primari yang sejau ini telah mencapai kejayaan.

Fokus utama ke arah perubahan kepada agribisnes, ialah untuk mempertingkatkan lagi pembangunan sektor pemprosesan berasaskan agro dan menyediakan program-program pembangunan seumpama ini untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta di dalam agribisnes terutama sekali untuk mendiversifikasi ekonomi.

Negara Brunei Darussalam adalah ahli asal WTO di mana dalam perjanjian pertanian WTO menyekat jenis dan jumlah program-program dukungan tempatan.

Ahli-ahli WTO sedang membincangkan mengenai penggabalan Perjanjian Pertanian di bawah Agenda Pembangunan Doha yang dijangka akan mengurangkan lagi jumlah dukungan dan bantuan untuk sektor pertanian.

Sebagai ahli kepada AFTA, Negara Brunei Darus-

salam telah mengurangkan tarif dalam perdagangan ASEAN antarabangsa ke paras yang terendah.

Projek ini diharapkan akan dapat merumuskan program intensif yang baru dan menepati ke arah visi dan misi Jabatan Pertanian bagi pasaran agribisnes yang mapan dan meningkatkan daya saing Jabatan Pertanian dan sektor Agri-Makanan di negara ini.

Inisiatif ini juga mematuhi perjanjian yang telah ditandatangani oleh Negara Brunei Darussalam dalam WTO, AFTA, APEC dan ASEAN.

Kajian yang bakal dijalankan ini akan menilai kecekapan, keberkesanan dan kesesuaian program insentif pertanian yang ada pada masa ini dalam mencapai objektif Kerajaan Negara Brunei Darussalam terutama sekali Rancangan Kemajuan Negara, Jabatan Pertanian.

Kajian ini akan menilai keseluruhan aspek penyampaian program insentif jika memerlukan pertimbangan yang perlu ditangani, di samping keberkesanannya kepada SMEs.

Aspek utama dalam kajian ini adalah untuk menjelaskan, menilai dan mencadangkan sebarang perubahan yang perlu ke atas program yang ada pada masa ini dalam menyediakan kos pengeluaran yang rendah.

Pembentukan program intensif yang baru ini diharuskan akan dapat memudahkan lagi perkembangan dan pembangunan sektor pertanian dan agribisnes.

Dengan komitmen semua pihak dalam mempelbagaikan ekonomi, insya-Allah akan tercapai walaupun tidak dalam masa lima hingga sepuluh tahun yang akan datang pasti berhasil.

## Sekitar Sambutan Hari Raya Aidilfitri . . .

### Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berhari raya

Oleh : Samle Haji Jait  
samle.jait@information.gov.bn

TUTONG, Isnin, 6 November. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan meneruskan lawatan kerja ke empat-empat mukim di daerah ini.

Lawatan kerja yang diselenggarakan dengan kunjungan berhari raya itu merupakan salah satu program yang disusun bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim Yang Berhormat

dan rombongan serta penduduk di mukim berkenaan.

Aktiviti itu juga peluang berinteraksi secara langsung dengan Yang Berhormat mengenai isu-isu yang tertentu yang perlu diketengahkan bagi kebajikan penduduk dan kampung berkenaan.

Yang Berhormat bersama rombongan mula-mula singgah ke kediaman rasmi Pegawai Daerah Tutong sebelum beredar berkunjung ke rumah peng-

hulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung berkenaan.

Lawatan kerja Yang Berhormat termasuk ke rumah Penghulu Mukim Keriam, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhd. Taha bin Abd. Rauf dan Ketua Kampung Bakiau/Pengkalan Mau, Mukim Kiudang, Awang Haji Md. Taib bin Haji Jeluddin.

Yang Berhormat juga singgah ke rumah Penghulu

Mukim Lamunin, Awang Haji Mohammad Yusof bin Mantok sebelum singgah ke rumah Ketua Kampung Penapar, Mukim Tanjong Maya, Awang Haji Mahmud bin Haji Abd. Latif.

Terdahulu, Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Abdul Mutalib bin Haji Idris berharap agar program lawatan kerja Yang Berhormat dapat mengeratkan lagi kesefahaman dan mengukuhkan lagi hubungan mesra di kalangan institusi penghulu dan ketua-ketua kampung yang dilawati.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan semasa singgah di kediaman rasmi Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Abdul Mutalib bin Haji Idris. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.



HADIR selaku tetamu kehormat di Majlis Sambutan Hari Raya Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Proper) ialah Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya (empat dari kanan). - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

### Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri JPM (Proper)

Oleh : Samle Haji Jait  
samle.jait@information.gov.bn

JERUDONG, Ahad, 12 November. - Hari Raya Aidilfitri terus dimeriahkan dengan majlis-majlis sambutan oleh kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan agensi swasta serta rumah-rumah terbuka di seluruh negara sekalipun bulan Syawal hampir ke penghujungnya.

Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Proper) juga mengadakan majlis serupa bagi merayakan pegawai dan kakitangan serta keluarga dari Bahagian-bahagian JPM (Proper), Institut Perkhidmatan Awam, Unit Majlis-majlis Mesyuarat dan Unit Pengajian Strategik.

Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin

Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya hadir selaku tetamu kehormat majlis yang berlangsung di Jerudong Polo and Country Club.

Sambutan itu juga dihadiri oleh Setiausaha-setiausaha Tetap JPM, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar, Pengiran Dato Paduka Haji

Ismail dan Dato Paduka Awang Haji Khamis bin Haji Tamin.

Majlis yang merupakan salah satu kegiatan tahunan dirancang oleh JPM (Proper) itu memberikan peluang untuk beramah mesra dan mengeratkan lagi tali silaturahim antara pegawai dan kakitangan JPM (Proper).

### Pelanggan TAIB diraikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 November. - Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi pelanggan-pelanggan bank berkenaan yang berlangsung di Ibu Pejabat TAIB di sini.

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim  
ahmad.salim@information.gov.bn

Turut hadir di majlis itu, Timbalan Menteri Pembangunan yang juga Pengerusi Perbadanan TAIB, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd. Hussein dan juga Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Pengiran Datin Paduka Hajah Urai binti Pengiran Ali.

Lebih 500 orang tetamu dijemput di majlis itu antaranya terdiri pelanggan-pelanggan TAIB, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dan Majlis Penasihat Syariah diraikan dengan pelbagai hidangan makanan dan lagu-lagu Hari Raya.

Menurut siaran akhbar Perbadanan TAIB, majlis itu bertujuan untuk mengukuhkan hubungan silaturahim di antara para pelanggan TAIB yang telah memberikan sokongan kepada salah sebuah institusi kewangan Islam di negara ini.

Di samping menikmati pelbagai hidangan makanan, para pelanggan juga berpeluang memenangi hadiah-hadiah istimewa yang disediakan oleh pihak Perbadanan TAIB melalui cabutan angka bertuah dan juga penyampaian hadiah dalam pertandingan menghias jabatan-jabatan dan cawangan Perbadanan TAIB.



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd. Hussein selaku Pengerusi Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) menyampaikan hadiah kepada salah seorang pelanggan TAIB (atas), sementara gambar bawah para pelanggan turut menikmati hidangan. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.



SEBAHAGIAN para ahli pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri (Proper) yang hadir di sambutan tersebut. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

### Anak yatim dijamu raya

KUALA BELAIT, Jumaat, 17 November. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri kini sampai ke penghujungnya namun ianya masih diraikan oleh jabatan-jabatan kerajaan, pihak swasta dan orang perseorangan di negara ini.

Sehubungan itu Jawatankuasa Lembaga Tabung Derma Anak-anak Yatim Daerah Belait menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Bagi Anak-anak Yatim di daerah ini yang diadakan di Kompleks Sukan Mumong.

Kira-kira 365 orang anak yatim diraikan di majlis tersebut yang diha-

Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli  
saidah.omaralli@information.gov.bn

diri oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman. Majlis itu merupakan salah satu aktiviti jawatankuasa berkenaan dalam usahanya sebagai tanda keprihatinan kepada anak-anak yatim khususnya dalam bulan Syawal agar keseronokan dan kegembiraan dapat mereka rasai.

Majlis antara lain bertujuan untuk mengeratkan tali silaturahim di kalangan anak-anak yatim khususnya dengan ahli-ahli jawatan-

kuasa tabung. Jawatankuasa tersebut berharap anak-anak yatim akan tabah dan sabar menghadapi liku-liku dan dugaan kehidupan.

Di majlis itu anak-anak yatim menerima sumbangan derma wang tunai daripada pihak-pihak dermawan. Pihak jawatankuasa berharap agar mereka berjinjit cermat dalam membelanjakan kewangan yang dihulurkan itu ke jalan kebaikan dan memanfaatkan kepada mereka.

# Sastera dan Budaya

# سستردان بودايا

## Ibadat Haji dalam masyarakat Melayu Brunei :

PENDAHULUAN

DARI tajuk di atas menunjukkan bahawa ibadat Haji dalam masyarakat Melayu Brunei itu memang semestinya mengikut agama tetapi ia juga berkait rapat dengan adat yang sudah menjadi warisan kita sebagai orang Brunei sejak turun-temurun. Di sini saya akan meninjau mengenai dengan cara pelaksanaan Ibadat Haji di Brunei iaitu tentang fahaman orang-orang Brunei kitani tentang Haji dan kepercayaan mereka mengenainya yang berkait rapat antara adat dan agama.

### IBADAT HAJI

Haji menurut syarak bererti ialah mengunjungi Baitullah (Ka'abah) di Mekah dalam bulan Haji kerana mengerjakan tawaf, sa'e dan wukuf di Arafah mengikut syarat-syaratnya yang tertentu. Menurut Prof. J. M Hasbi As-Siddiq, Haji itu ialah mengqasadkan (niat) ke Baitullah yang telah dijadikan Tuhan, Ka'abah bagi semua orang Islam, untuk melaksanakan beberapa amalan dan ibadat yang telah ditetapkan di waktu yang telah ditentukan iaitu dari 1 Syawal hingga hari kesepuluh dari bulan Zulhijjah'. Pada pandangan orang Melayu Brunei, Haji itu ialah pergi ke Mekkah dalam bulan Zulhijjah dan wukuf di Arafah'. Manakala menurut Prof. Dr. Mahmud Syaltut dalam bukunya Aqidah Wa Syariah, Haji itu adalah bentuk penyembahan manusia sejak zaman purba. Ia bererti penziarahan ke tempat-tempat tertentu sebagai suatu penyembahan dan penyucian pada Tuhan sembahnya. Begitulah amalan-amalan pelbagai bangsa purba seperti orang-orang Mesir kuno, Yunani kuno dan sebagainya. Keadaan ini berterusan sehingga Allah mengutus Nabi Ibrahim dan memerintahkaninya membina Ka'abah di Mekah untuk tujuan penyatuan sistem Haji umat manusia di mana padanya dilakukan tawaf dan berzikir kepada Allah.

Pada hemat saya, dari takrif di atas dapatlah saya simpulkan bahawa Haji itu adalah mengerjakan dengan niat semata-mata kerana Allah untuk mengunjungi Baitullah atau Ka'abah dan mengerjakan segala amalan-amalan dan mengerjakan sebanyak mungkin dan mengerjakan rukun-rukun Haji serta melaksanakannya dengan sempurna untuk mendekatkan diri kita kepada Allah dan mengharapkan keredaan-Nya.

Setiap tahun apabila tibanya bulan Zulhijjah maka akan berduyun-duyun umat Islam dari seluruh pelusuk dunia ini mengunjungi Tanah Suci Mekah bagi menunaikan Haji iaitu rukun Islam yang kelima. Mereka ke sana dengan pelbagai kenderaan dan bekalan mengikut kemampuan masing-masing, sama ada jauh mahupun dekat dan sama ada yang datang dari Timur ataupun Barat. Mereka ini adalah dalam destinasi menuju ke arah yang satu iaitu untuk mendapatkan keredaan Ilahi. Dengan berbekalan niat dan keazaman serta bekalan yang cukup, insya-Allah seseorang itu akan dapat menunaikan Haji dengan sempurna kerana semangannya Haji itu hendaklah dilaksanakan dengan sempurna seperti firman Allah:

*"Dan laksanakanlah Haji dan Umrah dengan sempurna."*

Ibadat Haji ini diwajibkan ke atas setiap individu yang beragama Islam dan cukup syarat. Ia hanya diwajibkan sekali seumur hidup. Seorang Muslim yang sudah ada padanya syarat-syarat yang membolehkannya menunaikan Haji seperti cukup perbelanjaan dan yang paling penting ialah ia berkemampuan untuk menunaikannya, maka hendaklah menyegerakan ke Tanah Suci bagi menunaikan fardu Haji tanpa dilengahkan lagi kerana panggilan Haji itu sudah ada pada dirinya. Menangguhkan untuk mengerjakan Haji bagi mereka yang berkemampuan adalah sangat berbahaya kerana ditakuti tidak berkemampuan pula di masa akan datang seperti mungkin dihidapi penyakit atau mungkin bertambah uzur lagi atau mungkin juga ada-ada saja hajat yang lain yang mesti dipenuhi dulu dan sebagainya. Semua ini adalah kerana di luar jangkaan manusia untuk mengetahui segala halangan yang mungkin timbul dalam tempoh menunggu masa yang diingini untuk menunaikan Haji. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

*"Barang siapa yang bermaksud untuk menunaikan Haji, hendaklah disegerakan, sebab sesungguhnya terkadang-kadangkang yang sakit bertambah tenat terkadang-kadangkang pula kenderaan pula hilang dan terkadang-kadangkang pula hajat lain yang datang."* (Ahmad Baihaqi dan Ibnu Majah).

Hadis di atas telah membuktikan bahawa manusia itu hanya merancang dan Tuhan dua yang menentukan. Itulah kadang-kadang yang diharapkan tidak tercabul dan yang cuba dihindar pula yang datang. Jadinya adalah menjadi wajib bagi mereka yang sudah berkemampuan untuk menunaikan Haji, hendaklah disegerakan. Ini adalah kerana ditakuti tidak sempat untuk menunaikan Haji semasa hayatnya sedangkan ia mempunyai kemampuan. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

# ANTARA AGAMA DAN ADAT

Oleh : Cenderawasih

### Siri Pertama

*"Barang siapa yang sudah memiliki bekalan (perbelanjaan) dan kenderaan yang boleh menyampaikannya ke Baitullah, sedangkan ia tidak menunaikan Haji, maka tidak ada lain lagi baginya, sekranya ia dikehendaki ia mati sebagai Yahudi atau Nasrani."* (At-Termizi daripada Ali).

Dalam hadis ini jelas sekali gambaran dan kenyataan dari baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengenai kefarduan atau kewajipan menunaikan Haji yang sangat dituntut bagi yang berkemampuan dan cukup syarat-syaratnya.

Kadangkala terdapat juga sesetengah orang Brunei suka melengah-lengahkan untuk menunaikan fardu Haji, sedang ia berkemampuan untuk menunaikan Haji'. Kadangkala-kadangkala ada juga orang yang cukup perbelanjaan tetapi perbelanjaan itu lebih ditumpukan kepada perkara-perkara lain yang boleh dikatakan kurang penting dan bukan keperluan asasi. Dan ini adalah bertentangan dengan kehendak Islam.

Sebaliknya pula yang menakutkan ialah ada orang tidak mampu atau kurang berkemampuan dari segi perbelanjaan atau dengan kata lain tidak memenuhi syarat-syarat secukupnya untuk menunaikan Haji, tetapi mereka ini sanggup untuk menjual harta benda, tanah dan sebagainya untuk menunaikan Haji. Ini menunjukkan betapa Haji itu adalah salah satu keutamaan untuk mendapatkan keredaan Allah. Lebih-lebih lagi ia adalah sesuatu yang dituntut dalam agama Islam untuk mendapat kesempurnaan dalam hidup seorang Islam. Bukan saja untuk mendapat kesempurnaan sebagai seorang Islam tetapi juga untuk mendapatkan kelebihan-kelebihan yang diberikan kepada mereka yang mengerjakan Haji. Seperti balasan pahala yang berlipat ganda, mendapat keampunan Allah seperti ia baru dilahirkan, doa dimakbulkan, dekat dengan Allah dan sebagainya. Malah ada yang berhasrat untuk mati di Mekah. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

*"Wahai manusia, Tuhan telah mewajibkan atas kamu haji, maka kerjakanlah, barang siapa yang melakukan haji dengan tiada memurturkan kata-kata keji, cemar dan tidak berlaku curang, maka keluarlah ia dari dosanya seperti ia dilahirkan."*

Ada juga yang sanggup untuk menunaikan Haji dengan menjualkan semua harta bendanya sehingga memberi kesusahan dan kemiskinan kepada dirinya apabila kembali saja dari menunaikan Haji atau kesusahan kepada anak isteri sendiri. Tindakan ini bukanlah cara yang baik walaupun kita sangat berhasrat untuk menunaikan Haji itu. Dalam konteks ini menunjukkan bahawa ia belum lagi berkemampuan untuk menunaikan Haji dan kewajipan Haji kepadanya adalah belum dituntut.

Lazimnya sebelum menunaikan Haji, orang-orang kita di Brunei akan berhadapan dengan beberapa persiapan. Salah satu syarat dan rukun ibadat Haji yang paling penting ialah dise-

butkan sebagai 'berkuasa' iaitu berkuasa dari segi lahir dan batin serta perbelanjaan yang mencukupi. Diteruskan juga dengan niat di dalam hati yang ikhlas untuk menunaikan Haji. Terdapat segelintir orang-orang kita yang menganggap atau berfahaman bahawa menunaikan Haji itu adalah untuk mendapatkan gelaran Haji. Fahaman ini adalah jauh ke luar dari lunas-lunas Islam dan bersifat keduniaan. Sedangkan menunaikan Haji bukan bertujuan duniawi, dan bukan untuk tujuan perniagaan kerana berbelanja untuk mendapatkan gelaran 'Haji'. Tetapi ia adalah tuntutan ke atas kita seperti mana kita menunaikan ibadah-ibadah wajib yang lain. Cuba kita contohi Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah sempurna mengerjakan Haji tetapi tidak pula kita menggelarkannya 'Haji Muhammad'. Ini kerana ibadat Haji itu bukanlah sesuatu yang ditunjuk-tunjuk, tetapi adalah dengan niat yang ikhlas dan Haji yang mabrur itu adalah urusan Allah Subhanahu Wata'ala.

Saya terbaca akan pendapat seorang sarjana yang bukan beragama Islam, Gullick yang mengatakan bahawa Haji itu dilakukan untuk dua tujuan mengikut kelas seorang Haji itu; bagi penduduk kampung ia adalah sebagai peluang untuk memperolehi taraf kedudukan dengan mendapat gelaran 'Haji' diletakkan dengan panggilan 'Tuan' sebelum namanya; untuk golongan yang kaya ibadah Haji menimbulkan peluang keluar dari masyarakat yang memalukan dirinya'. Dan yang lebih ekstrem ialah pendapat Swettenham yang mengatakan bahawa ibadat Haji itu ialah untuk menebus dosa-dosa di dunia seperti merosakkan kehormatan dan maruahnya akan seimbang semula setelah menunaikan Haji.

Pendapat di atas ini agak terpesong dan lebih bersifat keduniaan dan materialistik. Mungkin juga dengan menunaikan Haji, seseorang itu boleh menaikkan taraf kedudukannya dalam masyarakat yang dapat membezakannya dengan masyarakat lain. Bagi saya, sehinggalah ada sesetengah orang-orang Islam di Brunei juga berpendapat sedemikian iaitu orang yang sudah bergelar 'Haji' itu akan menggelarkan dirinya 'hamba' dan bukan lagi 'saya' atau 'aku' dan sebagainya. Tetapi pendapat saya, panggilan seperti ini hanyalah sebagai unsur kesopanan dalam masyarakat Brunei dan unsur menghormati orang yang bergelar Haji saja kerana dalam Islam itu tiada perbezaan antara kita melainkan ketaqwaannya kepada Allah kerana jika kita menganggap Haji itu sebagai cara untuk menaikkan taraf, mungkin orang yang menunaikan Haji sebanyak sepuluh kali juga. Inilah yang dimaksudkan dengan keduniaan dan tidak ada dalam Islam. Sedangkan Nabi kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang sudah menunaikan Haji tetapi tidak ada gelaran 'Haji' pada diri Baginda.

### ADAT

Setelah meneliti mengenai dengan Haji, bagaimana pula yang dimaksudkan dengan adat itu? Terdapat bermacam-macam pendapat mengenai dengan takrif adat. Perkataan adat itu diambil daripada bahasa Arab 'adah'. Menurut istilahnya bermaksud 'kebiasaan'. Pendapat Dr. Haji Hashim dengan ringkas mengatakan bahawa adat itu adalah suatu peraturan atau undang-undang yang tidak bertulis tetapi hanya dihafal dan ia diamalkan oleh sekelompok masyarakat tertentu. Beliau juga menyatakan bahawa yang bertanggungjawab dalam memelihara adat itu ialah ketua adat seperti ketua kampung, penghulu, yang diamanahkan secara rasmi sebagai pemegang ketua adat. Oleh kerana ia tidak bertulis, jadinya orang Brunei kita tidak melihat ia sebagai sesuatu yang konsisten atau rujukan utama dalam kehidupan. Manakala P. M. Yusof dalam bukunya Intisari Kebudayaan Brunei berpendapat bahawa adat itu adalah suatu bentuk peraturan yang disukai, disenangi, diamalkan, dihormati dan dipercayai yang merupakan kebiasaan bagi suatu masyarakat akan kekal diikuti dan dihormati dan terjadilah suatu peraturan yang diikuti ramai.

Orang-orang Barat banyak mentakrifkan mengenai dengan adat. Antaranya ialah Dr. R. Van Dijk yang berpendapat bahawa adat itu ialah semua kesesuaian dan kebiasaan manusia di semua lapangan hidup dan semua peraturan yang berkaitan dengan tingkah laku. A.J.N Richards berpendapat 'adat can mean law, fashion, or personal and social behaviour'. Manakala seorang sarjana Indonesia, Surojo berpendapat bahawa adat adalah merupakan pencermin daripada keperibadian sesuatu bangsa, merupakan salah satu penjelmaan, daripada jiwa yang bersangkutan dari abad ke abad. Pendapat Kusumadi tentang adat pula ialah mungkin sesuatu tingkah laku yang pada mulanya diikuti hanya kerana kebiasaan belaka, tetapi lama kelamaan menimbulkan perasaan pada masyarakat yang mengikuti tingkah laku tersebut dan kemudiannya menjadi adat'.

Dari kenyataan di atas saya berpendapat bahawa adat itu merupakan undang-undang yang dibuat oleh manusia atau sesebuah masyarakat sama ada kecil mahupun besar, sama ada ia asli ataupun yang diambil dari mana-mana tempat dan dipraktikkan oleh sekelompok masyarakat itu. Ia juga merupakan undang-undang yang tidak tetap bahkan ia bersifat dinamik dan boleh diubahsuai mengikut perkembangan semasa, persetujuan dan kehendak ramai selagi ia memberi kebaikan kepada masyarakat itu. Adat juga banyak dipengaruhi oleh kepercayaan, fahaman, corak kehidupan dan agama.

Orang-orang Brunei menghormati dan berpegang kepada adat selagi ia tidak bercanggah dengan undang-undang agama yang mereka anuti, agama Islam. Ada pepatah mengatakan 'Biar mati anak, jangan mati adat'. Pandangan saya, di sini menunjukkan betapa agungnya adat itu sehingga menyatakan yang adat itu lebih penting daripada anak. Ini juga bermaksud bahawa hukuman itu mesti dijalanakan mengikut adat yang telah diwarisi turun-temurun jika sekiranya seseorang itu didapati bersalah walaupun ia adalah anak sendiri. Hukuman itu mestilah sejajar dengan hukuman yang telah termaktub dalam adat. Ada juga pepatah mengatakan bahawa adat itu 'Usang-usang diperbaharu, lapuk-lapuk dikajang'. Saya berpendapat bahawa adat itu bersifat dinamik dan berkembang, bukannya bersifat statik atau beku. Adat itu sebenarnya akan mengalami proses perubahan dan adat yang dinamik itu adalah masyarakat yang dinamik. Tetapi adat itu akan tetap berlarutan selagi ia masih diamalkan oleh orang ramai dalam sesebuah masyarakat dan akan berubah mengikut keadaan.

**LAZIMNYA** sebelum menunaikan Haji, orang-orang kita di Brunei akan berhadapan dengan beberapa persiapan. Salah satu syarat dan rukun ibadat Haji yang paling penting ialah disebutkan sebagai 'berkuasa' iaitu berkuasa dari segi lahir dan batin serta perbelanjaan yang mencukupi. Diteruskan juga dengan niat di dalam hati yang ikhlas untuk menunaikan Haji. Terdapat segelintir orang-orang kita yang menganggap atau berfahaman bahawa menunaikan Haji itu adalah untuk mendapatkan gelaran Haji.

Bersambung


**M**ARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Dalam kita menjalani kehidupan di dunia ini kita seharusnya berlumba-lumba untuk mendapatkan keampunan dan pahala yang banyak dari Allah Subhanahu Wata'ala sebagai bekalan di akhirat nanti. Walau bagaimanapun sebagai hamba Allah kita tidak terlepas daripada melakukan kesalahan dan dosa, sama ada kecil atau besar, sengaja atau pun tidak. Ini kerana sifat semula jadi manusia yang lemah dan mudah tunduk kepada keinginan hawa nafsunya. Tetapi itu bukanlah alasan bagi membolehkan berbuat dosa, kerana orang yang beriman setentunya taat kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan tidak akan mudah kalah oleh hawa nafsu, sebaliknya berusaha menghindarkan diri dari melakukan dosa dan maksiat. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ali 'Imran, ayat 133, tafsirnya:

*"Dan segeralah kamu kepada mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu dan mendapat syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa."*

Sebenarnya perkara dosa dan maksiat ini tidak boleh dipandang ringan, kerana setiap perbuatan yang kita lakukan pasti akan mendapat balasan daripada Allah Subhanahu Wata'ala sama ada di dunia atau di akhirat. Dan ingatlah bahawa balasan dan kesan daripada dosa itu boleh saja Allah Subhanahu Wata'ala timpakan bila-bila masa dan tanpa kita sedari.

Adapun di antara kesan-kesan akibat dari perilaku dosa dan maksiat itu ialah, pertama: Menggelapkan hati, kerana kegelapan dan kekerasan hati



membuat manusia itu semakin jauh dari kebenaran dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu hati perlu dijaga dan digilap selalu dengan zikir dan melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala serta menjauhi larangan-Nya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

*"Dari Abi Hurairah Radiallahuanha, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya se-*

# SENTIASA MUHASABAH DIRI, BERTAUBAT DAN BERDOA

**APA yang penting ialah kita hendaklah sentiasa muhasabah diri, bertaubat, berdoa dan seterusnya berazam untuk kembali ke jalan yang benar dan lurus serta diredai Allah Subhanahu Wata'ala.**

*diharamkan rezeki baginya disebabkan dosa yang diperbuatnya."*

Adapun kesan yang ketiga pula ialah hawa nafsu akan menguasai diri. Bila hawa nafsu telah menguasai diri manusia, sudah setentunya mereka tidak akan dapat menilai tentang kebaikan dan keburukan sesuatu perkara. Mereka juga akan terus hanyut dibuai keseronokan yang akhirnya membawa padah yang buruk dan mendapat kemurkaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Jaatsiyah, ayat 23 tafsirnya:

*"Dengan yang demikian, bagaimana fikiranmu wahai Muhammad terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya: Tuhan yang dipatuhinya, dan ia pula disesatkan oleh Allah kerana dikesatannya (bahawa ia tetap kufur ingkar), dan dimerikan pula atas pendengarannya dan hatinya,*

*serta diadakan lapisan penutup atas penglihatannya? Maka siapakah lagi yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadanya sesudah Allah menjadikan dia berkeadaan demikian? Oleh itu, mengapa kamu wahai orang-orang yang ingkar tidak mahu beringat dan insaf?*

Kesan yang keempat pula ialah mendapat azab dari Allah Subhanahu Wata'ala. Setiap pelaku dosa atau maksiat perlu menyedari bahawa dosa dan maksiat yang dilakukan akan mendapat kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Asy Syuura, ayat 30 tafsirnya:

*"Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan atau bala bencana, maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa dan dalam pada itu Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu."*

Dari kesan-kesan dosa dan maksiat yang dijelaskan tadi, apakah tidak timbul kesedaran di dalam diri kita untuk menginsafi segala perbuatan dosa dan maksiat yang telah kita lakukan. Apa yang penting ialah kita hendaklah sentiasa muhasabah diri, bertaubat, berdoa dan seterusnya berazam untuk kembali ke jalan yang benar dan lurus serta diredai Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga dengan demikian Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang akan sentiasa melimpahkan rahmat dan belas kasihan-Nya kepada kita semua, sehingga dengannya kita dapat hidup aman bahagia di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal'alam.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An Nuur, ayat 31 tafsirnya: *"Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman supaya kamu berjaya."*

*orang mukmin jika ia melakukan satu dosa, maka akan tumbuh pada hatinya setitik hitam, sekiranya dia bertaubat akan terkikislah titik hitam itu daripada hatinya. Jika dia tidak bertaubat, maka titik hitam itu akan terus merebak hingga seluruh hatinya menjadi hitam."* (Riwayat Imam Ibnu Majah).

Kesan yang kedua pula ialah terhalang dari men-

peroleh rezeki. Perkara ini telah disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, maksudnya:

*"Dari Sayuba ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Tiada yang dapat menambah umur kecuali amal kebajikan. Dan tiada suatu yang dapat menolak takdir kecuali doa. Dan sesungguhnya seorang itu*

**SEBENARNYA perkara dosa dan maksiat ini tidak boleh dipandang ringan, kerana setiap perbuatan yang kita lakukan pasti akan mendapat balasan daripada Allah Subhanahu Wata'ala sama ada di dunia atau di akhirat. Dan ingatlah bahawa balasan dan kesan daripada dosa itu boleh saja Allah Subhanahu Wata'ala timpakan bila-bila masa dan tanpa kita sedari.**

## وقت سمبهيغ، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمبهيغ، امساک، شوروق دان ضحی باکي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 8 ذوالقعدة، 1427 برسامان دغن 29 نويمبر، 2006 هيگگ کهاري ثلاث، 14 ذوالقعدة، 1427 برسامان دغن 5 دسيمبر، 2006 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
ذوالقعدة									
8	12.10	3.32	6.05	7.19	4.40	4.50	6.12	6.37	نويمبر 29
9	12.10	3.32	6.05	7.19	4.41	4.51	6.12	6.37	30
10	12.11	3.32	6.05	7.19	4.41	4.51	6.13	6.37	دسيمبر 1
11	12.11	3.33	6.06	7.20	4.41	4.51	6.13	6.38	2
12	12.11	3.33	6.06	7.20	4.42	4.52	6.13	6.38	3
13	12.12	3.34	6.06	7.21	4.42	4.52	6.14	6.39	4
14	12.12	3.34	6.07	7.21	4.42	4.52	6.14	6.39	5

وقت ۲ سمبهيغ باکي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيغ فرض جمعة دسلوروه نگارا بروني دارالسلام دمولاوي دري فوکل 12.45 تغهاري.

# HUKUM IBADAT KANAK-KANAK

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

## ZAKAT KANAK-KANAK

**M**ENURUT ulama Mazhab Syafi'e bahawa kanak-kanak yang mempunyai harta yang telah mencapai nisab dan cukup haul, yakni genap satu tahun hijrah adalah wajib dikeluarkan zakat daripada hartanya itu.

Dalil-dalil syarak yang menyokong ketetapan hukum wajib zakat pada harta kanak-kanak, antaranya:

1) Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang tafsirnya:

"Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat." (Surah Al-Baqarah: 43).

2) Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam ayat yang lain pula yang tafsirnya:

"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah, supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari ahlak yang buruk)." (Surah At-Taubah: 103).

Daripada kedua-dua ayat di atas, kewajiban zakat itu difardukan dalam konteks yang umum tanpa membezakan antara kanak-kanak dan orang dewasa atau yang sudah baligh. Maka mukalaf bukanlah syarat wajib bagi mengeluarkan zakat.

3) Hadis yang diriwayatkan daripada Yusuf bin Mahak, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Usahkanlah harta anak yatim atau harta-harta anak-anak yatim supaya tidak lenyap atau habis oleh sedekah." (Hadis riwayat Asy-Syafie dan Al-Baihaqi).

Menurut Imam Syafi'e Rahimahullah dan Imam Al-Baihaqi bahawa sanad hadis di atas adalah sahih daripada riwayat Yusuf bin Mahak daripada Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam walaupun secara mursal. Imam Syafi'e Rahimahullah mendokong hadis berkenaan dengan umum hadis-hadis sahih yang lain yang mewajibkan zakat secara mutlak. Di samping itu, ianya juga disokong oleh pendapat yang diriwayatkan daripada para sahabat bahawa mereka mewajibkan zakat ke atas harta anak-anak yatim.

Oleh itu, wajib dikeluarkan zakat pada harta kanak-kanak bila sudah cukup nisab dan haul. Para ulama juga bersepakat bahawa orang yang berkewajiban mengeluarkan zakat daripada harta kanak-kanak yang sudah cukup nisab dan haul ialah wali, iaitu penjaga harta kanak-kanak tersebut.

Apabila harta kanak-kanak tersebut sudah mencapai nisab dan haul, namun wali tidak mengeluarkan zakat

daripada harta berkenaan, maka wajib ke atas kanak-kanak itu mengeluarkan sendiri zakat harta mereka yang tertunggak itu apabila sudah baligh, kerana hak zakat itu masih wujud dalam hartanya. Sementara wali yang tidak mengeluarkan zakat daripada harta tersebut adalah berdosa kerana menahan kewajipan zakat.

Dalam pelaksanaan zakat fitrah pula, jika kanak-kanak tersebut kaya (mempunyai hartanya sendiri), maka wajib dibayar dengan harta kanak-kanak itu. Namun jika kanak-kanak tersebut tiada mempunyai harta, maka kewajiban membayar zakat fitrah bagi kanak-kanak itu adalah ke atas orang yang membelanjanya atau menanggung nafkahnya samada bapa atau penjaganya dan bagi anak zina (yang lahir dari hubungan zina) ke atas ibunya atau penjaganya, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar Radiallahuanhu, Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Bayarkanlah zakat fitrah orang-orang yang kamu belanji." (Hadis riwayat Al-Dar Al-Quthni dan Al-Baihaqi).

Walau bagaimanapun jika bapa atau penjaga kanak-kanak itu mengeluarkan zakat fitrah dari hartanya sendiri (bukan dari harta kanak-kanak itu) adalah dibolehkan kerana kanak-kanak itu jelas berada di bawah tanggungannya.

## PUASA KANAK-KANAK

Adapun kanak-kanak yang sudah mumaiyiz, tidak diwajibkan ke atasnya puasa di bulan Ramadan dan tidak perlu bagi kanak-kanak tersebut untuk mengqada puasa apabila sudah baligh, kerana kanak-kanak belum dikenakan apa-apa tuntutan kewajiban agama ke atasnya.

Tidak sah puasa kanak-kanak yang belum mumaiyiz, kerana syarat berakal dan mumaiyiz merupakan di antara syarat-syarat sah puasa. Oleh itu apabila kanak-kanak yang telah mumaiyiz berpuasa maka sah puasanya, namun puasa belum diwajibkan ke atasnya.

Walau bagaimanapun menjadi kewajipan kepada wali (ibu bapa atau penjaga) untuk menyuruh kanak-kanak yang sudah mumaiyiz atau yang mencapai umur tujuh tahun dan sihat tubuh badan untuk mengerjakan ibadat puasa di bulan Ramadan seba-

gai satu latihan awal. Bila sudah mencapai umur sepuluh tahun dan mereka enggan berpuasa, maka boleh dipukul dengan pukulan yang tidak memudaratkan dan ini diqiyaskan kepada perintah Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam perkara sembahyang lima waktu.

## HAJI KANAK-KANAK

Ibadat haji merupakan salah satu daripada perkara yang dituntut oleh agama kepada setiap orang Islam yang memenuhi syarat-syarat wajib haji. Namun ianya tidak diwajibkan ke atas kanak-kanak kerana mereka tidak dituntut untuk mengerjakannya.

Walau bagaimanapun, kanak-kanak yang mumaiyiz tetapi belum baligh, jika dia mengerjakan ibadat haji, hajinya adalah sah dan dikira sebagai haji sunat berdasarkan sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas Radiallahuanhu yang maksudnya:

"Apabila kanak-kanak itu mengerjakan haji, maka baginya (dia mendapat) haji itu sehingga dia berakal dan apabila dia telah berakal maka ke atasnya (wajib) haji yang lain." (Hadis riwayat Al-Hakim).

Kanak-kanak yang belum mumaiyiz hendaklah diniatkan hajinya oleh wali (sama ada bapa atau datuk atau penjaganya) dengan niat menjadikannya dalam ihram dengan berkata: "Aku berihram bagi si Polan" sekalipun wali belum berihram atau belum pernah melakukan haji.

Bagi kanak-kanak mumaiyiz, maka adanya pilihan sama ada wali yang akan meniatkan hajinya atau wali mengizinkan-nya (kanak-kanak yang mumaiyiz itu) untuk melakukan sendiri. Manakala kanak-kanak yang sudah baligh pula, ihram dan niat haji perlu dilakukan sendiri walaupun tanpa izin wali.

Apabila wali sudah melakukan niat haji untuk kanak-kanak tersebut, maka hendaklah wali membawanya pada segenap perbuatan-perbuatan haji bersamanya iaitu dengan melakukan yang wajib pada perkara-perkara wajib haji dan yang sunat pada perkara-perkara sunat haji.

Menurut Imam Al-Khatib Asy-Syarbini bahawa tiada memadai perbuatan wali hanya dengan meniatkan haji bagi kanak-kanak tersebut tetapi menjadi kemestian pada wali untuk menemankannya (dalam



## IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti  
E-mail : mufti@brunet.bn  
Fatwa@brunet.bn

### Bilangan 235 Bahagian Akhir

melaksanakan ibadat haji). Apabila wali menyediakan tunggangan untuk kanak-kanak tersebut pada ketika tawaf dan sa'i'e, hendaklah wali menjadi pemandu tunggangan itu. Jika wali tidak melakukan sedemikian, tiadalah sah tawaf kanak-kanak itu.

Begitu juga jika kanak-kanak itu tidak boleh melakukan lontaran jamrah, maka wali akan melakukannya sebagai wakil seperti melontar jamrah Al-'Aqabah. Jika kanak-kanak itu tidak berdaya adalah sunat (mustahab) wali itu meletakkan batu pada tangan kanak-kanak tersebut dan melontar bersamanya, iaitu setelah si wali melontar jamrah tersebut bagi dirinya sendiri.

Jika kanak-kanak tersebut mengabaikan apa-apa perkara dari perbuatan haji, maka wajib dibayar dam dari harta wali. Begitu juga wajib ke atas wali untuk menegah kanak-kanak tersebut daripada melakukan perkara-perkara yang merosakkan ihram atau haji. Jika kanak-kanak mumaiyiz melakukan perkara-perkara yang merosakkan ihram atau haji, maka kewajiban membayar fidyah daripada harta wali. Dan jika kanak-kanak yang melakukan itu belum mumaiyiz, tiadalah dikenakan fidyah atas perbuatan yang dilakukannya.

Kesimpulannya, kanak-kanak tersebut hendaklah dibawa hadir pada setiap tempat yang dilakukan dalam ibadat haji seperti dibawa kanak-kanak itu melakukan tawaf dan sa'i'e dan sebagainya, setelah wali itu melakukan tawaf dan sa'i'e dan yang selanjutnya daripada perbuatan-perbuatan haji bagi dirinya sendiri.

## PENUTUP

Adalah menjadi kewajiban kepada ibu bapa, wali dan para pendidik untuk mendidik dan mentarbiah kanak-kanak tentang pengetahuan agama sejak dari peringkat awal, bahkan menyediakan suasana rumah tangga yang dapat membentuk peribadi Muslim. Mendedahkan maklumat agama yang asas di peringkat awal, mudah-mudahan akan membentuk mereka dengan pembentukan atau pertumbuhan yang baik selaras dengan tuntutan agama.

WALLAHU'ALAM

منوجوكر رمضان الله  
**Menuju Keredaan Allah**  
كلوان قوسه دعوه اسلاميه

# Kewajipan membayar hutang

bahu orang yang berhutang. Kewajipan membayar hutang itu tidak akan terlepas sekalipun dengan melaksanakan ibadat-ibadat yang besar pahalanya. Oleh sebab itu Islam mengenakan syarat-syarat tertentu terhadap hutang-piutang sehingga orang yang berhutang tidak boleh lari daripada membayarnya.

Adapun orang-orang yang berhutang tetapi enggan membayarnya sedangkan mereka mampu untuk membayarnya adalah termasuk mereka yang memakan harta milik orang lain. Sesungguhnya mereka itu telah melakukan kebatilan di dalam agama dan melakukan dosa yang nyata sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 188 yang tafsirnya: "Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi

rasuah) kepada hakim-hakim, kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)."

Umat Islam juga dinasihatkan agar menghindarkan diri daripada berhutang kecuali bila perlu. Jika terpaksa berhutang hendaklah ia berazam dan berniat untuk membayar hutang tersebut. Ini dijelaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya: "Sesiapa yang mengambil harta orang lain (berhutang) dan berniat akan membayarnya, maka Allah akan menuaikan niatnya itu. Tetapi sesiapa mengambilnya dengan niat akan membinasakannya (dengan tidak membayar), maka Allah akan membinasakannya."

Ketika masih hidup hutang perlu dije-

laskan kerana jika orang yang berhutang itu meninggal dunia dan tidak sempat melunaskan hutangnya, maka hendaklah dibayar daripada harta pusaka yang ditinggalkannya sebelum dibahagi-bahagikan kepada waris-warisnya.

Berhutang juga mempunyai hubungan dengan roh. Roh seseorang akan tergantung selagi hutangnya belum dibayar. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Majah dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Roh seorang mukmin yang meninggal itu akan tergantung kerana hutangnya, sehinggalah hutang tersebut dibayar."

Al-Imam An-Nasa'ie meriwayatkan dari Muhammad bin Jahsy bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya: "Demi Tuhan yang diriku di tangan-Nya, jika seorang lelaki itu terbunuh di jalan Allah, kemudian dia dihidupkan semula, kemudian dia terbunuh lagi, kemudian dia dihidupkan lagi, kemudian dia terbunuh lagi dalam keadaan dia menanggung hutang, ia tetap tidak akan dapat masuk syurga selagi hutangnya belum dibayar."

**H**UTANG perlu dijelaskan dengan segera. Sesiapa yang tidak menghiraukan hutangnya sehingga menyebabkan hutang tersebut tertangguh terlalu lama dengan memberikan berbagai-bagai alasan akan menyebabkan kesusahan kepada orang yang memberi hutang. Bahkan dalam aspek lain, hubungan kedua-dua belah pihak akan renggang dan tidak mesra. Penangguhan untuk membayar bukan tidak mampu tetapi sengaja dilengah-lengahkan merupakan suatu kezaliman. Dalam sebuah hadis diriwayatkan oleh Al-Imam Bukhari dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya: "Orang kaya yang sengaja melengah-lengahkan pembayaran hutang adalah suatu kezaliman."

Tanggungjawab membayar hutang jelas terpikul di

**MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...**

# Hindari gejala dadah keluarga selamat

**P**ENYALAHGUNAAN dadah sememangnya suatu perkara yang membimbangkan kerana pada masa ini banyak remaja dan belia terjerumus dengan najis dadah. Sekali mereka sudah terjerumus amat sukar untuk berhenti daripadanya. Ini adalah kerana dadah menyebabkan seseorang berasa tertagih.

Apabila sudah ketagih, lazimnya penagih dadah akan berasa terdesak untuk mendapatkannya semula dengan apa sahaja cara sekali pun. Mereka tidak tahan menanggung seksa tertagih. Inilah yang menyebabkan penagih sukar untuk berhenti dari menagih dadah.

Walau bagaimanapun keazaman yang kuat dan daya tahan yang tinggi serta semangat keinsafan dengan dorongan dan sokongan ahli keluarga dapat membantu mereka kembali ke pangkal jalan.

Penyalahgunaan dadah ini memberi kesan buruk bukan sahaja kepada individu itu sendiri tetapi juga kepada keluarga, masyarakat, bangsa dan negara. Para belia merupakan aset penting di dalam sebuah negara. Para belia merupakan pemangkin semangat ke arah masa depan pembangunan negara. Belia hari ini berdepan dengan cabaran-cabaran yang memerlukan perlindungan diri yang berkualiti.

Ia tidak memberi sebarang kebaikan malah mendatangkan kerugian dari segi kewangan, keruntuhan moral dan akhlak dan sebagainya. Ia juga membuatkan seseorang terdorong untuk melakukan kegiatan yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala seperti mencuri, membunuh

dan sebagainya.

Kawan banyak memberi pengaruh kepada perkembangan perilaku anak-anak yang sedang meningkat remaja. Lazimnya mereka akan mudah terpengaruh dengan hasutan kawan yang membawa kepada kemusnahan, malah mereka tidak mendengar nasihat kedua-dua ibu bapa, ponteng sekolah dan bermacam lagi yang mereka lakukan yang boleh mendatangkan keburukan ke atas mereka.

Pencegahan awal bagi membolehkan seseorang individu itu tidak terjerumus dengan dadah ialah peranan pihak ibu bapa melalui proses sosialisasi dalam mendidik dan mengasuh anak-anak mereka dengan berlandaskan ajaran agama Islam. Dengan adanya ajaran dan didikan yang sempurna secara informal ini akan mengelakkan mereka dari terjerumus kepada penyalahgunaan dadah.

Didik anak-anak kita dengan didikan yang betul, sentiasa bersama mereka, terangkan setiap perkara dengan tenang dan berdiplomasi. Oleh itu ibu bapa sebagai orang yang paling rapat dengan anak-anak perlu tahu bagaimana untuk menjawab persoalan dan keingintahuan mereka.

Di sekolah-sekolah, pihak guru akan menjadi peranan penting dalam memberi ajaran dan tunjuk ajar kepada penuntut agar mereka tidak terjerumus dengan penyalahgunaan dadah supaya mereka memahami tentang bahaya dadah, sesuai dengan pemikiran mereka yang lebih matang dan bolehlah diberi pendidikan melalui mata pelajaran umpamanya dalam mata pelajaran sivik.

Dengan ini bukan saja mendorong mereka mengikut malah secara tidak langsung akan mempelajari dan memahami tentang penyalahgunaan dadah.

Pihak kerajaan terutama Biro Kawalan Narkotik, pihak polis dan pihak kastam akan mengawasi dan memerhati bagi memeriksa dengan teliti melalui kawasan darat dan laut. Pihak penghulu dan ketua kampung mesti berhati-hati bagi keamanan sebuah kampung terutama mengawasi rumah-rumah yang kosong. Ini adalah disebabkan rumah-rumah tersebut selalu menjadi sarang gejala dadah.

Adanya kerjasama pihak ketua kampung dan pen-

duduk kampung akan membolehkan mereka membanteras gejala dadah di kawasan mereka. Jika terdapat sesuatu perkara yang mencurigakan, bersama-sama berbanding bahu untuk menyiasatnya dan melaporkan kepada pihak yang berkuasa, kalau ada orang yang menagih dadah.

Dengan adanya langkah ini, pihak berkuasa dapat bertindak memasukkan penagih dadah ke pusat pemulihan, lagi awal dirawat lagi besar harapan mereka untuk pulih dan kembali ke pangkal jalan.

Selain itu, akibat dari penyalahgunaan dadah atau pengedar dadah boleh dikenakan hukuman berat se-

perti hukum gantung sampai mati. Sayangi diri kita, keluarga kita dan masyarakat sekeliling kita.

Menyedari hakikat masalah dadah yang begitu rumit dan kompleks, kerjasama orang ramai dan pihak kerajaan adalah sangat-sangat diharapkan bagi mengatasi bahaya yang dihadapi semoga kita mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

**Noryati binti Juni, No. 62 G, Kampong Sumbinglor Lama, Jalan Istana Lama, Bandar Seri Begawan, BN 1111. No. k/p: 00-062559.**

## Jauhi dadah hidup selamat

**P**ENGGUNAAN dadah ketika ini sudah berleluasa yang kebanyakannya terdiri daripada para remaja kalangan penuntut. Dadah yang pada masa ini terkenal ialah syabu. Para remaja menggunakan dadah ini mungkin bagi mereka inilah penyelesaian bagi masalah mereka tapi kenyataan ini adalah tidak benar. Semestinya tahu apa akibatnya kehidupan mereka.

Penggunaan dadah ini memang sudah menyalahi undang-undang di negara ini. Penggunaan dadah ini boleh melibatkan seseorang itu tidak sedar diri dan boleh berbuat apa sahaja yang disukai, sekali gus seseorang itu boleh terjerumus dalam perkara jenayah misalnya membunuh. Oleh itu para individu hendaklah menjauhinya supaya hidup akan selamat.

Selain para penuntut ada juga kalangan orang yang

sudah berkeluarga menggunakan dadah ini dan akibatnya tanggungjawabnya terhadap anak isteri akan diabaikan kerana leka dengan dadahnya itu. Perbelanjaan yang sepatutnya untuk menanggung perbelanjaan keluarga mungkin dihabiskan membeli dadah dan ini membawa kepada pembaziran wang ke jalan yang salah. Hendaklah seseorang itu sedar akan keburukan menggunakan dadah ini yang boleh menghancurkan sendiri dan keluarga.

Jika seseorang itu sudah asyik menghisap dadah ini lama-kelamaan mereka akan rasa ketagihan jika dadah ini

tidak didapati. Kesannya nanti kesihatan seseorang itu akan terjejas dan akhirnya boleh mengakibatkan kematiannya. Seseorang itu mestilah menjauhi dadah agar hidup selamat.

Dadah memang banyak keburukannya terhadap diri sendiri dan juga keluarga. Oleh itu kita mestilah menjauhi diri kita dari penggunaan dadah agar hidup kita selamat dan hidup dalam keadaan harmoni.

**Ramizah binti Haji Razali, No. 350, Kampong Kuala Abang Layong, Tutong, TG 1343. No. k/p: 00-312707**

## T-jawab tangani penyalahgunaan dadah bermula di rumah

**H**AMPIR setiap hari kita membaca dan mendengar berita-berita jenayah yang membabitkan kejahatan yang dilakukan oleh penagih-penagih dadah yang tidak mengenal siapa mangsanya.

Kes anak yang sanggup membunuh ibu kandungnya yang tidak mahu memberikannya wang hinggan ada yang sanggup melakukan pembunuhan yang kejam semata-mata untuk mendapatkan wang atau barang kemas untuk membolehkan mereka membeli dadah. Kes kecurian, pecah masuk rumah, kenderaan, kes ragut, kes penceraihan suami isteri akibat angkara dadah jelas menunjukkan kesan-kesan negatif yang timbul daripada penyalahgunaan dadah.

Apabila seseorang sudah terjebak dengan dadah maka ianya amat sukar untuk disembuhkan sebab itulah apabila seorang penagih sudah terjebak maka ianya akan membuatkan pemikiran mereka menjadi tidak siuman untuk berfikir rasional dan badan mereka juga lemah untuk bertindak.

Oleh sebab itulah, penagih dadah ini biasanya disonimkan dengan perumpa-

maan 'mayat beryawa' atau 'sampah masyarakat' lantaran kelemahan mereka untuk tidak dapat membuat sesuatu yang produktif dalam kehidupan melainkan kemusnahan semata-mata.

Dalam kehidupan sehari-hari banyak kita mendengar suami yang menagih dadah menjadi sebab utama dalam penceraihan perkahwinan kerana mereka tidak menghiraukan lagi tanggungjawabnya sebagai keluarga. Akhirnya keluarga menjadi porak peranda.

Begitu juga pekerja yang menagih dadah gagal menjalankan tugas dan tanggungjawabnya lantaran hilang penumpuan dan fikiran khayal akibat najis dadah dan kesudahannya kehilangan pekerjaan dan hidup melarat hingga sanggup tidur di tepi jalan ibarat hidup tiada malu dan tiada maruah lagi. Maka di sinilah bermulanya mereka berusaha cara lain untuk mendapatkan wang bagi membeli dadah dengan melakukan pelbagai jenayah hingga sanggup melakukan pembunuhan.

Jelas betapa impak dadah kepada kehidupan manusia telah memberikan kesan yang amat buruk hingga me-

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG**

1. 'Memelihara Jati Diri Bangsa Tanggungjawab Bersama'. Tarikh tutup 6 Disember 2006.
2. 'Utamakan Melancong Dalam Negara'. Tarikh tutup 13 Disember 2006.
3. 'Wujudkan Persekitaran Bersih dan Selamat'. Tarikh tutup 20 Disember 2006.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,  
Minda Pembaca,  
Unit Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam,  
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn.  
e-mel: pelita@brunei.bn

**MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Jauhi Dadah Hidup Selamat'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:**

## Jangan jadikan hidup kita gelap dengan dadah

**D**ADAH adalah sejenis bahan kimia yang dicipta untuk mengubat manusia. Namun ada segelintir orang yang menyalahgunakan dadah. Daripada fungsi asal untuk mengubat manusia menjadi suatu bahan untuk merosakkan manusia, dadah sebegini dipanggil sebagai dadah narkotik. Oleh kerana ini kita wajib menjauhi gejala penyalahgunaan dadah kerana dengan menjauhinya kita akan mendapat banyak manfaat.

Dengan menjauhi dadah masa depan kita akan menjadi lebih cerah. Kita lihat saja di luar sana ramai orang yang berjaya kerana mereka menjauhi pengaruh dadah yang sia-sia ini. Ini kerana sesiapa yang menjauhi dadah akan mudah didekati oleh masyarakat. Mudah mendapat pekerjaan serta dipandang tinggi oleh masyarakat. Sementara bagi bekas

penagih dadah selalunya dipandang hina dan negatif oleh masyarakat dan susah mendapat pekerjaan serta digelar sebagai 'sampah masyarakat' atau 'bangkai beryawa'.

Selain cerah masa depan orang yang menjauhi penagih dadah ini juga dapat menikmati hidup yang aman dan damai. Para penagih dadah dan pengedar dadah hidupnya tidak aman kerana gerak-geri mereka sentiasa diperhatikan dan mereka juga dimata-matai oleh pihak berkuasa. Para penagih dan pengedar dadah juga tidak dapat menikmati hidup bahagia bersama dengan keluarga seperti yang dinikmati oleh keluarga lain.

Para pelajar khususnya penuntut dari sekolah menengah juga harus dididik mengenai bahaya dadah. Ini kerana selain tujuannya untuk menjauhi mereka dari dadah pendidikan seperti ini juga

boleh memberi kesedaran kepada mereka akan bahagiannya hidup tanpa dadah. Di kaca televisyen dan corong radio tempatan juga ada menyiarkan iklan-iklan dan promosi-promosi mengenai implikasi dadah kepada masyarakat.

Dengan kata lain langkah seperti ini boleh meningkatkan lagi kesedaran masyarakat mengenai bahaya dadah.

Kesimpulannya, marilah kita semua menjauhi penagih dadah. Ini kerana dadah menjadikan masa depan kita gelap dan menghancurkan kehidupan kita. Ini sesuai dengan cogan kata 'Hidup tanpa dadah menjamin masa depan sempurna'.

**Haji Afiq bin Haji Julah, P. O. Box 702, Seria, KB 1133. No. k/p: 01-033690.**

nimbulkan suasana perpecahan dan membahayakan ketenteraman masyarakat amnya.

Oleh yang demikian, untuk menangani masalah ini dari terus parah maka semua pihak hendaklah mempunyai rasa tanggungjawab untuk membanteras penyalahgunaan najis dadah seperti mengadakan pelbagai taklimat atau bengkel pencegahan atau bahaya dadah kepada masyarakat terutamanya generasi muda bagi membimbing dan mendidik anak-anak remaja kita mengenai betapa bahayanya dadah ini kepada manusia.

Selain itu, suatu perkara yang amat mustahak ialah peranan ibu bapa di rumah dalam mengawal kegiatan anak-anak mereka. Mereka bertanggungjawab dalam mendidik anak-anak dengan pengetahuan yang vital mengenai bahaya penyalahgunaan dadah. Justeru itu, ibu bapa hendaklah bijak dalam mengatur jadual kegiatan anak-anak supaya waktu mereka ini diisi dengan perkara-perkara yang positif, sekali gus dapat menghalang mereka dari terjerumus dengan gejala-gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah.

Insyallah jika perkara ini diambil berat dan dilaksanakan oleh setiap perlindungan di negara kita maka masalah pengedaran najis dadah dapat kita tangani.

Maka adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai rakyat dan penduduk di negara ini supaya bersikap pemeduli dan tidak camah mata untuk membiarkan aset negara kita diracuni oleh najis dadah. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam memastikan anak-anak sentiasa dididik dan diasuh dengan akhlak yang baik. Masyarakat amnya hendaklah memainkan peranan untuk sama-sama menjaga dan memelihara negara daripada bahaya dadah.

Dengan semangat ini, insyaallah negara kita akan terhindar daripada najis dadah dan dapatlah kita dan generasi baru menjalani kehidupan yang sihat serta selamat.

**Norliza binti Haji Akub, No. 43, Simpang 637-84-85, Kampong Perpindahan Lambak Kiri, Berakas, BB 1114. No. k/p: 00-271421.**

# Qari dan qariah JKED wakili Kementerian Kewangan

Oleh : Samle Haji Jait  
samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, Khamis, 2 November.- Peserta qari dan qariah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Awang Haji Ibrahim bin Haji Mohammad dan Dayang Satia binti Haji Tahir masing-masing terpilih mewakili Kementerian Kewangan ke Pertandingan Akhir Tilawatil Qur'an Peringkat Kementerian-kementerian nanti.

Mereka terpilih dalam Pertandingan Tilawatil Qur'an bagi Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di dalamnya yang berlangsung di Dewan Teater, bangunan kementerian berkenaan di Commonwealth Drive, di sini.

Awang Haji Ibrahim yang membaca Surah Ar-Ra'd dari ayat 18 hingga 25 mendapat tempat pertama dengan menewaskan peserta-peserta dari Jabatan Tabung Amanah Pekerja, Pengiran Haji Md. Ali Noor bin Pengiran Haji Ismail; Awang Haji Ibnawalid bin Haji Abd. Kahar peserta dari Agensi Pelaburan Brunei dan Awang Mohammad Ali bin Haji Abd. Kahar peserta tuan rumah.

Sementara itu, Dayang Satia yang membaca Surah At-Taubah pula mengungguli tempat teratas selepas menewaskan wakil dari Jabatan Perbendaharaan, Dayang Hajah Rokiah binti Haji Gafar.

Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang.

Juga hadir di majlis itu ialah Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Ali bin Apong. Dato Paduka Awang Haji Metassan bin Momin; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan.

Terdahulu Pengerusi majlis, Pemangku Jurukira Agung, Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Janudin berkata, membaca dan mendengar bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an mempunyai banyak fadilatnya dan merupakan sebaik-baik bacaan bagi orang mukmin.

"Selain peserta tilawatil akan mendapat hikmat dari pembacaan, para hadirin juga sama-sama mendapat pahala dari mendengarnya dan menghayatinya," katanya. Majlis tersebut diserikan lagi dengan persembahan Tausyeh dari Kumpulan An-Nida.

## SEKILAS INFO

### Pemindahan pelantar

JABATAN Laut memaklumkan kepada pelaut-pelaut bahawa kerja-kerja pemindahan pelantar Jack Up Rig Deep Driller 2 dari Perairan Sarawak ke PGM-4 Brunei akan dijalankan pada 17 November 2006 dan dijangka selesai pada 28 Februari 2007.

Operasi tersebut melibatkan kapal Mv Lewek Swan, Mv Pacific Supporter dan Pegasus 51. Semua kapal adalah dinasihatkan untuk menjauhi sekurang-kurangnya dua batu nautika dari Sarawak Garis Lintang 4°39'48" Utara dan Garis Bujur 113°39'11" Timur ke PGM-4 Garis Lintang 5°14'33.2" Utara dan Garis Bujur 114°46'30.4" Timur.

Pelaut-pelaut juga dinasihatkan agar berhati-hati dan sentiasa mematuhi tanda-tanda lampu dan isyarat amaran.

## REMAJA

# MELANGKAH KE HADAPAN

OLEH : H. A. MANAP

**B**ELIA melangkah ke hadapan, satu harapan dan keinginan besar yang mahu diwujudkan di kalangan generasi belia remaja kita. Bagaimana mahu dilakukan, kalau ini tidak bermula dari kalangan generasi belia remaja kita itu sendiri. Mungkin agak 'ambitious' harapan dan cita-cita tersebut akan tetapi inilah yang mesti kita lakukan sekarang supaya kita mampu mewujudkan generasi yang kompetitif dan tahan lasak. Ada 'catchword' menarik yang mengatakan: 'Berfikir secara global bertindak secara glocal'. Maknanya sekarang adalah era yang penuh dengan persaingan, yang mahu diwujudkan ialah generasi yang bersaing dan mampu mewujudkan pembaharuan dan perubahan besar dalam kehidupan dan mampu melalui anjakan perubahan paradigma.

Salah satu dari pembaharuan dan perubahan yang amat diperlukan ialah bagaimana belia remaja kita mampu melimpasi sempadan tempatan ke arena antarabangsa. Ciri-ciri ini kini menjadi elemen penting dalam mewujudkan kekuatan dan semangat baru dalam perubahan masa kini. Perubahan dan persaingan apa, sehingga kita memerlukan generasi belia remaja melimpasi sempadan. Dalam konteks kehidupan kita ini ada beberapa perkara yang boleh dijadikan sebagai asas untuk berkembang antaranya ialah kemahiran, kesempatan, peluang, tindakan dan ancaman. Berdasarkan kepada beberapa faktor inilah kita perlu kepada mengasuh dan membimbing generasi belia remaja kita supaya mampu mengenali dan sanggup berubah ke arah yang lebih produktif dan dinamik. Model yang akan dilahirkan adalah model yang menjadi kebanggaan masyarakat dan negara.

Dewasa ini kita sudah tidak dapat lari dari iklim perubahan yang memaparkan pelbagai keperluan dan perkembangan yang mempunyai nilai inovasi yang tinggi. Jika kita terlepas peluang maka kita tidak mungkin akan

dapat bersaing sebaris dengan barisan masyarakat antarabangsa yang semakin galak mengharungi arus perubahan zaman. Kita perlu berbangga dalam saat dan ketika kita mengharap hal sedemikian berlaku, kita juga diingatkan supaya tidak mudah melupakan nilai dan identiti bangsa. Hal ini dititahkan sendiri oleh raja dan pemimpin negara yang kita kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Keprihatinan baginda mengenai dengan hal ini tidak boleh dipandang ringan kerana mesej yang tersirat adalah jelas, bahawa kemajuan yang diinginkan ialah kemajuan dan perkembangan yang berpaksikan kepada cara dan kualiti diri yang tinggi.

Kemajuan itu adalah merupakan aset yang sangat besar, sebuah negara maju ke hadapan adalah merupakan negara yang mampu mewujudkan iklim kehidupan yang sangat terjamin. Namun pada waktu yang sama kita tidak akan dapat lari dari pelbagai ancaman dan juga gejala yang akan sentiasa melihat bahawa usaha berkebijakan yang kita ingin laksanakan musnah kerana rapuh dan lemahnya pegangan kehidupan. Justeru menurut titah baginda lagi, bangsa yang maju adalah merupakan bangsa yang dapat mengekalkan jati dirinya. Nilai jati diri yang kukuh itu adalah merupakan identiti bangsa yang akan mencerminkan dengan jelasnya siapakah kalangan kita ini. Justeru bila sahaja usaha menggerakkan dan memandatkan anggota masyarakat kita, ia tidak boleh lari daripada kekuatan nilai diri dan jati diri berbangsa.

Ilmu dan kemahiran adalah merupakan dua komponen penting yang berperanan besar dalam mencorakkan keupayaan dan takat pencapaian kita. Pada waktu yang sama mengiringi keduanya tidak boleh lari dari kekuatan

jati diri. Justeru penggalakan anggota masyarakat untuk meraih sebanyak mungkin ilmu pengetahuan tidak lari dari menyertakannya dengan konsep jati diri yang tidak mudah goyah dan cepat berubah. Sekarang negara dan bangsa mempertaruhkan kepada generasi muda remaja yang masih berada di bangku sekolah untuk berperanan memperkembangkan dan memantapkan lagi jati diri berbangsa itu. Pandangan dan bimbingan yang kemas kini ternyata merupakan faktor penting yang menyumbang ke arah kekuatan dan kesempurnaan kehidupan berbangsa.

Kita renungkanlah usaha-usaha gigih yang pernah diungkapkan oleh orang tua kita, sehingga mampu melahirkan generasi pelapis yang berilmu dan berpengetahuan tinggi. Ramai yang melaluinya dengan keazaman dan kegigihan yang tinggi yang akhirnya meletakkan mereka di barisan hadapan menjadi pewaris kepimpinan yang berwibawa. Kunci kejayaan yang mereka perolehi ialah usaha gigih dan mempunyai keazaman yang tinggi. Inilah modal dan aset penting untuk melangkah ke hadapan dengan cemerlang. Di samping jati diri yang kental, akan ada cabaran semasa yang semakin deras perubahan dan natijahnya kepada kita. Inilah pentingnya jati diri yang teguh dan identiti berbangsa itu dipertahankan untuk menjadi lambang melangkah ke hadapan.

Implikasi dari keadaan ini generasi muda belia dan remaja khususnya akan kebal dan tidak mudah terpengaruh dan gejala sosial yang memungkinkan sahaja campur aduk yang akhirnya tidak jelas hala tuju dan juga komitmen terhadap tanggungjawab bernegara dan bermasyarakat. Biarlah perjalanan kita di dalam arus perubahan masa ini, sebagai landasan dan pakaian kehidupan yang tidak akan mudah berubah semata-mata untuk menyesuaikan keadaan, sedang keadaan yang dilalui itu adalah peroboh identiti dan kualiti diri.

**PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan,  
diberikan percuma kepada rakyat;  
rajin membaca luas pengetahuan,  
Alai jawablah soalan tercatat.**

### SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

### HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

### TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan soalan Alai Pintar 749 keluaran 15 November 2006, ialah :

Bangunan Sekolah Menengah Menglait, Gadong.

### Pemenang bagi Soalan Alai Pintar 749 keluaran 15 November 2006

Muhd. Nor Izewan bin Asmadi,  
Sekolah Nusa Lela Puteri.  
Umur : 10 tahun

Siti Norfarahyah binti Haji Omarali,  
Sekolah Sinaran Matahari.  
Umur : 7 tahun

Fatin Asyura binti Haji Ramlil,  
Sekolah Rendah Kiarong.  
Umur : 8 tahun

## ALAI PINTAR

**ALAI DIALU-  
ALUKAN  
MENGGUNAKAN  
PERPUSTAKAAN  
RUJUKAN,  
JABATAN  
PENERANGAN**



### SOALAN ALAI PINTAR 751

1. Apakah nama bangunan ini?

.....

Umur : .....

Alamat : .....

.....

2. Di manakah letaknya?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

### BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 751

Nama : .....

.....

Umur : .....

.....

Alamat : .....

.....

.....

Telefon rumah (jika ada) : .....

.....

Sekolah : .....

.....

.....

.....

Hantarkan borang jawapan alai :

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Kepada,  
Ruangan Alai Pintar, 751,  
PELITA BRUNEI,  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam.

**A**NITA bergegas keluar dari keretanya sambil melihat jam tangannya. Langkahnya tergesa pergi ke halaman penyambut tetamu. Setelah ditunjukkan ke arah lif, dia beredar dengan membetulkan kacamatanya sambil melangkah masuk ke dalam lif. Perjumpaan pagi ini adalah penting baginya sejak dia menerajui syarikat ayahnya itu. Dia harus berjumpa orang penting ini. Orang yang dikatakan menerajui Perkas Holdings yang baru memiliki saham terbanyak di dalam syarikat tersebut. Orang yang hendak dijumpainya ini juga yang dikatakan memiliki bangunan baru ini. Bangunan yang dulunya milik syarikat ayahnya. Ayahnya terpaksa melepaskan bangunan ini kerana beberapa masalah yang tak dapat dielakkan.

Shingga hari ini, Anita tidak faham bagaimana perniagaan ayahnya jatuh dan hampir-hampir, bangkrup. Sukar juga hendak dipercayai ayahnya boleh melepaskan sahamnya kepada orang yang bergelar Datuk Os ini. Siapa Datuk Os? Ini yang bermain di dalam kepala Anita.

"Datuk Os ini duda, ada tiga orang anak, dia baru saja bercerai," Nurni dengan selamba memberitahu latar belakang Datuk Os yang diminta oleh Anita untuk menyiasatnya. Anita betul-betul ingin tahu pesaing ayahnya sehingga bangunan yang dulunya dimiliki oleh ayahnya terlepas begitu saja.

"Aku bukan nak tau dia tu duda atau apa, yang aku nak tau latar belakangnya, bagaimana dia boleh berjaya ke tahap sekarang ini." Anita dengan tegas menyatakan kepada Nurni setiausahannya. Sekarang bukan soal cinta-cintaan, itu sudah berlalu walaupun keseorangan kini. Yang penting soal bisnis, soal kehidupan. Dia nak buktikan anak Datuk Lazim yang pernah satu ketika dulu menjadi 'businessman' terkenal mampu bangkit membina empayar perniagaan keluarga mereka. Anita tidak peduli apa orang kata, kejatuhan empayar perniagaan itu harus ditebus. Biar orang kata tentang kejatuhan Maju Holdings adalah kerana kegagalan pengurusan yang diterajui oleh Datuk Lazim. Datuk Lazim ada skandal dan pelbagai tohmahan yang dilemparkan. Dia mau semua itu harus ditangani dengan baik. Jadi salah satu jalan ialah dengan berjumpa Datuk Os yang dikatakan berjaya mengambil alih bangunan itu dari Maju Holdings. Dia mau tau di mana silapnya saham Maju Holdings boleh terlepas kepada Datuk Os.

"Tidak banyak yang kita ketahui tentang diri Datuk Os ni, puan, hanya yang diketahui melalui internet, dia seorang pengusaha yang 'low profile', tidak suka publisiti, dia lebih banyak bekerja di belakang tabir," Nurni meyakinkan apa yang diketahuinya dari sumber internet yang didapatinya.

"Ok, buat temu janji dengan Datuk Os, saya nak jumpa dia," Anita memberi arahan.

"Besok jam 9.30 pagi, di pejabat beliau, Cik Anita." Demikian Nurni memberitahu kepada Cik Anita 'appointment' dengan Datuk Os.

Anita memerah otak untuk mengembalikan semula syarikat ayahnya kepada pemegang saham. Dia harus membina kepercayaan mereka untuk menerajui syarikat ini. Dia harus bangkit dan menggunakan ilmu yang dipelajarinya dari luar negara. Itu azam Anita supaya maruah keluarganya dapat ditebus.

Sejak mengambil alih bisnis ayahnya, Anita terpaksa memikul bebanan yang sangat berat, dia harus belajar dari bawah, dia kena semak semua kira-kira dan seterusnya mengkaji bagaimana syarikat yang begitu gah dulu kini hampir mufliis. Salah siapa? Benarkah apa yang ayah jatuh kerana kecuaiannya seni diri atau ada konspirasi yang mau menjatuhkannya. Dunia perniagaan ini agak konflik, sukar diramal, biasanya yang berjaya duduk di atas itu selalunya ramai musuh dan mau saja orang nak menjatuhkannya. Inilah dunia perniagaan terutama bagi orang Melayu, tak mau orang lain senang, lagi-lagi kalau bangsa sendiri. Tapi kalau bangsa asing, mereka saling percaya-mempercayai dan



bantu-membantu.

Anita termenung jauh dari tingkap bangunan pejabatnya. Pemandangan Kampong Ayer yang begitu indah dengan bunyi motor sangkut tambang yang silih berganti membawa penumpang dari bandar ke Kampong Ayer. Kampong Ayer yang dulunya ramai diduduki kini sudah semakin berkurangan, ramai penghuninya telah mendiami kampung perpindahan yang disediakan oleh kerajaan. Peristiwa-peristiwa yang tidak diinginkan yang sering berlaku di Kampong Ayer seperti kebakaran telah mencacatkan keindahan kampung tersebut.

Fikiran Anita kacau bila memikirkan bagaimana ayahnya boleh jatuh dalam perniagaan. Tak mungkin, ayah orang cekal dan mempunyai cita-cita tinggi dalam bisnis. Dia datang

dari bawah, 'from zero to hero'. Ada pelbagai hipotesis dan desas-desus yang saya dengar dari orang-orang bisnis terutama dari akhbar arus perdana yang membicarakan tentang soal gosip orang VIP.

"Tokoh Korporat Mendapat Serangan Jantung Di Hotel Terkenal Di Ibu Kota." Demikian tajuk akhbar yang tersiar yang masih menghantui fikiran Anita. Hatinya terguris bila membaca berita tersebut. Apa yang tidak diketahui selama ini tentang kegiatan ayahnya terbongkar. Ayahnya mempunyai isteri muda yang sudah lama dikahwini tanpa pengetahuan ibunya. Datin Hindun menangis bila mengetahui tentang berita buruk yang diterimanya. Kematian suaminya merupakan sebagai tsunami bagi keluarganya. Apa yang dikesalkannya, dia sendiri

"Apakah ini balasan yang aku terima akibat perbuatanku dulu, itulah yang bermain dalam kepala Datin Hindun. Aku banyak berbuat silap kepada suami dan anakku. Aku menduakan suami. Oh, malu rasanya hendak kuceritakan kelakuan burukku ini," keluh Datin Hindun sambil memerhatikan pancutan air di hadapan rumahnya.

Sejak kemalangan itu, dia tidak lagi selalu keluar rumah, jika tidak hampir tiap-tiap hari ada saja aktiviti yang dibuatnya, meeting Persatuan Wanita, Main bolinglah, pergi 'shopping', bertandang ke rumah kawan-kawannya, alasannya boring duduk rumah, itulah alasan yang diberikan kepada Datuk Lazim. Memang Datuk Lazim sendiri sibuk

dimadukan tanpa pengetahuannya.

Sejak peristiwa itu Datin Hindun seperti orang kurang siuman, dia tidak banyak bercakap dan hanya mendiamkan diri sahaja. Dia tahu sejak kemalangan yang menimpa dirinya dua tahun dahulu, dia tidak dapat memenuhi kehendak suaminya Datuk Lazim. Sejak kemalangan itu dia lumpuh dan hanya duduk di kerusi roda sahaja. Datin Hindun rasa tertekan, walaupun suaminya pandai memujuk tapi nalurinya tersiksa, keadaan fizikalnya yang tidak normal mengakibatkan dia kadang-kadang hilang pertimbangan, asyik marah dan stres.

"Mama minta maaf nak," Datin Hindun yang duduk di kerusi roda itu memegang tangan anaknya. Datin Hindun seperti rasa bersalah sejak anaknya belajar ke Australia. Memang itu rancangannya memisahkan mereka. Osman, ya Osman anak nelayan yang tidak direstui oleh mama. Memang Anita rasa terluka ketika itu. Pelbagai alasan Anita berikan agar dia tidak dihantar belajar ke luar negara. Tapi ibunya berkeras demi masa depannya. Osman seperti merajuk meninggalkannya entah ke mana.

"Ah, mama, sudahlah, perkara yang lalu usah dikedang lagi, mak tak bersalah." Anita memujuk mamanya. Memang hatinya remuk bila cinta mereka tidak direstui. Apa yang penting sekarang dia harus bangkit dan menghadapi realiti. Biarlah kenangan lama berkubur dia tak mau ingatkan lagi. Yang penting aku harus menyelamatkan syarikat ini. Memang kebelakangan ini perjalanan syarikat ini agak kacau-kacir sejak ketiadaan ayahnya. Dia harus mencari formula baru untuk menyelamatkan ayahnya dari tindakan mahkamah.

SEJAK mengambil alih bisnis ayahnya, Anita terpaksa memikul bebanan yang sangat berat, dia harus belajar dari bawah, dia kena semak semua kira-kira dan seterusnya mengkaji bagaimana syarikat yang begitu gah dulu kini hampir mufliis. Salah siapa? Benarkah apa yang ayah jatuh kerana kecuaiannya seni diri atau ada konspirasi yang mau menjatuhkannya.

# MEMORI



OLEH : HELMI HALIM

"Saya Anita, Pengurus Maju Holdings." Anita memperkenalkan dirinya ketika memasuki ruang pejabat yang terletak di tingkat 20 itu. Bangunan yang tersergam indah yang terletak di tengah bandar itu menjadi mercu tanda kepada ekonomi orang Melayu. Bangunan itu baru saja bertukar milik. Mengikut laporan akhbar, pemilik bangunan dan juga CEO baru dalam syarikat Perkas Holdings merupakan anak Melayu pertama yang berjaya di peringkat antarabangsa. Kejayaan anak Melayu ini sehingga boleh memiliki bangunan yang tinggi membuatkan Anita ingin berkenalan dengannya. Dia sudah mengarahkan sekretarinya membuat temu janji dengan CEO Perkas Holdings.

"Tunggu sebentar puan," penyambut tetamu dengan hormat mempersilakan Anita duduk, sementara dia menelefon bosnya tentang kedatangan tetamu itu.

"Datuk, ada tetamu nak jumpa." Anita duduk di sofa yang disediakan sambil matanya memandang keseluruhan bilik tetamu itu. Dari satu sudut dinding pejabat tergantung gambar seorang pemuda bersalaman dengan Bill Gate pemilik Microsoft terbesar di dunia. Di bawah gambar tersebut tertulis 'from zero to hero'. Anita menurunkan kacamatanya untuk melihat lebih dekat pemuda tersebut sambil merenung pemuda yang bersalaman dengan Bill Gate itu. Ini menghibau kenangan lamanya sepuluh tahun dulu.

"Maaf ya Osman, aku tak berniat untuk melukakan hatimu, aku tidak menghina kaum nelayan bahkan aku kagum dengan perjuangan mereka, tanpa mereka siapalah kita, mereka yang membawa rezeki, kita hanya tau ada saja, beli ikan mana yang kita suka. Mereka berjuang siang dan malam, hujan ribut badai dan angin adalah teman mereka, mereka sanggup menggadai nyawa demi sesuap nasi."

Angin pantai bertiuip deras dengan deruan ombak. Setiap kali ombak menghempas di tepi pantai pasti ombak akan berderai dan berlalu ke laut semula, begitulah seterusnya. Pukulan ombak itu bergantungan pula dengan arus dan angin yang membawanya. Sampah sarap yang bertaburan di merata Pantai

Serasa itu akan meloyakan mata, batang-batang kayu masih bersepah sana sini mencacatkan keindahan pantai, bekas-bekas tin minuman masih juga berselerak walaupun ada disediakan tong sampah. Apa yang mendukacitakan bekas minuman keras bersepah sana sini. Sepanjang laluan ke Pantai Serasa pasti kita akan bertemu dengan bekas benda haram itu dicampakkan di tepi jalan.

"Aku tahu, aku bukan seperti kau Nita, kau anak orang kaya, keluargamu orang berada, kau tak pernah hidup susah." Osman berat untuk melafazkan kata-kata itu, dia pasti kata-kata itu boleh melukakan hati Anita. Mereka sudah berkenalan selama lima tahun, sejak mereka melangkah ke sekolah menengah lagi, kini nampaknya halangan yang besar ialah kedudukan mereka yang berbeza.

"Ah, jangan merepek la, kita semua itu sama saja, yang kaya tu bapa saya. Anita memalingkan mukanya ke tempat lain. Hatinya terguris bila mendengar kata-kata, dia tau Osman tidak berniat hendak melukakan hatinya. Dia tau Osman jujur nak membela keluarga, Anita sendiri pernah dibawa oleh Osman pergi ke kampung nelayan di Batu Marang. Memang rumah mereka sederhana saja, kehidupan di kampung itu agak tenteram, orang kampung cara mereka bergaul dan bercakap agak kasar sedikit. Anita faham tentang itu semua, keluarga Osman melayan Anita dengan baik sekali.

"Naiklah nak, rumah kami buruk saja," kata emak Osman merendah diri. Anita melangkah masuk memerhatikan keliling, udara segar, laut di sebelah hadapan rumah Osman membuat hatinya tenang. Alangkah bahagianya jika dapat menikmati udara yang nyaman ini. Di tepi pantai diperhatikan nelayan datang dari laut membawa muatan. Ramai kanak-kanak berlari berkejaran sesama sendiri. Anita memerhatikan betapa girangnya kaum nelayan setiap hari menangkap ikan kemudian membawa tangkapan ke darat. Di darat pula akan disambut oleh anak isteri.

Dari muka 8

# MEMORI

"Hei termenung jauh nampak," Roslizawati kawan sekelas Anita menegur. Anita terhenti dari mengelamun.

"Teringatkan buah hati ke, tak puas jumpa semalam. Kan saya tengok kamu mesra saja di pantai semalam. Berpegang tangan lagi, 'jealous' I?" Anita menarik nafas panjang sambil tangannya cuba membetulkan rambutnya yang menutupi mukanya. Dia tidak menjawab usikan kawannya itu. Dia teruskan buat 'assignment' yang hendak dihantar hari ini.

"Hei belum siap lagi ke, hari ini final hantar tau, jangan miss nanti tak ada markah, rugi." Anita meneruskan kerjanya dalam pada itu fikirannya melayang kepada Osman. Osman tidak dapat melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam kerana masalah keluarga yang dihadapinya. Ayahnya baru saja meninggal dunia jadi dia terpaksa membantu keluarga menyara adik-adik bersekolah.

"Aku punya tanggungjawab besar Nita, aku rasa kita tak dapat teruskan perhubungan kita, aku harus memikul tanggungjawab ini. Kau faham kan." Nada sedih Osman ketika memberitahu perkara itu semalam betul-betul menusuk hati Anita, seperti badai tsunami menghempas Pantai Serasa ketika itu. Mau saja dia menjerit meminta tolong supaya tidak dipisahkan dengan Osman.

"Oh! Tuhan, kenapa jadi bagini, kenapa aku harus dipisahkan dengan kekasih hatiku," Anita meronta-ronta ingin kepastian.

"Apakah ini noktah perjalanan cinta kita," Nita minta kepastian. Osman tunduk sembil kakinya menguis pasir di pantai. Dia amat berat untuk menyatakan kalimat yang begitu menakutkan dirinya dan Nita. Kenapa keadaan ini harus ditempuh?

Apakah aku harus meninggalkan tanggungjawabku untuk mendapatkan sesuatu yang belum pasti ku capai. Anita akan keluar negara, pasti saja perpisahannya itu akan merempuh dugaan. Mungkin saja dia akan bertemu jejak yang setaraf dan berpelajaran. Aku hanya nelayan sahaja.

"Kau bisa mengubah hidupmu Os, kau harus kuat dan keluar dari kemelut hidupmu ini, jangan biarkan kemiskinan menjadi alasan kamu untuk berjaya."

"Itu cakap kamu, kamu boleh cakap apa saja, kau orang berada, kau pandai sedangkan aku, kamu tahu kan," Osman cuba meredakan keadaan. Dia memang cuba untuk meneruskan hubungan cinta mereka namun dia seperti mau mengalah dengan keadaan.

"Kamu tidak menyambung sekolah lagi," Datin Hindun bertanyakan soalan kepada Osman yang ketika diajak makan tengah hari di rumah Anita.

"Nelayan!"  
"Anak nelayan," tersentak hati Osman bila kali-

MEMANG dia sendiri tak bermimpi untuk jadi menantu orang kaya. Dia tidak mengetahui Anita anak Dato, pada permulaan perkenalan mereka, dia kelihatan sempoi dan 'caring girl'. Dia mula kenal dengan Anita ketika sama-sama jadi pengawas di sekolah menengah. Mereka berpisah apabila Anita ditawarkan memasuki PTE, sementara Osman pula terpaksa membantu keluarganya. Namun mereka terus berhubung melalui telefon kadang-kadang melalui surat.

mah itu dilafazkan oleh Datin Hindun, seperti halilintar merusuk ke dalam benak otaknya. Dia tahu memang Datin Hindun tidak suka anaknya ber-kawan dengan Osman, anak seorang nelayan. Tapi orang seperti dia apa nak yang boleh dia buat, hanya layak meneruskan kerja yang turun-temurun diwarisi oleh keluarga. Tapi hatinya cecal, dia mau mengubah nasib keluarganya dengan menjadi nelayan moden. Dia mau mengangkat kehidupan kaum nelayan kepada tahap yang lebih tinggi. Dia tak mau bila

disebut nelayan terbayang kepada orang ramai kemiskinan, pekerjaan yang tidak menjanjikan masa depan. Dia harus mengubah persepsi orang terhadap nelayan. Itu janji Osman dalam hati.

"Hei, nelayan kan kerja mulia, tanpa nelayan kita tak dapat makan ikan." Dato Lazim mencelah sambil memandang kepada Osman yang kelihatan tidak begitu selesa ditanyakan soalan tentang pekerjaannya. Dia rasa terhina bila Datin Hindun terus-menerus bertanyakan soalan peribadi.

Panas rasa buntutnya. Tapi demi menjaga tatasusila dia buat-buat tenang saja agar tidak menampakkan sikap kurang ajar kepada keluarga Anita. Dia tahu asal usulnya.

Memang dia sendiri tak bermimpi untuk jadi menantu orang kaya. Dia tidak mengetahui Anita anak Dato, pada permulaan perkenalan mereka, dia kelihatan sempoi dan 'caring girl'. Dia mula kenal dengan Anita ketika sama-sama jadi pengawas di sekolah menengah. Mereka berpisah apabila Anita



ditawarkan memasuki PTE, sementara Osman pula terpaksa membantu keluarganya. Namun mereka terus berhubung melalui telefon, kadang-kadang melalui surat.

"Ah, kenapa aku harus mengingatinya lagi. Bukankah ini pilihan masing-masing. Dia mengikut arahan keluarganya, aku juga harus berjuang untuk kehidupan keluarga. Aku harus bantu mereka. Aku reda dengan kehidupan, memang semua itu ketentuan dari Allah, yang penting aku harus keluar dari lingkaran kemiskinan ini." Itu janjiku dulu, memang sukar menjadi orang susah, rasa rendah diri sentiasa menyelubungi diri masa itu. Ah aku harus bangkit, harus memperbaiki kehidupan keluarga. Biar orang kata, aku harus berjuang untuk hidup ini. Itu juga azimat yang arwah bapa bagikan kepadaku, kami dilatih untuk melakukan bersungguh-sungguh.

"Assalamualaikum."  
Berderau darah Datuk Osman bila melihat perempuan yang berdiri di hadapannya. Dia kelihatan gugup dan tak tentu arah. Lambat

dia mempelawa perempuan di hadapannya itu duduk sambil memerhatikan kepadanya. Hatinya bagai digaru untuk mengetahui siapa wanita di hadapannya ini.

Anita agak gugup juga pada mulanya bila berhadapan dengan Datuk Os, orangnya agak tegas dan suka berterus terang. Sukar juga bagi Cik Anita untuk memulakan kata-kata bila berhadapan Datuk Os yang pernah dikenalnya dulu. Ah dulu lain, dia kurang matang, sama juga seperti dirinya yang hanyut dalam lautan cinta. Itu lebih sepuluh tahun dahulu, kini mereka sudah matang, Osman sudah jadi Datuk dan jadi 'businessman' yang berjaya. Dia juga pun sudah banyak mengalami perubahan semasa dia belajar di Australia dan seterusnya berkahwin dengan Mat Salleh di sana. Perkahwinannya tidak kekal lama dia kembali ke Brunei bila diberitahu ayahnya meninggal dunia.

"Walaikumsalam, sila duduk."  
Datuk Osman cuba bersikap profesional. Ini soal bisnes tak boleh di-

campuradukkan dengan soal peribadi. Lagipun kenangan ini sudah lama berlalu dan berlalu. Tapi hatinya tetap ingatkan saat yang manis itu. Mereka berpandangan mata, tanpa disedari pipi Anita dibasahi dengan air mata.

Bilik yang berhawa dingin itu terasa sunyi seketika, masing-masing memainkan perasaan. Sudah lama mereka tak bertemu. Kini keadaan sudah berubah, mereka sudah membawa haluan masing-masing. Pelbagai cerita dan kenangan yang mereka simpan.

Ah, kenapa aku harus hanyut dengan perasaan, bisik Anita, aku harus kuat. Siapa pun di hadapanku ini aku harus bisa berdiri jadi orang profesional.

"Apa khabar, Cik Anita." Anita cuba mengumpulkan kekuatan untuk berhadapan dengan orang yang pernah jadi pujaan hatinya. Dia cuba menyembunyikan kesedihannya.

"Ohhh baik, Datuk bagaimana?" sedikit gugup dan cuba memenangkan dirinya. Masakan aku harus terperangkap kedatanganku ini untuk berbingcang tentang bisnes.

## Ramah mesra meningkatkan kerjasama, pertukaran maklumat

Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli  
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Selasa, 7 November. - Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria berkata, sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap kesejahteraan dan kebahagiaan penduduk negara ini. Jabatan Penerangan akan sentiasa melibatkan diri dan mendekati diri dengan rakyat sama ada melalui aktiviti formal atau tidak formal.

Ianya merupakan proses bagi bertukar dan berkongsi maklumat di antara satu de-

ngan yang lain, kata beliau semasa mengadakan kunjungan ramah mesra Hari Raya Aidilfitri ke rumah beberapa orang ketua kampung di Daerah Belait.

Menurutnya pelbagai kemajuan dilihat dalam masa 12 bulan kebelakangan ini, antaranya kenaikan harga minyak dan gas yang memberikan tambahan pendapatan dan hasil negara bagi membolehkan kerajaan menyusun program dan aktiviti pembangunan yang lebih berkesan demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Dari segi pendidikan dan kesihatan pula Negara

Brunei Darussalam masih menikmati pelbagai kemudahan dalam bidang berke-nanaan, antaranya perkhid-matan kesihatan yang percuma dan perbelanjaan perubahan secara percuma yang masih ditanggung sepenuhnya oleh pihak kerajaan, jelasnya.

Menurutnya, dalam Skim Perumahan Negara sudah diperluaskan kembali dan pada tahun ini lebih banyak lagi rumah-rumah diban-gunkan, sementara projek projek pembangunan seperti penambahan dan penam-bah-baikkan jalan-jalan raya semakin pesat dijalankan.

"Program Rancangan Kemajuan Negara Ke-9 (RKN 9) yang akan dilu-luskan tidak lama lagi juga menjanjikan lebih banyak

program ke arah pemban-gunan infrastruktur dan pembangunan negara kitani," terang beliau.

Selain itu tambahnya dari segi peluang perniagaan, kerajaan juga telah menyediakan suasana perniagaan yang positif, melalui menyediakan prasa-rana dan kemudahan pelaburan yang cukup kom-prehensif. Kerajaan kata-nya penyediaan Skim Mikro Kredit Pengusaha Kecil dan Sederhana (SME), Skim Pemasaran Hasil dan pelbagai bantuan bantuan sebagai galakan bagi pengusaha pertanian atau perikanan.

Katanya lagi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah menyuarakan bahawa baginda mahu melihat rakyat baginda lebih melibatkan diri dalam proses dan cara negara ini ditadbirkan.

Subhungan itu bagin-da telah memperkenalkan bagi penubuhan semula Majlis Mesyuarat Negara dan juga memperkenalkan bagi perlantikan 'wakil-wakil rakyat' sebagai ahli di dalam majlis tersebut, tambah beliau.

"Ini satu perkembangan dan satu cabaran yang harus kitani terima dan kitani berikan tumpuan sepenuhnya kerana baginda mahu kan pembangunan negara ini dicapai melalui ker-jasama dan gandingan ba-hu kerajaan dan rakyat secara bersepadu," kata-nya.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Amer Hamzah (kanan) semasa berucap di salah sebuah rumah ketua kampung di Daerah Belait. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Beliau menambah, baginda juga telah meluluskan kenaikan mata gaji bagi pegawai-pegawai kerajaan dan juga kenaikan kadar pencen tua bagi warga emas. Ini menunjukkan bahawa baginda sendiri dan kerajaan baginda sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan rakyat negara ini.

Dalam hal ini katanya, menunjukkan bahawa pihak kerajaan sentiasa memainkan peranannya demi kebaikan negara dan rakyat.

"Mungkin kadangkala ianya tidak nampak dilihat tetapi setiap dasar dan setiap peraturan yang dikeluarkan oleh kerajaan dan pemimpin negara kitani

adalah baik dan untuk kebaikan negara dan rakyat kitani jua," katanya.

Pemangku Pengarah Penerangan mengetuai rombongan 20 orang Pegawai Jabatan Penerangan memulakan kunjungan ke rumah Ketua Kampung Pandan 'A', Awang Sulaiman bin Haji Udin sebelum ke rumah Ketua Kampung Pekan Belait, Awang Haji Johari bin Haji Omarali dan Ketua Kampung Mumong, Awang Haji Yusof bin Dufamin.

Program ramah mesra Hari Raya Aidilfitri ke mukim dan kampung yang terpilih di keempat-empat salah daerah merupakan salah satu projek tahunan

jabatan berkenaan dan dimulakan sejak tahun 2003 antara lain bertujuan mengeratkan lagi hubungan silatur rahim antara ketua kampung dan Majlis-majlis Perundingan Mukim dengan agensi-agensinya kerajaan.

Ianya dihasratkan dapat membantu institusi penghulu dan ketua kampung dalam sama-sama menyumbangkan ke arah kemajuan dan pembangunan negara. Dalam kunjungan tersebut rombongan dari Jabatan Penerangan telah mende-ngar sejarah, aktiviti, kemu-dahan dan kemajuan kam-pung-kampung yang dil-wati oleh ketua kampung



PROGRAM Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri ke mukim dan kampung ini merupakan projek tahunan Jabatan Penerangan yang bermula sejak tahun 2003. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

# Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

## BIRU

Juma'at yang syahdu  
di masjid Viet Nam :  
pintunya biru  
lantainya biru,  
mimbarnya biru,  
ya, semua biru,  
hatta langit di atasnya  
juga biru,  
iaitu langit kita semua.

Khutbah hari ini  
juga biru :  
tentang Islam dan persaudaraan  
semata-mata biru,  
ya, di bumi mana  
di bawah langit mana  
semuanya biru :  
dari terasnya biru  
bakanya juga biru.

Berbeza dengan suara di luar :  
Islam, kata mereka, bukan biru,  
masjid juga tidak biru  
dan malah kita semua,  
dianggap anti biru,  
hanya mereka -  
hanya mereka -  
wakil yang sah  
juara "dunia biru".

Lalu mereka pun  
dengan geram dan mengetap bibir  
memuduhi sakan :  
Islam itu pedang  
dan masjid juga  
tempat memalu gendang :  
gendang perang!  
dengan kita  
menjadi dalangnya.

Usah bersedih, saudara!  
akan datang juga  
- kebenaran -  
sebelum kiamat.  
Ya, usah bersedih ...  
sekalipun lambat.

Adi Rumi  
Melia Hanoi Hotel,  
Viet Nam,  
17. 11. 2006.

## TERKENANG LAGI

Terkenang lagi,  
ini "negara revolusi"  
jangan kata wajahnya bengis  
tidak! tetapi manis,  
dan buminya juga luhur  
airnya juga luhur  
berasnya juga luhur  
tidak beracun.

Pewarisnya ialah "bangsa besar"  
liat dan gagah,  
hatinya waja  
jiwanya waja,  
manakala datang musuh  
mereka tidak mengalah,  
walau yang datang itu  
raksasa dan hantu ...

Bukan kerana "kaki gaduh"  
mereka melawan ...  
tetapi demi maruah,  
dan memang inilah jati diri  
patriot sejati  
mereka tidak lari, tidak lari  
meninggalkan pertivi  
bila diserang ...

Sama-sama bangun  
sama-sama rebah  
sehingga kering air mata,  
seteru menembak ...  
mereka melastik,  
namun ada ketikanya  
mata yang galak itu hancur menarubuk.

Di sinilah rahsia kekuatan itu, saudara!  
ia bukan semata-mata besi  
juga bukan semata-mata api ...

tetapi yang lebih hebat itu  
mungkin saja keazaman dan keberanian,  
ya siapakah, cuba tunjukkan  
yang mampu mengatasi  
keazaman dan keberanian?

Kalau musuh dengan jet pejuangnya  
dan senjata kimia ...  
mereka dengan apa?  
aku pernah melihat  
di "muzium perang" mereka  
ada lastik kayu  
ada bamboo ...  
sebagai alat pelawan ...

Inilah contoh  
satu "bangsa besar"  
pencipta sejarah,  
mereka tidak kenal takut  
mereka tidak kenal putus asa  
walau di tangan hanya lastik  
walau di tangan hanya bamboo  
pembakar kalbu.

Akhirnya  
mereka keluar juga  
dari sengsara,  
dan dengan tangan yang lusuh  
mengesat peluh  
menghapus darah  
- selaku -  
pejuang yang menang.

Adi Rumi  
Melia Hanoi Hotel,  
Viet Nam,  
18. 11. 2006.

## DI SEBALIK WAJAH ITU

Tenang wajahnya mengukir senyuman  
lembah pertuturan melambangkan keayuan  
manis wajahnya penuh rasa kedamaian  
terasa damai berbicara dengannya  
mengundang rasa syukur menetap wajah itu  
tatkala dirinya bermesra sesama ...

Namun tiada siapa pernah tahu  
di sebalik wajah manis itu  
tersirat cerita penuh sengsara  
bersarat dengan kelukaan hati  
hanya memendam rasa merawat lara  
walau tidak tercermin raut wajahnya  
terloraikah simpulan tanpa puncanya  
andainya hati kian muram durja  
berakhirkan derita hilangkan sengsara  
sekiranya asyik memujuk hati ...

Di sebalik wajah itu  
ingin meluahkan kepedihan hati  
siapakah sudi mendengarkan nanti  
risau kiranya tohmahan diterima  
yang pasti raut wajah itu  
damaikan nanti hingga penghujungnya  
andainya melihat tanpa mata hati  
butakah aku tanpa tafsiran diri  
dalam melihat raut wajah itu ...

## HATI SEORANG AYAH

Anakku  
di sebalik jendela duka  
ayah tabah meniti waktu silih berganti  
meskipun terasa perit menikam pedu hati  
dan rindu membuak bergelora di dada  
ayah tetap menunggu kepulanganmu.

Anakku  
bukan ringgitmu  
bukan jua hartamu  
yang ayah pinta  
tetapi hadirmu  
yang ayah ingini  
untuk membalut rindu  
mengubat hati yang terpisah jauh  
di kampung sunyi ini.

Anakku  
hadiah ayah sekelumit ruang waktu  
untuk menemui ayah di sini  
dan cubalah belajar anakku  
menyelami tasik hati  
seorang insan yang bergelut ayah.

Camy H. K.

## KITA ANAK WATANNYA

Terbukti padu pada diriku  
tersepat kukuh di hati nuraniku  
maka akulah anak watanmu  
anak jati murni negara kelahiranku  
Brunei Darussalam negara tercintaku  
mewarisi turunan nenek moyangku.

Indah dan permai negaraku  
aman dan damai tanah airku  
pasti kujulang kutanai selalu  
seantero dunia terkenal engkau  
di bawah daulat Duli Tuanku  
Sultan dan Di-Pertuan payung bangsaku.

Mari adik, mari kawan, mari semua  
kita capaian wawasan dicipta  
berteraskan 'MIB' prinsip negara  
tanpa kita bagaimanakah negara  
sekatakan hati menjulang cita  
berpaksi jujur, ikhlas, amanah dan cinta.

Kitalah anak watan mulianya  
Brunei Darussalam kekal bertakhta  
taat setia kepada raja menyayangi kita  
demi nusa dan bangsa tercinta  
beridiologikan Islam peneraju jaya.

Mari adik, mari kawan, mari semua  
Brunei Darussalam negara kita  
usah biarkan musuh merencana  
kekalkan daulat, Darussalam dan beraja  
demi mengangkat dan memakmurkan negara  
kitalah rakyatnya kitalah harapannya.

Haji Mariat bin Haji Abdullah

## DI SEBUAH KAMPUNG

Di sanalah aku dilahirkan  
susah - payah dalam suka duka  
bersama seorang ibu tersayang  
yang tidak akan aku lupakan  
menangis dibuainya  
dibesarkan hingga dewasa.

Di sanalah aku berpijak  
di sebuah kampung terpencil  
jauh dari ibu kota  
menuju ke hulu  
tinggal bersama-sama  
ibu, kakak dan adik.

Di sanalah jua aku  
dapat melihat dan merasakan  
kepahitan dan penderitaan hidup  
yang ditanggung kepayahan ibu  
tanpa ayah yang gugur  
dalam perjuangan suci.

Di sana jualah kami  
menikmati dan bersyukur  
bila menempuh kemiskinan  
namun ibu yang berbakti  
masih dapat membelai  
memberikan ilmu pendidikan.

Haji Awg. Apandi bin Awang Hidup

## DEDAUN KERING

Bayu berhembus sepoi-sepoi  
bahasa  
dedaun kering berguguran  
satu ... persatu ... disapa  
bayu pagi.

Menari-nari lesu  
lalu menyembah bumi.

Aduhai ... itulah ibarat hayat  
pengembara terasing.

Dalam pelayaran meniti  
roda kehidupan.

Pasti jua menemui  
lorong kematian.

AKU DI SINI

Aku di sini mencari  
cahaya gemilang.

Akan kuteruskan  
memburumu  
hingga detik  
terakhir hayatku.

Dugaan hidup yang kutempuh  
bagai bertali arus.

Menghimpit  
menekan  
menyengat keteguhan imanku.

Terkadang aku bagai hilang arah  
mencari sesuatu  
yang berbeza  
warna kehidupan.

Sungguh menyakitkan jiwa!  
apa yang aku temui  
hakikinya ada di sini.

Kenapa ... aku mencari  
yang lain daripada-Mu?

Sedangkan Engkau Maha Pengasih  
lebih kasih dari ibu yang pengasih.

Ya Tuhanku aku memohon  
keampunan-Mu dan keredaan-Mu.

Rahmatilah diriku ...  
sayangilah diriku ...  
berkatilah hidupku ...

Wahai Yang Maha Pengasih  
aku mendambakan sentuhan  
kasih sayang-Mu  
lewat  
pengembaraan hidupku  
di alam fana ini.

Ratna Kejora

## MENANTI DAMAI

Kiranya aku menempah di sempadan jalam  
keluhan rayuku pada Tuhan bertandatangan  
kutunggu-Nya damai kunanti undangan  
kusukat-sukat sejengkal nafas menghentikan  
kehidupan.

Membuka tabir rahsia jasad manusia  
dipeluk tunangan  
mati pembuka kedamaian di tanah warisan  
kabut rebut namun sesat tiada  
kalam tiada hangus walau api yang membara.

Kukuh isi memeluk tulang dibuai rindu asmara  
kulitku tiada sekali-kali melucur hangus  
tetap damai di arus kedambaan  
terlepas aku digelar pengemis jalam.

Balasan Tuhan pastiku nanti damai  
bebaslah daku diburu hutang menyimpai  
bertemu riang bersisip senyuman kekasih  
menggapai  
buat-Mu kuserah diri penawar tercapai.

## DI ATAS PENTAS

Pelakon mengorak episod sandiwara  
dialog dilakonkan bersulam nada di atas pentas  
jangan sumbang gerak tari gendang kecapi  
sinar menggegar terpancar  
terbiar di belakang tabir sorokkan bibir  
alunan suara tegas terbatas  
api tintir disindir petir  
di permatang huma bertatacara.

Uda dan dara sedang dilamun cinta  
tersipu malu tiada terkira  
dijilat api selembut sutera  
menyemai segugus janji  
berpadu sehidup semati  
ternyata bukan sepenuh hati  
di atas pentas hampir ternoda  
bergegar tirai bersuji ditutup rapi.

Seribadi



سنتياس برسام بيسكيت  
Sentiara Bersama Biskita

# سوسونن رنچاغن تيليسيشن

## susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

### RABU 29 NOVEMBER

**PAGI**

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	SIARAN TAMAT

**PETANG**

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	CYBERCHASE
4.45	THE LOST WORLD
5.15	PESTA
5.45	BERITA
6.05	AZAN MAGHRIB
6.45	SIRAH NABAWIYAH

**MALAM**

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.19	AZAN ISYAK
7.30	GALERI
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA - 'Misteri Di Balik Tabir'
9.30	LEGENDA
10.00	NEWS AT 10
10.45	SUKAN
	ANTARABANGSA
11.15	BEWITCHED
11.45	BOSTON LEGAL
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

### KHAMIS 30 NOVEMBER

**PAGI**

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	BAKYARD SCIENCE
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	DRAMA - 'Kabut Sutera Ungu'
12.10	AZAN ZUHUR

**PETANG**

1.00	TRANSIT
1.30	AMAZING RACE
2.30	PHILIPPINES MOVIE - 'Anak'
3.32	AZAN ASAR
4.00	ATOM
4.30	DRAGON TALES
5.00	BEYOND 2000
5.45	BERITA
6.00	MOLECULAR UNIVERSE
6.05	AZAN MAGHRIB
6.45	HALUAN

**MALAM**

7.19	AZAN ISYAK
7.30	WARTA ISLAM
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	AN NUUR - 'Masjid Kampung Setia'
10.00	NEWS AT 10
11.45	DRAMA - 'Syurga Di Bawah Telepak Kaki Ibu'
11.45	WAYANG PILIHAN - 'Dumb & Dumberer When Harry Meets Lilyod'
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

### JUMAAT 1 DISEMBER

**PAGI**

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	SESAME STREET
10.45	SHAPIES
11.15	RAKAN CYBER
11.30	BERITA
11.45	JEJAK RASUL
12.15	FINGER TIPS
12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung

**PETANG**

1.30	VISI SUCI
2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung
2.30	PERINTIS
3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Sif Tum'
3.32	AZAN ASAR
3.37	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan
5.45	BERITA
6.00	SYIAR MASJID
6.05	AZAN MAGHRIB
6.45	BICARA IMAN

**MALAM**

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.19	AZAN ISYAK
7.30	DRAMA - 'Genap Dua'
8.00	BERITA NASIONAL

9.00	RANJAU KEHIDUPAN
9.30	MOUSE TV
10.00	NEWS AT 10
10.45	ULASAN KHUTBAH JUMAAT
1100	TELEDRAMA - 'Cinta Popular'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

### SABTU 2 DISEMBER

**PAGI**

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	W.I.T.C.H.
10.45	SCOUT'S SAFARI
11.00	DRAMA - 'Menuju Keredaan'
11.30	BERITA
12.00	GILLETTE WORLD OF SPORT
12.11	AZAN ZUHUR
12.30	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Breaking Free'

**PETANG**

2.00	DRIVE
2.30	THE CHAMPIONS
3.00	THIRD WATCH
3.33	AZAN ASAR
4.00	TORNADO HUNTER
5.00	THE MAGIC SCHOOL BUS
5.30	JUST A KID: CAITLING'S WAY
5.45	BERITA
6.06	AZAN MAGHRIB
6.15	PORTS OF CALL
6.45	PEDOMAN AKIDAH

**MALAM**

7.00	DUNIA ASIA
7.20	AZAN ISYAK
7.30	MANAGING GLOBAL BUSINESS
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DARI STUDIO SATU
10.00	NEWS AT 10
10.45	TAYANGAN GAMBAR - 'P.T. Barnum 2'
12.15	GUINNESS WORLD RECORDS
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

### AHAD 3 NOVEMBER

**PAGI**

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI

6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	SUPER ROBOT MONKEY TEAM HYPER FORCE GO!
10.45	TIMEBLAZERS
11.15	PADA SUATU HARI - Ulangan
11.30	BERITA
11.45	SUNDAY MATINEE - 'She, Me And Her'
12.11	AZAN ZUHUR

**PETANG**

1.15	LIGA BRASIL
2.45	JUARA - Siaran Langsung
3.20	CITA RASA AIDILFITRI
3.33	AZAN ASAR
4.00	DRAGON TALES
4.30	DRAMA - 'Meniti Pelangi'
5.00	KAUNSELING MASYARAKAT
5.30	PENGAJARAN DARI AL-QUR'AN
5.45	BERITA
1800	MUTIARA HUTAN - 'Flora Hutan Kerangas'
6.06	AZAN MAGHRIB
6.30	MUSULMAN THE UNTOLD STORY

**MALAM**

7.00	TAHUKAH AWDA
7.20	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TIRAI KELUARGA - 'Sumpitan Racun'
10.00	NEWS AT 10
10.45	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.15	STRONG MEDICINE
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

### ISNIN 4 DISEMBER

**PAGI**

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	HEALTHY HOME
12.00	SIARAN TAMAT

**PETANG**

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN

4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	THE LEGEND OF ZORRO
5.15	GILLETTE WORLD OF SPORTS
5.45	BERITA
6.00	WORKING ANIMALS
6.06	AZAN MAGHRIB
6.45	BIMBINGAN KELUARGA

**MALAM**

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.21	AZAN ISYAK
7.30	LINGKARAN IMAN
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA - 'Tengkujuh Di Musim Bunga'
9.30	EXPATS
10.00	NEWS AT 10
10.45	ON THE BALL
11.15	PRIVATE LIVES
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

### SELASA 5 DISEMBER

**PAGI**

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	SIARAN TAMAT

**PETANG**

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	MAPLETOWN
4.45	BUG ALERT
5.15	INNOVATION
5.45	BERITA
6.00	ME@TV
6.07	AZAN MAGHRIB
6.30	RIZEH MIZEH - Siri Baru
6.45	AL ISLAM

**MALAM**

7.00	MENCARI SUKINAH - Siri baru
7.21	AZAN ISYAK
7.30	DOKUMENTARI : ORANG KITA
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	RANCANGAN KHAS
9.30	DRAMA BMR 'KOD 486'
10.00	NEWS AT 10
11.15	WITHOUT A TRACE
12.15	MINI SERIES : THIRD TWIN
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT



**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar Kelas III dan IV sahaja, Kategori 4d dan 4h sahaja untuk:

Projek: (i) MEMBAIKI SISTEM SALIRAN DAN MENINGKANKAN JALAN RAYA DAN BANJIR DI RPN MENTIRI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

**BILANGAN TAWARAN : JKP/39/2006**

(ii) UBAHSUAI DARI LONGKANG TANAH KE KONKRIT - KAMPONG RATAIE RESETTLEMENT HOUSING SCHEME DRAIN REPAIR WORKS.

**BILANGAN TAWARAN JKP/40/2006.**

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pemeliharaan Estet, Jalan Surapit, Perpindahan Berakas, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 2.00 petang, hari Sabtu, 16 Disember 2006.



**JABATAN PERTANIAN  
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN  
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

**BILANGAN TAWARAN: JPt/TAW/31/2006-2007,  
JPt/TAW/32/2006-2007, JPt/TAW/33/2006-2007 DAN  
JPt/TAW/34/2006-2007**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, BB3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 12 Disember 2006.

**JPt/TAW/31/2006-2007 : KERJA-KERJA PENGUBAH-SUAIAN SURAU IBU PEJABAR PERTANIAN.**

**JPt/TAW/32/2006-2007 : CONSULTANCY PROJECT ON THE DEVELOPMENT OF FOOD PROCESSING INCUBATORS FOR LOCAL FOOD SME OF BRUNEI DARUSSALAM-PHASE 1.**

**JPt/TAW/33/2006-2007:PERSEDIAAN BAGI TAPAK PERLUPUSAN TERNAKAN PKP BETUMPU, DAERAH BRUNEI MUARA.**

**JPt/TAW/34/2006-2007 :MEMBEKAL DAN MENGHANTAR NEW JUTE GUNNY SACK (BROWN) 30,000 KEPING.**

- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
- Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
- Yuran Tawaran sebanyak B\$100.00 wang tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.
